

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 73

Rabu

28 November 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2008:

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.28 (Halaman 27)
Maksud B.31 (Halaman 53)
Maksud B.32 (Halaman 108)

USUL-USUL:

- Usul Anggaran Pembangunan 2008

Jawatankuasa:-

Maksud P.28 (Halaman 27)
Maksud P.31 (Halaman 53)
Maksud P.32 (Halaman 108)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 28 November 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah kementerian bercadang membuat peraturan supaya semua tandas di hotel-hotel mempunyai paip air untuk bersuci bagi memudahkan pelancong yang beragama Islam menggunakannya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah mengeluarkan Pekeliling pada 27 Jun 2003 berkaitan langkah hotel untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan pembersihan diri kepada semua kerajaan negeri agar memaklumkan kepada pihak berkuasa tempatan supaya pengusaha hotel menyediakan kemudahan pembersihan diri termasuk paip air mencuci bagi memudahkan pelancong yang beragama Islam menggunakannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kementerian ini telah menubuhkan Bahagian Pemantauan Pengurusan PBT untuk menjalankan kajian pemantauan bagi memastikan PBT melaksanakan tugas-tugas yang perlu dijalankan. Pihak PBT turut disarankan agar menetapkan syarat kemudahan pembersihan diri semasa pelan bangunan dikemukakan oleh pengusaha hotel kepada PBT untuk mendapatkan kelulusan. Langkah tersebut bertujuan untuk memastikan setiap pengusaha hotel mengikuti arahan kerajaan dalam mempertingkatkan kemudahan-kemudahan pembersihan diri di hotel. Sekian.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada timbalan menteri yang telah memberikan jawapan. Walaupun jawapan tadi menyatakan bahawa kementerian ada mengeluarkan Pekeliling pada bulan Jun 2003 tetapi kita mendapati banyak lagi hotel-hotel yang masih lagi belum memberikan kemudahan ini. Secara kebetulannya saya telah mendapat komen ataupun teguran daripada pelancong-pelancong yang datang daripada negara-negara Islam seperti dari Asia Barat dan dari Asia Tenggara sendiri. Dia kata kenapa sebuah negara yang mengamalkan agama Islam tetapi tidak mementingkan reka bentuk dan peralatan bersuci di rumah-rumah penginapan sedangkan dia kata di negara bukan

Islam sendiri, misalnya di Jepun, di Korea, malah di Singapura sendiri telah pun menyediakan kemudahan-kemudahan di hotel-hotel mereka tetapi tidak di Malaysia. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat dari Sekijang. Ini memang interpretasi kebersihan tandas dan kemudahan-kemudahannya masih kurang. Untuk makluman Yang Berhormat, penubuhan *inspectorate* atau jawatankuasa pemantauan kementerian di kawasan PBT mendapati semua bangunan hotel yang didirikan selepas tahun 2003 telah mengikut arahan menyediakan kemudahan tersebut. Walau bagaimanapun, bagi hotel sedia ada, PBT telah mengeluarkan notis arahan kepada pemilik bangunan bagi menyediakan kemudahan membersihkan diri.

Denda yang boleh dikenakan kepada mana-mana pemilik bangunan termasuk hotel yang ingkar melaksanakannya dengan tidak mengikut kehendak dan syarat oleh PBT boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 dan denda tambahan tidak melebihi RM500 bagi tiap-tiap hari kesalahan diteruskan. Sekiranya tindakan denda tersebut masih tidak berkesan, PBT boleh menggantung lesen perniagaan hotel tersebut. Sekian.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk membina hab halal dalam negara kita dalam usaha menarik pelancong-pelancong kita dari luar negara, khususnya di rantau negara-negara Arab, sejauh mana kementerian dan PBT bekerjasama dengan jabatan-jabatan agama Islam di negeri-negeri di seluruh negara untuk memastikan bahawa hotel-hotel menyediakan makanan yang halal selain daripada mempunyai paip air untuk bersuci dan kemudahan-kemudahan lain untuk orang Islam. Sekian, terima kasih.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat. Ini memang kementerian sedang mewujudkan satu pelan kerja atau *action plan* iaitu semua tandas di premis-premis makanan berlesen, taraf kebersihan mesti dinaikkan. Oleh kerana itu kementerian saya telah membuat satu perjanjian kerjasama atau *Memorandum of Understanding* (MoU) iaitu dengan tiga persatuan pemilik premis makanan seperti kedai kopi dan restoran untuk mereka melaksanakan tiga langkah.

■1010

Pertama ialah perlu memperbaiki semua asasnya. *Equipment* atau *appliance*, dengan izin bagi tandas perlu diperbaiki supaya berfungsi. Langkah kedua ialah hanya menggunakan tandas bagi fungsi tandas sahaja bukan untuk tempat mencuci mangkuk dan lain-lain. Tunjukkan satu *staff* yang bersih seperti di KFC atau McDonald yang memastikan tandas sentiasa bersih untuk pelanggan mereka. Sekian.

2. **Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah taraf kelayakan bagi guru-guru di tadika KEMAS pada masa ini dan adakah kerajaan mempunyai perancangan dalam membangunkan guru-guru tadika KEMAS ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih saya kepada Yang Berhormat bagi Petra Jaya kerana membawa soalan ini. Untuk makluman Dewan yang mulia, buat masa kini guru-guru KEMAS di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mempunyai kelulusan akademik yang pelbagai bermula dari Sijil Rendah Pelajaran (SRP) hinggalah ke Ijazah Sarjana Muda.

Walau bagaimanapun kesemua 8,215 orang guru KEMAS adalah berkelulusan Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak setelah mereka mengikuti kursus pra perkhidmatan selama enam bulan yang dikendalikan oleh pihak KEMAS dengan kerjasama jabatan-jabatan dan agensi-agensi lain. Pihak kementerian sentiasa mengambil daya usaha untuk menambah upaya memperkasa dan mempertingkatkan profesionalisme guru-guru tadika KEMAS dengan menghantar mereka untuk kursus-kursus intensif dan bengkel-bengkel khas seperti kursus bahasa Inggeris, kursus psikologi kanak-kanak dan kursus cepat membaca secara berkala dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2005, kementerian telah membuat satu keputusan dasar yang diluluskan oleh Kabinet untuk setiap guru tadika KEMAS memiliki diploma perguruan menjelang tahun 2010, satu keputusan yang dianggap sebagai *new miles stone*, dengan izin. Untuk ini guru-guru tadika KEMAS perlu menjalani kursus dalam cuti selama tiga tahun sembilan bulan sebelum di anugerah Diploma Perguruan Malaysia. Kursus ini telah bermula pada bulan Mei 2006 dan seramai 1,034 orang guru telah mula berkursus dan semua guru tadika KEMAS di seluruh negara akan selesai berkursus pada tahun 2010.

Bagi guru KEMAS lantikan baru yang menggantikan guru-guru KEMAS yang bersara, mereka perlu mengikut kursus diploma perguruan sepenuh masa di institut-institut perguruan Malaysia. Buat masa ini seramai 538 orang guru tadika sedang berkursus dan 300 orang lagi akan mula berkursus tahun hadapan. Pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan terus memastikan guru-guru KEMAS yang telah menjadi peneroka pendidikan awal kanak-kanak awal di Malaysia sejak tahun 1970 akan terus ditambah nilai dan dipertingkatkan keupayaan mengajar mereka selari dengan keperluan suasana dan kehendak semasa seiring dengan sistem pendidikan negara kita. Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, menurut satu kajian oleh Profesor Madya Dr. Azizi Haji Yahya dari Fakulti Pendidikan UTM Skudai, Johor yang bertajuk "*Keberkesanan Pendidikan Pra Sekolah dan Swasta - Perbandingan Mengikut Persepsi Ibu Bapa*" menunjukkan hampir tiada langsung perbezaan antara guru dan kemudahan yang disediakan oleh tadika KEMAS dan juga kemudahan yang disediakan oleh tadika swasta. Maka sudah tentulah ada unsur lain yang mempengaruhi ibu bapa menghantar anak-anak ke prasekolah swasta.

Berdasarkan maklum balas responden salah satu puncanya ialah ramai tidak mengetahui atau mempunyai maklumat berkenaan tadika KEMAS. Soalan saya, apakah program publisiti kementerian dalam mempromosikan tadika KEMAS dengan memberikan maklumat yang jelas terhadap ibu bapa berhubung kurikulum, kelayakan guru dan kemudahan yang disediakan.

Kedua, adakah perancangan KEMAS untuk menjalin perkongsian pintar atau jaringan pintar dengan Program Permata.

Ketiga, adakah kementerian bercadang untuk mengkaji gaji guru tadika KEMAS. Kalau kita membuat perbandingan gaji guru tadika KEMAS dengan prasekolah swasta agak jauh berbeza. Di pihak swasta gajinya lebih tinggi sedikit. Dengan program yang dilaksanakan oleh kementerian, dengan kelayakan mereka yang bertambah baik mungkin mereka dipancing oleh prasekolah swasta. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Petra Jaya kerana soalan yang begitu menyeluruh. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, program tadika KEMAS ini bermula pada tahun 1970 hanya dengan 10 buah tadika percubaan ataupun model tadika. Pada hari ini kita telah melalui fasa demi fasa hingga telah mencapai 8,215 tadika seluruh negara. Kalau dibandingkan dengan tadika-tadika swasta yang lain, saya merasakan pihak guru-guru KEMAS seluruh negara telah memberikan apa yang terbaik untuk memastikan KEMAS yang berakar umbi di seluruh negara selalu bermegah dengan tadikanya dan akan terus memperkasakan sama ada dari segi kurikulum dan publisiti seperti Yang Berhormat sebutkan tadi.

Saya rasa daripada segi publisiti, terima kasihlah Yang Berhormat kerana Yang Berhormat membawa soalan ini. Mungkin ia dapat juga memberi publisiti ke seluruh negara tentang keupayaan yang ada pada guru-guru KEMAS yang bukannya perlu diperlekeh tetapi kita perlu memberi mereka semangat supaya mereka inilah yang berada di akar umbi mendidik anak-anak bangsa di tahap dalam keadaan serba kekurangan dalam tahun 70-an ke tahap yang lebih baik pada waktu ini.

Tentang Permata, pada tahun ini lima Permata dibuat sebagai perintis (*pioneer*) ke seluruh negara. Saya yakin satu hari nanti 10 tahun, 15 tahun atau 20 tahun yang akan datang Permata ini akan menjadi seperti tadika KEMAS yang bermula dengan 10 buah tetapi pada hari ini menjadi 8,215 dan kalau Permata bermula dengan lima buah satu hari nanti ia pun akan menjadi beribu-ribu. Pihak KEMAS akan sentiasa menunggu dengan tangan terbuka untuk menerima anak-anak Permata yang berumur di bawah empat tahun ini. Apabila mereka selesai di Permata satu hari mereka akan pergi ke tadika KEMAS pula dalam masa umur lima dan enam tahun sama ada mereka akan membuat pilihan prasekolah di sekolah kebangsaan, tadika KEMAS kita ataupun tadika Jabatan Perpaduan Negara.

Jadi, inilah langkah-langkah yang perlu kita buat dari masa ke semasa untuk memperkasakan guru-guru kita supaya anak-anak Permata yang makin bijak ini dapat masuk ke KEMAS dengan baik dan selesa. Terima kasih. Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hari ini guru-guru tadika KEMAS mendidik anak-anak prasekolah dibantu oleh pembantu guru tadika. Saya hendak bertanya kementerian adakah rancangan untuk menentukan syarat minimum kelayakan untuk pembantu guru ini dengan elaun yang ditetapkan dan juga kursus yang sepatutnya diberikan juga kepada pembantu guru ini. Ini kerana sesetengah tadika, apabila guru KEMAS tidak hadir, pembantu ini juga akan mengambil alih tugas guru berkenaan. Terima kasih.

■1020

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Selangor kerana soalan yang cukup baik. Saya ingin berkongsi dengan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang pembantu guru Tabika KEMAS di seluruh negara dahulunya tiap-tiap seorang guru Tabika ada seorang pembantu guru yang dibayar gaji oleh kementerian. Apabila berlaku kemelesetan ekonomi di tahun 1987 dibuat satu senario baru di mana pembantu-pembantu guru ini di *upgrad*kan jawatan mereka menjadi guru TABIKA dan diberi kursus. Oleh yang demikian daripada 8,215 Tabika KEMAS yang ada pada hari ini cuma 1,100 sahaja yang ada pembantu guru tabika yang dibayar gaji oleh kementerian. Yang lain-lain 7,000 lebih lagi dibayar oleh tabika-tabika masing-masing daripada elaun yuran pelajar. Jadi berlaku satu ketidakseimbangan kerana ada TABIKA yang tidak mampu membayar dan mengajikan pembantu TABIKA dan pihak kementerian sekarang ini sedang berunding dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya harap dengan desakan Ahli-ahli Yang Berhormat, JPA akan dapat meluluskan kuota lama kita supaya tiap-tiap satu guru tabika akan ada seorang pembantu guru TABIKA. Ini akan memberi satu kemudahan dan keselesaan serta kebaikan kepada anak-anak kita pada peringkat awal yang perlu pembantu terutama sekali apabila PM Tabika KEMAS kita ini bersalin, bercuti, sakit tidak ada guru-guru yang berkelayakan untuk menggantikan mereka dalam waktu-waktu cuti sakit dan keadaan dibuat seperti mana mengisi keperluan yang ada. Jadi saya sangat bersetuju dengan saranan Yang Berhormat supaya gaji tetap ini dapat kita beri kepada pembantu guru KEMAS dalam skim yang sedang kita runding dengan Jabatan Perkhidmatan Awam supaya diwujudkan semula mengisi kuota lama yang ada pada kita sejak tahun 80 an. Sekian Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu izinkan saya untuk mengalu-alukan guru-guru dan para pelajar Sekolah Kebangsaan Tamil Taman Gembira Parlimen Klang dan Puteri UMNO Kemaman, Terengganu.

3. Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: minta Menteri Kerja Raya menyatakan jumlah keluasan dan pengambilan tanah penduduk kampung bagi tujuan pembinaan Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS) dan beberapa kos dan pampasan yang telah diberikan kepada pemilik tanah tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek Lebuh Raya Utara-Selatan sepanjang 823 kilometer melibatkan keluasan tanah sebanyak 25,000 ribu ekar dan melibatkan sebanyak 20 ribu lot. Jumlah keseluruhan pampasan yang telah dibayar oleh kerajaan untuk projek ini adalah berjumlah RM 537.11 juta. Pengambilan tanah untuk projek ini telah dilakukan secara berperingkat-peringkat iaitu mulai tahun 1980 sehingga 1988 dan telah melibatkan beberapa negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat kata tadi tidak gembira. Terima kasih Yang Berhormat, saya amat tertarik dengan Lebuh Raya Utara-Selatan ini kerana sekarang ini sedang dipertingkatkan lagi hendak jadikan tiga link, alhamdulillah. Merencanakan lagi kegunaan lebuh raya tersebut. Cuma saya hendak bertanya pada Yang Berhormat isu panas pada hari ini iaitu berhubung kadar tol. Minta penjelasan sebab kalau ini tidak dijelaskan pembangkang dia akan gunakan macam-macam dia tidak modal sekarang dia hendak kempen. Dia dengar hendak dekat pilihan raya dia hendak kempenlah. Sebab sama ada tentang kadar tol ini Tuan Yang di-Pertua telah dibincangkan atau dibuat satu keputusan dan dibawa ke Kabinet sebab orang ramai hendak tahu tentang kedudukan kadar tol ini. Maklum sahajalah ia menjadi satu isu dan kalau boleh saya hendak mintalah kalau ini terpaksa dilakukan sama ada pertimbangan akan dibuat supaya diberikan *discount* dengan izin ke atas pengguna-pengguna yang menggunakan Smart TAG atau pun Touch 'n Go. Ini merupakan pengguna-pengguna tetap yang sering menggunakan lebuh raya ini dan merupakan mereka yang memberi sumbangan besar kepada pendapatan syarikat atau konsesi yang telah mendapat nikmat mengadakan lebuh raya ini. Jadi minta sedikit penjelasan Yang Berhormat sama ada satu keputusan atau pun perbincangan telah dibuat ke atas kadar tol ini. Saya bimbang nanti pembangkang akan mengambil kesempatan mengelirukan lagi rakyat. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Larut dan juga 'raja laut'. Satu keprihatinan yang amat saya amat saya rasa perlukan penjelasan yang begitu jelas. Untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya kalau kita bercakap tentang tarif lebuh raya dan tol yang dikenakan sebenarnya bukan menjadi satu isu yang berterusan tetapi setiap kali tiga tahun bila dalam jadual yang telah pun ditetapkan ada kenaikan maka masalah ini akan menjadi satu masalah yang berbangkit. Sebagaimana yang kita sedia maklum ini merupakan satu konsesi dan konsesi memakan satu jangka masa yang panjang. Sebagaimana Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa dalam pengamatan dan penggunaan pihak pengguna serta pihak Yang

Berhormat sendiri menggunakan lebuhraya ini dia ada tambah baik dari segi lebuhraya tersebut daripada dengan izin daripada dua *lane* kepada tiga *lane* dan berapa banyak *interchange* yang telah pun disediakan. Juga perbelanjaan yang telah pun dikeluarkan oleh pihak konsesi yang melibatkan hampir RM900 juta, hampir RM1 bilion untuk menarik tarafkan konsesi lebuhraya. Ini tentu akan melibatkan kos konsesi lebuhraya. Sebagaimana yang kita tersedia maklum juga kalau kita kira daripada segi berapa sen per kilometer terhadap lebuhraya ini yang dikenakan kepada pihak pengguna, ia merupakan satu *rate* yang termurah dirantau ini. Tetapi ini juga menimbulkan masalah kepada pihak pengguna.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian telah pun mengarahkan Lembaga Lebuhraya Malaysia dan juga kita telah pun mendapatkan dengan izin *input* daripada *Highway Economic Planning Unit* kementerian sendiri untuk membuat kajian impak tentang kos tanggungan tol ini dan kita mengambil kira tentang kedudukan semasa dan juga tentang keadaan sosio ekonomi yang berlaku. Yang Berhormat kalau kita mengambil satu keputusan supaya tol itu dibatalkanlah, contoh dia tentu akan melibatkan *performance* kepada syarikat yang disenaraikan Bursa Saham Kuala Lumpur. Kita sedia maklum bahawa PLUS merupakan salah satu syarikat yang mempunyai *market capitalization* yang terbesar dalam KLSE. Ini akan melibatkan ekonomi. Yang Berhormat sedia maklum bila kerajaan membuat keputusan tentang Proton, dia punya *market devaluation* dia hampir 25 peratus dan ini akan melibatkan kedudukan ekonomi negara dan banyak yang faktor yang kita harus ambil kita. Dalam pendekatan ini kerajaan melihat apakah dia *win-win situation*. Kalau kita telah pun tetapkan dalam konsesi mengatakan setiap tiga tahun hendak dinaikkan, berapa *rate* dia dan *rate* itu adakah mampu dibuat oleh rakyat dan ini yang telah pun dipertimbangkan oleh pihak kerajaan dan makluman Yang Berhormat saya tidak bersedialah untuk memberikan butiran kerana kita masih lagi merangka beberapa *option*, dan *option* ini akan dibawa kepada pihak Kabinet dan tentulah kerajaan akan memikirkan yang terbaik untuk rakyat. Terima kasih.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pembinaan lebuhraya yang melibatkan pengambilan tanah *utility*, tanah kerajaan dan tanah individu melibatkan kos yang cukup besar. Dalam pada masa itu juga pengambilan ini menggunakan *machinery* dan kuasa undang-undang yang dipegang oleh kerajaan. Pada masa yang sama syarikat pengendali lebuhraya mendapat keuntungan yang cukup besar hasil daripada pelaburan, sokongan, bantuan, pengorbanan serta usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan.

■ 1030

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam soalan tambahan saya, adakah kita harus berpegang teguh kepada janji yang telah ditandatangani dalam perjanjian konsesi itu semata-mata berdasarkan kepada janji dalam perjanjian atau di manakah semangat tanggungjawab sosial yang perlu dikenakan kepada

pemegang konsesi ini yang untung begitu banyak. Akhirnya mendapat faedah daripada pengorbanan dan bantuan kerajaan ini.

Soalan saya yang kedua Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah, ada atau tidak usaha kerajaan untuk memperbanyakkan lagi jalan-jalan alternatif baru yang ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan bagi memberi pilihan kepada rakyat yang tidak ingin membayar tol menggunakan jalan-jalan pilihan baru, bukan jalan-jalan lama.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Jalan-jalan pilihan baru supaya ini meringankan beban rakyat dalam bayaran tol ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat ada tiga perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Pertama tentang tanggungjawab sosial dan keprihatinan kerajaan terhadap rakyat tentang tanggungjawab sosial. Saya fikir Yang Berhormat sedia maklum bahawa kalau intipati daripada Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga perbelanjaan pembangunan yang telah pun dibincangkan Yang Berhormat sendiri mengambil bahagian dalam persidangan dalam Dewan ini. Dia melambangkan keprihatinan kerajaan terhadap tanggungjawab sosial.

Kedua, sama ada kerajaan bersedia atau tidak untuk membatalkan perjanjian konsesi yang melibatkan antara kerajaan dengan syarikat, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum syarikat yang ada perjanjian dengan kerajaan ini dia bukan hanya melibatkan syarikat dengan kerajaan. Dia juga melibatkan pihak peminjam dan kalau kerajaan dengan izin bon yang dikeluarkan oleh kerajaan kalau daripada dia punya *rating* dia *triple A rating*.

Triple A rating maknanya boleh gerenti dapat pulangan dia punya dividen tetapi kalau kerajaan kita memutuskan perjanjian dengan mana-mana pihak, ini akan melibatkan kita punya *rating* akan turun dan bila *rating* akan turun apabila kerajaan bersedia untuk mengeluarkan bon untuk melibatkan perbelanjaan yang besar di hadapan dia akan menghadapi beberapa tekanan. Yang ini kita kena fikir dan semaklah jadi yang ketiga tadi saya agak lupa tadi, apa dia Yang Berhormat?

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Jalan pilihan Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Oh jalan pilihan. Jalan pilihan ini Yang Berhormat kalau Yang Berhormat sedia maklum kalau melihat perbelanjaan yang diluluskan di peringkat jawatankuasa, perkara-perkara yang berhubung-kait tentang penyelenggaraan. Penyelenggaraan itu *vote* yang digunakan untuk menaik taraf jalan-jalan *federal*, *federal road* lah. *Federal route one*, *federal route two*, *federal route three* dan kalau mana-mana jalan yang melibatkan jalan-jalan baru sebagaimana yang diumumkan oleh kerajaan melalui *Northern Corridor* punya *development*, *Eastern Corridor* dan juga Wilayah Pembangunan Iskandar.

Saya percaya dan yakin yang akan melibatkan Wilayah Pembangunan Sabah dan Sarawak, pihak HEP, *Highway Economic Planning* di bawah Kementerian Kerja Raya akan

memberikan input yang keperluan berasas kepada permintaan pembangunan sosioekonomi dan ini adalah satu projek yang berterusan. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, kalau perbelanjaan pembangunan yang telah pun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, saya fikir hampir RM18.7 bilion adalah untuk pembinaan jalan-jalan baru. Sekian, terima kasih.

4. Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah kajian dan peruntukan dibuat agar kemudahan dan kelengkapan semua Duta, Pesuruhjaya Tinggi, konsul-konsul dan pejabat-pejabat kerajaan lain di luar negara tidak kelihatan dan keadaan daif, tidak mencukupi dan tidak terkini; dan
- (b) adakah kajian terperinci dibuat agar semua Duta, Pesuruhjaya Tinggi, konsul-konsul dan pekerja-pekerja Malaysia di luar negara kita tidak daif dan tidak mencukupi dari ganjaran dan kemudahan mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Ahmad Shabery Cheek]:

Tuan Yang di-Pertua, pejabat-pejabat perwakilan Malaysia di luar negara adalah diumpamakan sebagai barisan hadapan menjaga kepentingan negara. Pegawai-pegawai kita sentiasa memerlukan sokongan sama ada dari segi sumber manusia, kewangan mahupun peralatan dan kemudahan bagi mereka menjalankan tugas dengan sempurna di samping menjaga imej negara.

Oleh yang demikian dengan peruntukan belanjawan mengurus dan pembangunan yang sedia ada, kementerian sentiasa mengambil pendekatan perbelanjaan secara berhemah di dalam menentukan semua pegawai-pegawai yang berkhidmat di perwakilan Malaysia di seberang laut berada dalam keselesaan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian Luar Negeri mempunyai 104 buah pejabat perwakilan di seberang laut di serata dunia yang terdiri daripada berbagai-bagai peringkat sama ada bertaraf kedutaan penuh, konsulat jeneral mahupun konsul dan sebagainya.

Di dalam keadaan-keadaan tertentu di negara-negara di mana pegawai-pegawai kita bertugas, keselesaan bukan sahaja sukar diperoleh maka terpaksa ditanggung dengan kos yang amat tinggi. Untuk makluman, segala kemudahan, ganjaran dan kelayakan serta kelengkapan bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat di pejabat-pejabat perwakilan Malaysia di seberang laut termasuk kakitanganambilan tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Peraturan-peraturan ini sentiasa disemak dan dikaji semula bagi membolehkan pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di pejabat-pejabat perwakilan Malaysia di luar negara sentiasa selesa dan setanding serta setaraf dengan rakan-rakan sejawat mereka dari negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua: Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih. Jawapan amat umum tetapi kalau saya hendak sebut dan kalau saya meminta kementerian semak semula ucapan saya di Dewan ini nescaya kementerian dapati banyak perkara yang saya sebut. Di Moscow saya ada nampak kereta pun buruk macam kereta yang dipakai orang pergi ke kebun yang diberi kepada pegawai, malu pegawai hendak pakai. Di Poland, saya jumpa kereta buruk juga, Volvo 240 tidak dipakai orang lagi dah. Faks mesin rosak, rumah tidak cukup bila hendak mengadakan perayaan kemerdekaan, dua kali dibuat.

Jadi semua *ambassador-ambassador* yang tidak boleh dijemput oleh sebab saya bertanya dengan *ambassador* Malaysia, dia kata tidak cukup wang Yang Berhormat dia kata. Jadi kenapa tidak guna hotel? Hotel kita tidak cukup duit kata dia. Jadi macam mana jawapan ini? Jadi mana peruntukan kalau hendak sebut semua, kedutaan kita di Egypt pula bocor, nasib di negeri Egypt itu tidak banyak hujan. Jadi saya boleh sebut semua ini Tuan Yang di-Pertua, jadi nampaknya ada kelemahan.

Soalan peraturan-peraturan dan implikasinya dibuat di negara Malaysia tidak boleh dibuat di luar negara. Jadi kita sepatutnya mempunyai dua peraturan-peraturan tertentu untuk menjaga imej negara. Malaysia yang terkaya, negara yang berkemampuan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tuju soalan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi saya minta tanya bolehkah tidak kementerian cadangkan supaya peraturan ini dilihat semula supaya ada dua set peraturan untuk diguna pakai di Malaysia. Terima kasih.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih di atas soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Santubong melambangkan keprihatinan beliau terhadap nasib ataupun prestasi perwakilan kita di luar negara. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, perkara ini memang disedari bukan sahaja di peringkat kementerian kami tetapi juga di peringkat kabinet dan perkara ini telah disarankan beberapa tindakan-tindakan segera mesti diambil dan kalau diingatkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM760 juta diperuntukkan bagi pembangunan fizikal dan *non* fizikal bagi memperbaiki segala keadaan yang dianggap tidak baik.

Beberapa perjumpaan sedang dibuat kerana tahun ini adalah tahun untuk kita membuat segala bentuk *review* ataupun kaji semula tentang segala peruntukan yang lama iaitu antara pihak JPA, pihak Perbendaharaan dan juga pihak Wisma Putra. Mengenai sepatutnya kita ada dua set peraturan yang dikenakan kepada jabatan yang lain dengan Wisma Putra ataupun Kementerian Luar Negeri, saya rasa bukanlah saranan itu hanya kepada kami tetapi perlu diberikan kepada kementerian yang berkenaan dalam memastikan bahawa apa yang matlamat untuk memberikan khidmat yang terbaik, menaikkan imej negara itu akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini saya hendak tanya sebab soalan saya tanya dalam bahas belanjawan yang lepas pun belum dijawab berkaitan dengan peruntukan ini. Sebagai sebuah barisan depan hendak mempamerkan keindahan dan kemakmuran negara saya hendak tahu adakah benar Indonesia dan Thailand ini mempunyai peruntukan dan mempunyai kelebihan yang lebih hebat daripada kita? Itu sahaja.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa negara terutama negara ASEAN menyedari bahawa peranan Kementerian Luar Negeri mereka iaitu sebagai barisan depan sama ada pertahanan negara, ekonomi negara dan sebagainya cukup penting dan mereka menyedari bahawa dari segi prestasi mereka berbanding dengan Malaysia, Singapura dan sebagainya agak ke belakang pada satu ketika dahulu.

■1040

Mereka menganggap bahawa ia ada kaitan dengan soal peruntukan, soal kemudahan, soal gaji yang tinggi ataupun mesti di lebih tinggikan berbanding dengan apa yang diperolehi oleh negara-negara seperti Malaysia dan Singapura.

Sebab itulah kita sedar bahawa Indonesia dan Thailand sekarang ini telah memberikan perhatian yang besar. Kita dapat lihat peningkatan dari segi prestasi di kalangan diplomat mereka dalam arena antarabangsa.

Sebab itulah saya percaya dengan semangat yang telah dikemukakan oleh soalan Yang Berhormat daripada Batu Pahat dan juga Yang Berhormat bagi Santubong sebentar tadi. Kabinet kita juga sekarang ini bukan sahaja menyedari tetapi telah memberikan perhatian yang besar dan ini telah menekankan pihak-pihak yang berkenaan termasuk perbendaharaan, termasuk JPA dan sebagainya untuk segera mengkaji balik bagaimana untuk meningkatkan lagi keupayaan diplomat kita supaya tahap dan taraf diplomasi kita di luar negara meningkat dengan lebih tinggi dan boleh dibanggakan di mana-mana sahaja. Terima kasih.

5. **Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah peranan kementerian dalam memastikan kadar jenayah di negara ini menurun kerana status atau keadaan kehidupan wanita, keluarga dan masyarakat mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan status kadar jenayah (*positive correlation*).

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua. Pencegahan dan pembanterasannya jenayah adalah tanggungjawab semua pihak sama ada agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan atau masyarakat umum. Justeru kerjasama semua pihak amat penting dalam menangani masalah ini.

Di pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, pendekatan yang diambil ialah melalui pencegahan dan pemulihan supaya setiap individu mengetahui dan faham akan tanggungjawab mereka masing-masing dalam masyarakat.

Kementerian melalui agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dan Institut Sosial Malaysia menjalankan pelbagai program pencegahan, penggalakan, intervensi dan pemulihan untuk semua kumpulan sasar seperti kanak-kanak, orang kurang upaya, warga emas, wanita, mangsa bencana, masyarakat sivil dalam memainkan peranan bagi mengurangkan kadar jenayah di negara ini.

Bagi kumpulan sasar kanak-kanak, JKM telah melaksanakan program dan aktiviti melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak, Pasukan Perlindungan Kanak-kanak dan Pusat Aktiviti Kanak-kanak di peringkat daerah yang menjurus kepada hasrat dan matlamat kerajaan untuk mewujudkan sebuah keluarga dan masyarakat sejahtera.

Jawatankuasa-jawatankuasa ini memainkan peranan utama di dalam memantau dan mengerakkan program berbentuk pencegahan dalam masyarakat setempat untuk menangani isu-isu sosial. Jawatankuasa-jawatankuasa ini menganjurkan Seminar, Projek Komuniti, Program Antidadah, mengadakan sesi kaunseling dan kem-kem motivasi.

Selain itu JKM mempunyai 25 buah intervensi pemulihan akhlak dan sembilan buah intervensi perundingan kanak-kanak di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, tiga buah pusat remaja yang dikenali sebagai *Cafe at Teen* telah di tubuhkan oleh Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga Negara di Kuala Lumpur dan Butterworth. Pusat remaja ini adalah sebagai sokongan kepada usaha-usaha menangani gejala sosial remaja di mana remaja berusia 13 hingga 24 tahun boleh mendapat pengetahuan, perkhidmatan dan membangunkan kemahiran diri di samping mengisi masa lapang dengan berfaedah.

Dalam aspek kekeluargaan, kementerian mengambil pendekatan untuk meningkatkan kesedaran dan minat masyarakat mengenai kepentingan mengukuhkan institusi keluarga, menjalankan beberapa aktiviti-aktiviti promosi serta pendidikan dan latihan dalam bidang pembangunan keluarga bagi membantu keluarga mendidik anak-anak dan membentuk keluarga yang bersahsiah mulia. Pendidikan ini dilaksanakan berdasarkan modul-modul pendidikan kekeluargaan yang diwujudkan oleh kementerian.

Selain itu program-program ini juga dilaksanakan melalui kerjasama sama pintar dengan agensi kerajaan yang lain, Majlis pembangunan Wanita dan Keluarga serta badan-badan bukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedang melaksanakan "Program satu keluarga satu Kaunselor" sebagai satu usaha untuk menangani masalah dalam keluarga oleh keluarga itu sendiri.

Selain itu dalam usaha meningkatkan sinergi kerjasama multi sektor, kementerian juga turut menyalurkan bantuan geran kepada pelbagai pertubuhan bukan kerajaan untuk menjalankan program dan aktiviti yang menjurus kepada pendekatan menangani gejala sosial. Secara tidak langsung memberi impak positif dalam membendung kadar jenayah yang relatif bagi keadaan sosial yang tidak stabil. Sekian, terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen yang telah memberi jawapan.

Saya ingin menanya soalan tambahan. Apakah pihak kementerian membuat kajian seperti mana yang kita tahu bahawa sekarang ini kadar jenayah meningkat dengan mendadak dan kita tidak merasa selamat di negara sendiri.

Apakah kementerian tidak membuat kajian seperti mana dengan izin *Programme Broken Windows Theory* yang telah diperlakukan di New Jersey. Apabila kita melihat atau sesiapa yang melihat tingkap yang pecah diberikan pemantauan supaya jenayah dan kadar jenayah keselamatan penduduk-penduduk itu terasa terjamin. Apakah pihak kementerian membuat apa-apa lagi langkah dan ada kaji selidik sosial yang dijalankan? Terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Permatang Pauh atas cadangannya untuk membuat kajian.

Dalam tahun 1995 hingga tahun 1999, kementerian ada buat beberapa kajian melalui LPPKN, tetapi kajian itu sekarang *outdated*. Sekarang kementerian sudah mencadangkan untuk membuat satu transformasi *welfare*. Dalam program ini kita sudah cadangkan beberapa kajian terhadap jenayah-jenayah seksual, jenayah-jenayah yang dilakukan oleh kumpulan remaja tetapi ini belum dilaksanakan. Saya ingat ini akan dilaksanakan dalam tahun 2008. Sekian, terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar kadar jenayah tidak menurun tetapi meningkat? Ini adalah kerana tidak ada dasar meritokrasi apabila pilih pegawai-pegawai penyiasat untuk menyiasat kes-kes jenayah. Adakah apa-apa langkah yang diambil dan akan diambil oleh kerajaan untuk menentukan ada meritokrasi apabila ada pilihan untuk pegawai dalam PDRM?

Datuk G. Palanivel: Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tambahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Trend kadar jenayah ini kadang-kadang dia meningkat kadang-kadang dia turun. Kita sebagai kumpulan yang jaga kumpulan sasaran, kes-kes yang di bawah kementerian kita, kita ada sedikit data mengenai dengan kes-kes dera kanak-kanak, kes penganiayaan kanak-kanak, kes-kes mengikut negeri dalam penganiayaan kanak-kanak, kes-kes sumbang mahram, kes keganasan rumah tangga dan angka-angka mengenai penagih dadah, kes-kes ragut dan kes-kes pembunuhan yang terlibat remaja.

■1050

Mengenai trend ini, ia membimbangkan sebab angka-angkanya bukanlah satu yang menurun, tetapi ia kian meningkat. Mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai meritokrasi, itu bukan tanggungjawab kementerian ini dan sebab itu saya bukan dalam keadaan untuk memberi satu jawapan yang tepat. Mungkin Yang Berhormat boleh membangkitkan soalan ini semasa Jawatankuasa dengan kementerian-kementerian yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

6. Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik] minta Menteri Perumahan Kerajaan dan Tempatan menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi pembinaan gerai-gerai perniagaan di bahu jalan yang kerap menghalang lalu lintas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya sedia untuk jawab soalan nombor 6. Tuan Yang di-Pertua, gerai-gerai perniagaan yang melibatkan aktiviti penjaja dilesenkan oleh pihak berkuasa tempatan di bawah Undang-undang Kecil Penjaja masing-masing. Di bawah Undang-undang Kecil tersebut, PBT akan mengenakan syarat-syarat pelesenan yang perlu dipatuhi oleh pemegang lesen dan ini termasuklah tempat-tempat yang dilarang bagi aktiviti penjaja seperti di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai yang menyatakan tiada seseorang pun penjaja boleh menjalankan perniagaannya dengan cara yang menghalang atau mengganggu kelancaran lalu lintas kenderaan dan pergerakan bebas pejalan-pejalan kaki. Tiada seorang penjaja boleh menjalankan perniagaan dengan cara yang boleh menghalang ini di bawah Majlis Perbandaran Seremban dan tiap-tiap majlis ada peraturan yang tertentu.

Di bawah Undang-undang Kecil ini, PBT juga boleh mengambil tindakan penalti dan sitaan ke atas pemegang lesen yang melanggar syarat-syarat lesen bagi membantu para penjaja menjalankan aktiviti perniagaan mereka. PBT ada menyediakan tempat yang khusus atau gerai tetap dan ini termasuklah pasar-pasar malam. Pembinaan gerai di bahu jalan lazimnya melibatkan penjaja tanpa lesen dan tindakan penguatkuasaan sentiasa diambil oleh PBT bagi menangani masalah ini. Ini turut meliputi usaha menempatkan semula para penjaja di sesuatu lokasi yang lebih sesuai dan selamat. Terima kasih.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pembinaan gerai-gerai tepi jalan yang haram ini bukan sekadar menghalang lalu lintas, bahkan Tuan Yang di-Pertua telah banyak mengakibatkan kemalangan dan juga kematian. Saya nak tanya dengan pihak kementerian sebab di Pahang pun ada benda-benda ini dan kita telah bawa ke dalam ini. Saya nak tanya kepada kementerian walaupun kita ada undang-undang, tetapi sejauh mana tindakan yang telah diambil dan berapakah jumlah gerai-gerai haram di sepanjang jalan ini yang dibina oleh peniaga-peniaga ini bagi setiap negeri, dan apakah tindakan yang telah diambil kepada gerai-gerai berkenaan? Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini sebenarnya di bawah pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri. Dari segi dasar, Kerajaan Persekutuan telah menetapkan dasar bahawa gerai-gerai mesti ditempatkan di tempat yang selamat, bukan sahaja dari segi lalu lintas tetapi seperti apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Maran iaitu tentang keselamatan jalan raya.

Oleh itu kalau perkara ini masih berterusan, ini cuma melambangkan satu kelemahan di dalam penguatkuasaan di pihak berkuasa tempatan dan perkara ini kita selalu bangkitkan di dalam Majlis Negara Kerajaan Tempatan iaitu forum di mana pihak negeri dan pihak Persekutuan bincang tentang isu-isu berkenaan dengan kerajaan tempatan. Kita akan bawa balik perkara ini supaya kerajaan negeri dan kerajaan tempatan memberi pandangan yang lebih tegas tentang isu-isu ini dan menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada. Kita mempunyai undang-undang yang cukup cuma kelemahan di dalam penguatkuasaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat boleh juga membawa isu-isu ini ke pandangan menteri-menteri besar di dalam negeri mereka masing-masing kerana menteri besar mempunyai segala kuasa untuk memastikan undang-undang dilaksanakan di negeri mereka termasuk tukar YDP-YDP yang tidak boleh buat kerja mereka. Ini kuasa menteri besar, bukan kuat kuasa yang ada dalam Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, dari Kerajaan Persekutuan kita mempunyai dasar, kita berharap perkara ini diikuti di dalam kerajaan negeri. Terima kasih.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Dari segi perangkaan?

Dr. S. Subramaniam: Dapatkan daripada kerajaan negeri dan minta pandangan. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu banyak kawasan-kawasan Projek Lebuh Raya Utara-Selatan membina jejambat. Di bawah jejambat ini biasanya dibiarkan kosong dan kawasan ini tidak kena hujan dan tidak kena panas. Apakah kementerian ingin menurunkan sesuatu dasar kepada pihak PBT, supaya tempat-tempat ini sesuai dijadikan gerai-gerai untuk dibuat gerai jualan barang-barang makanan ataupun barang-barang kraf tangan. Kerana banyak tempat-tempat ini yang boleh kita majukan untuk dibuat gerai-gerai ini. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Lebu-lebu raya di bawah Kementerian Kerja Raya dan lebu raya besar di bawah PLUS di mana pihak kerajaan tempatan tidak mempunyai kuasa untuk memberi gerai atau membina gerai. Terima kasih.

7. **Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah kerjasama yang dibentuk dengan JAKIM dalam memastikan bahawa produk-produk perubatan yang diimport memenuhi piawaian khususnya dari aspek HALAL.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Biro Pengawalan Pharmaceutical Kebangsaan

Kementerian Kesihatan berperanan memastikan semua produk *pharmaceutical* yang didaftarkan dinilai dari segi kualiti, keselamatan dan aplikasinya. Manakala ubat tradisional serta kosmetik dinilai dari segi keselamatan dan kualiti sahaja. Sekiranya sesuatu produk itu mengandungi bahagian haiwan di dalam formulasi, adalah menjadi tanggungjawab pemegang pendaftaran untuk menyatakan pada label bahawa produk tersebut mengandungi bahagian haiwan dan amalan ini juga terpakai sekiranya bahagian haiwan tersebut adalah dari sumber *porcine*.

Ia bertujuan supaya pengguna mendapat maklumat tentang sesuatu produk sebelum memutuskan untuk mengambilnya. Pada masa ini Kementerian Kesihatan membenarkan produk bagi kategori ubat semula jadi atau tradisional, produk *supplement* kesihatan dan kosmetik untuk pasaran tempatan dan eksport diberikan kelulusan untuk meletakkan tanda logo halal yang diperakui dan dikeluarkan oleh JAKIM. Kebenaran ini adalah berdasarkan permohonan dan bukan sebagai keperluan mandatori. Bagi produk yang diimport dari luar negara yang menuntut bahawa produk mereka adalah halal, pengesahan daripada JAKIM adalah diperlukan untuk memastikan badan yang mengeluarkan sijil halal tersebut diiktiraf oleh mereka. Sekian.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Melanggar peraturan perkara biasa yang kita lihat. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun Kementerian Dalam Negeri sebagai contoh menghapuskan VCD haram dan sebagainya. Kementerian Kesihatan dari segi mengawal ataupun memantau penyalahgunaan ataupun penjualan produk-produk yang tidak memenuhi piawaian. Bagaimana Yang Berhormat? Adakah kes ini berlaku? Berapa banyak kalau ada? Adakah..., saya pun baru perasan jururawat ramai masuk ke Dewan ini, jururawat-jururawat ini tahu ataupun ada kaedah untuk mereka membantu kerajaan dalam memantau supaya produk-produk perubatan yang digunakan ini memenuhi seperti mana Yang Berhormat telah jelaskan tadi?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih. Berkaitan dengan kes-kes ubat-ubatan yang tidak disahkan, serbuan sentiasa dijalankan iaitu pihak penguatkuasaan kita sentiasa menjalankan kerja-kerja mereka. Serbuan telah kita jalankan setiap tahun untuk memastikan ubat-ubatan yang ada di dalam pasaran adalah tulen dan dari segi halal pun seperti yang saya katakan, iaitu yang pentingnya ialah aplikasi ubat-ubatan itu adalah untuk menyembuhkan pesakit. Dari segi yang lain ia adalah di bawah jabatan atau *jurisdiction* bahagian lain. Sekian.

■1000

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat hari ini kita selalu mendengar terlalu banyak produk *direct selling* Tuan Yang di-Pertua, ataupun jualan langsung ini. Boleh dikatakan ia hadir seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Demikian juga dengan ubat-ubat yang kononnya Tuan Yang di-Pertua, menambah kuat tenaga batin laki-laki, boleh diperolehi di mana-mana. Persoalannya, bagaimana kementerian ini boleh mengawal perkara seperti ini jangan berlaku, sebab:

- (i) pengguna tidak tahu halal haramnya; dan
- (ii) tidak tahu kesahihan.

Sama ada ketulenan ia dan sebagainya dan boleh juga mendatangkan mudarat. Tidak ada kawalan Tuan Yang di-Pertua. Jadi apa peranan kementerian mengawal supaya produk-produk ini dijamin baik dan boleh diguna pakai oleh pengguna untuk kesihatan.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian Kesihatan supaya kita dapat memastikan ubat-ubatan di dalam pasaran adalah tulen dan adalah baik untuk digunakan.

Yang pertama adalah melalui pendaftaran. Iaitu semua ubat-ubatan yang terdapat di dalam negara ini mesti mendapat pendaftaran daripada pihak kerajaan dan sebelum kita membuat pendaftaran kita akan membuat ujian ke atas ubat-ubatan ini. Itu pertama.

Yang kedua, kita telah melekatkan *medic tag*. Iaitu *hologram* di semua ubat-ubatan yang kita ada, yang dijual dalam negara ini supaya senang apabila kita membuat kerja-kerja penguatkuasaan. Dengan adanya *medic tag* ini, kita boleh kesan dengan cepatnya, adakah ubat-ubatan yang dijual dalam pasaran itu, adakah ia sudah didaftarkan dengan sahnya.

Yang ketiga adalah penguatkuasaan. Kita sentiasa menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan di dalam negara kita supaya kita dapat memastikan semua ubat-ubatan yang dijual itu adalah sah. Sekian.

8. Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu] minta Menteri Pelancongan menyatakan bagaimanakah langkah-langkah bagi mempromosikan "kehidupan di rumah panjang" di Sarawak sebagai salah satu daripada produk pelancongan.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, rumah panjang di Sarawak adalah merupakan di antara produk pelancongan yang sentiasa dipromosikan oleh Kementerian Pelancongan menerusi Agensi Tourism Malaysia. Melalui Program *Home Stay* pelancong dapat menikmati pengalaman yang unik di mana pelancong dapat tinggal bersama dengan keluarga tuan rumah yang secara tidak langsung dapat mendekati sendiri komuniti di rumah panjang tersebut.

Home stay secara tidak langsung turut membuka ruang kepada masyarakat tempatan menjana pendapatan tambahan dengan menyertai peluang-peluang perniagaan berkaitan dalam bidang pelancongan mengikut kemampuan masing-masing. Jika dilihat dari perspektif lain pula, beberapa sektor berkaitan turut menerima kesannya. Antaranya seperti pembangunan sektor hiliran, sektor pertanian berasaskan pelancongan atau *agro tourism*, pelancongan, alam semula jadi ataupun ekopelancongan dan pembangunan industri desa dan kraf tangan.

Aktiviti promosi dan publisiti yang lebih menyeluruh mengenai dengan rumah panjang sentiasa dianjurkan di peringkat domestik mahupun antarabangsa termasuk usaha untuk membentuk dan memasarkan pakej pelancongan istimewa bagi memenuhi keperluan pelancong

dari pelbagai destinasi. Laman web sedia ada juga akan dinaik taraf menjadi portal pelancongan bertujuan membekalkan maklumat berkaitan pelancongan, terutamanya mengenai rumah panjang. Portal ini akan turut memulakan pengumpulan data dan kajian terhadap minat dan pilihan pelanggan untuk merancang dan memperkemaskan perkhidmatan.

Selain itu, Kementerian Pelancongan juga telah mengadakan bengkel dan seminar pelancongan untuk menggalakkan agensi-agensi pelancongan bagi mengadakan serta membangunkan pakej-pakej yang menarik ke rumah panjang. Program lawatan suai kenal atau Mega Familiarization Program juga turut dianjurkan kepada para pengusaha pelancongan dan wakil media asing bagi memberi liputan serta publisiti yang luas mengenai produk pelancongan khususnya mengenai rumah panjang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan melalui Tourism Malaysia akan terus berusaha untuk mempergiatkan usaha-usaha promosi bagi memastikan rumah panjang akan terus dikenali sebagai produk pelancongan yang menarik di peringkat antarabangsa. Sekian.

Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu, berapakah bilangan pelancong-pelancong yang telah melawat rumah panjang setakat ini dan juga bilangan *home stay* yang sudah ada dibina khasnya di Lubok Antu, dan juga bilangan agen pelancong yang membawa pelancong ke rumah panjang dan daripada bilangan tersebut, berapakah yang dipunyai oleh rumah panjang itu sendiri dan juga apakah bentuk bantuan yang dapat disalurkan oleh kerajaan ke rumah panjang supaya para pelancong akan ada tandas yang bersih, tempat mandi dan tempat masak, dan juga tempat tidur yang selesa? Sekian, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat dari Lubok Antu. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan melalui satu jawatankuasa penyelaras *home stay*, telah melaksanakan usaha-usaha untuk menggalakkan penyertaan *home stay*. Selain itu, Kementerian Pelancongan turut memberi taklimat kesedaran *home stay* kepada pemohon baru, kepada pengusaha-pengusaha *home stay* yang telah beroperasi diberikan kursus, latihan lanjutan mengenai cara-cara pengurusan *home stay* dan berbentuk motivasi untuk menolong lagi komitmen para pengusaha *home stay* untuk terus memajukan perniagaan *home stay* mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, setakat Disember 2006, jumlah *home stay* yang berada di Malaysia ialah sejumlah 1,563 *participant* dan jumlah kampung yang mengambil bahagian ialah 105. Di peringkat negeri Sarawak, jumlah *participant* ialah 144 dan kampung yang terlibat ialah 12 dan angka-angka untuk pelancong asing pergi ke negeri Sarawak atau khususnya pergi ke Lubok Antu, saya akan jawab secara bertulis. Sekian.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi ada pelancong yang mengatakan bahawa sekarang ini rumah panjang tidak menjadi tarikan

lagi kerana ciri-ciri autentik sudah tidak ada, kerana kebanyakan rumah panjang ini telah dimodenkan. Jadi saya hendak bertanya kepada Kementerian Pelancongan, sejauh manakah Kementerian Pelancongan cuba mengekalkan ciri-ciri semula jadi yang ada di rumah-rumah panjang ini supaya ia benar-benar dapat menarik pelancong. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Memang Kementerian Pelancongan kita ada ambil kira apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, ada satu jawatankuasa untuk menangani isu-isu pelancongan yang ditubuhkan atas arahan Yang Berhormat Menteri dan diketuai oleh Kementerian Pelancongan, dan jawatankuasa ini disertai oleh agensi-agensi kerajaan dan bukan sahaja polis, Jabatan Imigresen, pihak swasta dan juga wakil dari negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak dan memang kita ada berbincang mengenai dengan isu-isu yang dikatakan oleh Yang Berhormat, supaya *Home Stay Program* ini kita akan memberi tumpuan dan boleh menarik ramai pelancong ke negara kita. Sekian.

■1110

9. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta Menteri Luar Negeri menyatakan pencapaian Malaysia dalam memenuhi matlamat Millennium Development Goals yang ditetapkan oleh United Nations setakat ini. Apakah peranan yang dimainkan oleh kementerian untuk mencapai matlamat yang sama dalam ASEAN.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Pulai ke atas soalan yang dikemukakan. Millennium Development Goals atau Sasaran Pembangunan Alaf secara ringkasnya MDG merupakan sasaran yang dirangka di sidang kemuncak milenium PBB pada tahun 2000.

Terdapat lapan sasaran yang telah dipersetujui oleh 189 negara anggota PBB pada ketika itu iaitu:

- (i) membasmi kemiskinan dan kelaparan;
- (ii) pendidikan peringkat rendah untuk semua;
- (iii) mempromosi kesamarataan dan memperkasakan wanita;
- (iv) mengurangkan kadar mortaliti bayi;
- (v) menambah baik kesihatan kaum ibu;
- (vi) memerangi wabak HIV/AIDS, malaria dan penyakit lain;
- (vii) memastikan kelestarian alam sekitar atau dengan izin *environmental sustainability*; dan
- (viii) merangka kerjasama global untuk pembangunan.

Dari lapan sasaran yang dikhususkan ini, Malaysia kini telah berjaya mencapai tujuh sasaran tersebut. Hanya dalam MDG keenam iaitu berkaitan dengan memerangi HIV/AIDS, malaria dan penyakit lain, rekod pencapaian Malaysia masih belum boleh dibanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat ASEAN, usaha untuk mencapai matlamat MDG bukan saja diterajui oleh Kementerian Luar Negeri tetapi juga kementerian-kementerian yang berkaitan. Malaysia dan negara-negara anggota ASEAN yang lain sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat yang digariskan dalam MDG ini.

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, jelas bahawa kerajaan telah berjaya melaksanakan matlamat MDG yang merupakan program antarabangsa yang dilaksanakan oleh United Nations dengan tujuan merapatkan jurang antara kaya dan miskin dan menghapuskan diskriminasi.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, minggu lepas satu demonstrasi jalanan yang berakhir dengan rusuhan telah diadakan oleh pihak yang menyatakan bahawa kaum India di Malaysia ini di diskriminasi dan diketepikan. Soalan tambahan saya, benar kah dakwaan pihak tersebut bahawa kerajaan mengetepikan prinsip MDG dan mendiskriminasikan kaum India di Malaysia? Sekian, terima kasih.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan yang dikemukakan YB Pulai yang begitu hebat sekali. Bila kita berkata bahawa Malaysia sudah berjaya menyelesaikan tujuh perkara dalam MDG yang telah diterima bahawa kita telah menunjukkan pembaikan yang begitu baik misalnya tentang soal kalau kemiskinan menurut takrif PBB mestilah mereka yang berpendapatan bawah daripada USD1 satu hari, itu dianggap miskin. Dalam soal ini kita tahu bahawa puratanya sekarang ini kita hanya tinggal lebih kurang 5% lagi dan dijangkakan dalam tahun 2015, kemiskinan yang tegar begini insya-Allah akan dihapuskan. Dari segi isu pendidikan sekolah rendah untuk semua, itu telah kita selesaikan.

Ada beberapa perkara yang lain misalnya tentang soal kematian ibu, kedudukan kita sudah sampai ke peringkat susah nak diperbaiki lagi sebab sudah terlalu baik, yang kita adakan sekarang. Bila kita sebutkan angka-angka ini, ia tidak melibatkan hanya pada orang Melayu, orang Cina sahaja tetapi untuk semua kaum termasuk orang India di sini. Sebab itulah kita rasakan bahawa tidak ada sebab kalau ada sebarang atau mana-mana pihak atau kaum mengatakan pencapaian MDG hanya untuk kaum tertentu tetapi kaum lain tidak ada. Dengan kehadiran pembanjaran pendatang/pekerja asing termasuk daripada India ramai datang ke Malaysia sekarang ini, ini menunjukkan bahawa keadaan di Malaysia ini adalah jauh lebih baik daripada di India itu sendiri. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih. Susulan daripada soalan tambahan tadi yang bersangkutan paut dengan demonstrasi jalanan yang disebutkan, Hindraf. Adakah Wisma Putra menerima atau buat ramalan bahawa akan menerima protes-protes, bantahan-bantahan daripada *Indian diaspora* ialah komuniti-komuniti India di dunia mengenai cara

diskriminasi dan ketidakadilan yang dialami oleh kaum India yang menjadikan demonstrasi Hindraf... [*Dewan gamat seketika*]

Seorang ahli: Balik kampunglah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kenapa panik sampai macam itu? Soalan ialah mengenai faks. Adakah menerima dan akan dapat bantahan-bantahan daripada *Indian diaspora* oleh kerana inilah dunia globalisasi di mana apa-apa yang berlaku di sini ada impak, ada kesan di mana-mana tempat di dunia dan ini apa yang kita perlu. Apa yang berlaku di Palestin, kalau tidak adil kita membantah. Betul! Apa yang berlaku tak adil di dalam negara ini Hindraf demonstrasi, kalau puak-puak di lain tempat di dunia mahu bantah, kita pun perlu menerima hakikat semacam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah, sudah. Baik, baik. Yang Berhormat, cukuplah. Baik, baik. Cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah menerima atau akan kah menerima?

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan pada soalan yang tidak melambangkan kebijaksanaan daripada Ketua Pembangkang tapi saya cuba menjawabnya. Yang pertama Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang kita tidak menerima bantahan daripada mana-mana tempat di dunia tentang apa yang berlaku yang disebutkan *Indian diaspora* tadi, yang pertama. Yang keduanya kalau dibandingkan, kalau ada orang merasakan bantahan mengatakan bahawa kalau duduk di India lebih baik daripada di Malaysia, misalnya kalau dikaitkan dengan MDG tadi misalnya *UN report* daripada laporan UN tahun 2006, 1/3 daripada...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan duduk di India lebih baik tapi adakah diskriminasi dan adakah ketidakadilan di Malaysia! Itulah, bukan lebih baik di India!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Menyampuk*] *How can you make comparison* macam itu? Adakah Yang Berhormat ...

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Dengar dulu, dengar dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, biar Menteri jawab. Biar Menteri jawab.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, beri saya jawab dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Menteri jawab.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Misalnya dikatakan macam masalah anak-anak yang *malnourish*, yang tak cukup makan, 1/3 masalah di dunia adalah ada di India itu sendiri, sehingga sekarang. Itu satu saya beritahu, kalau orang mengatakan di sini tidak baik. Yang ketiga dikatakan kalau misalnya kalau nak katakan terdapatnya kerajaan kita tidak cukup berbuat sesuatu untuk mengatasi masalah MDG ini, masalah misalnya antara sasaran MDG ini ialah pendidikan di peringkat sekolah rendah. Satu daripada pengalaman kitalah, antara pendidikan sekolah rendah yang penting ialah tadika misalnya. Tadika dibuat dan antara tadika yang murah

ialah Tadika KEMAS. Waktu PAS memerintah di Malaysia dahulu, dia tutup semua Tadika KEMAS. Bukan sebuah dua buah tetapi ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia elak daripada soalan saya! Apa itu PAS berbanding dengan India? Adakah berkaitan India...

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Dengar dulu, dengar dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]* Nantilah dulu! Nanti dia jawablah! Apalah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ... ini *go round the world!*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *He's going round the...*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]* Awak duduklah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, menteri akan sampai ke situ.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, pada waktu itu lebih daripada 10,000 anak-anak yang nak belajar, nak penuhi matlamat MDG ini lebih pada 10,000 dinafikan oleh PAS. Waktu itu tidak ada bantahan daripada DAP, daripada ...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Menyampuk]* Mana berani! Senyum saja! Tipu la lu!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ... *education.* Ini bukan masa

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Menyampuk]* Port Klang, Port Klang rasuah.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Ini pasal MDG.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]* *Back to the point.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Bukan saja tidak ada bantahan Tuan Yang di-Pertua, malahan pemimpin DAP, Ketua Pembangkang hari ini pergi peluk...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]* KEMAS tidak di dalam estet.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: ...pergi peluk dan pergi cium Presiden PAS yang menjadi Menteri Besar pada waktu itu. Bagus kerana ...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tidak kena mengena!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini apa kena mengena? Ini demonstrasi *Indian diaspora...*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]* Nanti dia jawablah! Ada telinga merah ka?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia tak faham diaspora lah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Menyampuk]* Rasuah Port Klang.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Saya akan sampai, bukan tak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Semalam Kerajaan India...

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Saya menganggap - Tuan Yang di-Pertua, saya tak beri jalan. Ini bukan perbahasan ya. Duduk dulu, duduk.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Menyampuk]* Tuan Yang di-Pertua, jawab betul-betul.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Semalam sudah bagi tahu contoh mungkin pada waktu itu pemimpin DAP menganggap yang tertindas, yang tak boleh pergi sekolah orang Melayu...

■1120

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tahu *India Government* sudah bantah. Ada tahu ke tidak?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Ada dibuat?[Dewan riuh]*

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Jadi sekarang isu yang berlaku tentang kaum India yang merasakan mereka tertindas dan sebagainya tidak wujud melainkan kalau ianya tidak didalangi oleh orang-orang politik seperti yang kita tahu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Seperti pembangkang.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: .. bahawa tidak ada cara lain untuk menghadapi pilihan raya, mereka akan kalah sekali lagi dalam pilihan raya yang akan datang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalah teruk.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Mereka akan cuba menimbulkan keadaan seolah-olah rakyat marah, tetapi sebenarnya nasib yang ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Baru... kepada semangat apa pula...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Malulah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak ada la...

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Apa cerita ni? Sekarang ini Yang Berhormat,...

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sekarang ini telah ... tetapi tidak berjalan juga.

[Dewan riuh]

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Daripada United Nation, daripada Bangsa-bangsa Bersatu bahawa...

Seorang Ahli: Kaum Iban pun miskin, kaum Iban.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Ketawa]*

Dato' Ahmad Shabery Cheek: .. bahawa Malaysia adalah salah sebuah negara yang sangat berjaya dalam melaksanakan *Millennium Development Gold*, kecuali yang saya sebutkan tadi. Yang lain itu hanyalah...

Seorang Ahli: Kaum Iban pun miskin.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: .. yang dimain-mainkan oleh pihak pembangkang.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia perlu duduk Yang Berhormat ... education lah.

Seorang Ahli: Kaum Iban tak berani keluar

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Setiu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ... learning dari educationlah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Setiu.

10. Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan kejayaan dan kemajuan yang dicapai negara kita hasil daripada perjanjian-perjanjian untuk merealisasikan pendekatan pemindahan teknologi benar-benar beralih dan terlaksana dengan jayanya kepada rakyat Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Keluar daripada Dewan]*

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]: Ha, keluar, keluar. Macam tu bagus.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ha, besok terus keluar la.

Tuan Yang di-Pertua: Jaga ketenteraman Dewan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Barat tak mahu keluarkah?

Timur sudah keluar barat tak mahu keluarkah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri jawab.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui agensinya telah menjalankan pelbagai kerjasama dengan banyak pihak untuk memastikan rakyat mendapat manfaat. Kerjasama ini meliputi bidang-bidang yang amat penting ketika ini iaitu dalam bidang bioteknologi, ICT dan industri.

Di antara kerjasama yang terjalin dalam bidang bioteknologi ialah kerjasama penyelidikan di bawah Program Kerjasama Massachusetts Institute of Technology (MIT) dalam Bidang Bioteknologi iaitu dikenali sebagai (MMBPP) Malaysia Massachusetts Biotechnology Partnership Program. Antara kejayaan yang telah dicapai di bawah program ini yang memberikan manfaat negara dalam pemindahan teknologi ada seperti berikut:-

- (i) Di bawah sub program Bioteknologi Kelapa Sawit beberapa teknologi baru telah dijanakan dari projek ini. Projek ini *leademya* adalah MPOB. Teknologi-teknologi canggih dan terkini terdapat di MIT seperti robotik, automasi dan bioreaktor dapat dipindahkan ke Malaysia.
- (ii) Di bawah Program Penemuan Produk Semula jadi, pemimpin ataupun *leademya* adalah FRIM. Kejayaan yang dicapai termasuklah perolehan teknologi-teknologi baru seperti penggunaan prosedur analitikal terkini, teknologi pemprosesan telah membantu menghasilkan protokol piawaian untuk kawalan kualiti, ekstrak dan produk Tongkat Ali dan pegaga. Penggunaan bioreaktor bagi penghasilan metabolit sekunder bagi Tongkat Ali dan pegaga dan penentuan sebatian penanda kimia dan

bioaktif telah digunakan untuk membangunkan cap jari kimia bagi tujuan kawalan mutu dan kalibrasi pengeluaran produk semula jadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu antara kejayaan awal yang dicatat oleh Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd ataupun BiotechCorp dalam pembangunan industri bioteknologi di Malaysia ialah satu daripadanya menarik Actis Biologics inc., sebuah firma bioteknologi daripada Amerika Syarikat untuk melabur sebanyak RM1.4 bilion untuk beroperasi di Malaysia iaitu di MITC di Melaka. Projek ini dijangka akan menyediakan peluang pekerjaan dan latihan untuk kira-kira 2 ribu rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang ICT pula, antara pencapaian positif yang telah pun dicapai oleh negara hasil daripada perjanjian-perjanjian dan perkongsian ilmu ialah antara MSC Malaysia bersama *K-Workers Development Institute* (MSC KDI) bersama dengan Kementerian pengajian Tinggi dan syarikat Infosys daripada India ialah melaksanakan inisiatif kokurikulum untuk kejuruteraan perisian (*Software Engineering*) di bawah Program *Infosys Campus Connect* yang akan ditawarkan di universiti tempatan.

Di bawah inisiatif ini, seramai 50 ahli universiti fakulti tempatan telah menjalani latihan di Infosys. Seramai 100 pelajar terpilih telah dihantar ke Infosys untuk latihan bermula daripada Februari sehingga Julai tahun ini. Usaha ini telah melahirkan graduan ICT yang terlatih serta berkemahiran industri yang relevan kepada keperluan MSC Malaysia khususnya dan kepada Malaysia amnya. Terutama kepada perisian komputer dan kaedah pengaturcaraan yang sepatutnya diterap oleh setiap jurutera perisian. Ini antara kejayaan. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita sedar bahawa kerajaan sedang berusaha gigih untuk membawa balik pakar-pakar rakyat Malaysia yang berada di luar negara di dalam memajukan lagi bidang-bidang yang sesuai dalam soal ini.

Pada masa yang sama kita lihat bagaimana negara kita ini dibanjiri ataupun didatangi oleh buruh-buruh asing ke negara kita. Dengan adanya pemindahan teknologi ini, saya hendak tanya Yang Berhormat sejauh manakah ataupun contoh-contoh yang dapat diberikan bahawa kesan pemindahan teknologi ini penggunaan pekerjaannya begitu juga dengan pakar-pakarnya terdiri daripada rakyat Malaysia dan tidak melibatkan warga asing ataupun buruh-buruh asing dan contoh-contohnya sekali. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita ada program yang dinamakan *Brain Gain* Malaysia iaitu program yang mana kita mencadangkan ataupun membuat satu pelaksanaan untuk membawa balik pakar-pakar daripada luar negara terutamanya daripada rakyat Malaysia ataupun daripada rakyat luar negeri tetapi ingin memberikan pemindahan teknologi mereka kepada negara kita.

Sebenarnya banyak seperti yang saya nyatakan tadi bahawa kita membawa ataupun membangunkan teknologi yang pada masa kini iaitu teknologi berkaitan ICT dan bioteknologi. Selain itu kita juga sebenarnya, SIRIM telah membangunkan banyak kerja-kerja automasi yang boleh dikurangkan ataupun mengurangkan penggunaan buruh-buruh ataupun pekerja-pekerja di kilang-kilang dan sebagainya.

SIRIM dengan beberapa syarikat di Malaysia sebenarnya bekerjasama untuk membuat *automation* ataupun memberikan satu sistem automatik kepada penggunaan jentera-jentera ataupun penggunaan mesin-mesin supaya penggunaan buruh ataupun penggunaan tenaga kerja boleh dikurangkan dari semasa ke semasa. Banyak kilang-kilang yang telah bekerjasama dengan SIRIM. Saya boleh berikan beberapa contoh secara bertulis. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang dan izin kepada saya untuk bertanyakan soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah beri jawapan panjang lebar dan cukup untuk mudah kita memahaminya. Kalau tidak silap saya bacaan saya pada buku "*The World is Flat*" oleh Friedman, yang menunjukkan bahawa Bangalore boleh menguasai dunia ICT sehingga mereka mendapat pasaran di Amerika begitu luas sekali.

Kita juga dalam perkembangan dan pertumbuhan ICT kita MIC terutama sekali, apakah tidak kita boleh menembusi pasaran Amerika dan pasaran di negeri China? Kalau kita jadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran, pembelajaran Sains dan Matematik di sekolah-sekolah kita. Jadi apakah perancangan pihak kementerian Yang Berhormat untuk menembusi pasaran Amerika Syarikat dan China? Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk jangka panjang seperti yang telah kita nyatakan tadi MIC Malaysia menubuhkan *K-Workers Development Program* bersama Infosys iaitu satu syarikat yang berada di Bangalore untuk mempelajari bagaimana kita boleh membangunkan lebih ramai guna tenaga pakar di dalam bidang ICT terutamanya *Software Engineering*, supaya kita melahirkan ramai pakar-pakar di sini dan pada satu masa kita boleh bersama seperti apa yang dihasilkan di Bangalore.

Jadi pada masa ini kita telah dan sedang berusaha untuk menambahkan kepakaran, kemahiran kompetensi daripada graduan-graduan ICT kita supaya mereka pada satu masa mempunyai tahap dan kemampuan untuk menghasilkan ataupun membuat kerja-kerja *outsourcing* dari negara-negara lain seperti US, ataupun Kanada, Europe dan sebagainya. Terima kasih.

■1130

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja soal jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2008

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2008

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2008 dan Anggaran Pembangunan 2008 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” ***[Hari Ketiga belas]***

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Maksud B.28 [Jadual]-

Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan 2008]-

Tuan Pengerusi: Kementerian Pengangkutan Maksud B.28 dan Maksud P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

11.51 pg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama saya hendak ucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan dan teguran kepada Kementerian Pengangkutan dan kita akan mengambil perhatian kepada segala isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Larut telah pun bertanyakan mengapa AirAsia masih belum menjadi ahli ITAR sedangkan syarikat tersebut telah beroperasi sehingga kini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sesebuah syarikat penerbangan adalah bebas untuk memilih untuk menjadi ahli ITAR atau tidak. Ini kerana ITAR hanyalah sebuah persatuan penerbangan. Dalam hubungan ini badan yang bertanggungjawab mengawal selia penerbangan ialah IKO. Semua pesawat perlu mematuhi peraturan IKO yang dipantau oleh DCA (Jabatan Penerbangan Awam) dan yang memberi lesen adalah Jabatan Penerbangan Awam. Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu bantahan *union*...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, maknanya yang tadi itu tak perlu?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Datuk Douglas Uggah Embas: Tak perlu jadi ahli ITAR.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tak perlulah.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya. Masalah yang mungkin dihadapi nanti adalah apabila dia hendak melaksanakan *interlining* dengan penerbangan-penerbangan lain, ini mungkin akan jadi masalah kepada dia tetapi dari segi beroperasi memang boleh kerana DCA telah pun memberi lesen untuk beroperasi.

Bantahan *union* mengenai sektor Kuala Lumpur-Singapore yang diberi kepada AirAsia ingin saya memaklumkan di sini bahawa keputusan ini tidak akan menjejaskan prestasi penerbangan MAS kerana kekerapan penerbangan MAS dari Kuala Lumpur ke Singapura adalah tujuh kali sehari jika dibandingkan dengan kekerapan yang telah diberi kepada AirAsia iaitu dua kali sehari di luar waktu *peak hours*. Oleh yang demikian keputusan kerajaan untuk membenarkan beroperasi di sektor tersebut tidak akan menjejaskan MAS. Adakah operasi Jetstar dari Australia-Manchester....

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Persoalannya banyak dibangkitkan sama ada perkara ini satu realiti ataupun satu desas-desus angin sahaja yang mengatakan oleh kerana *Union MAS* tidak bersetuju dengan operasi AirAsia ke Singapura dengan itu mereka menunjukkan bantahan mereka dengan menggunakan taktik-taktik yang lain. Akhirnya itulah kenapa berlaku banyak kelambatan dan sebagainya supaya masyarakat Malaysia berasa tidak puas hati dan mencari kenapa ini boleh berlaku dan digunakan secara *reverse psychology* mengambil tindakan kepada pihak berkuasa untuk memberi penerangan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya keputusan untuk membenarkan AirAsia terbang ke Singapura adalah atas dasar kita ke arah melaksanakan '*open sky*' policy. Jadi keputusan telah pun dibuat. Kementerian tidak sedar mengenai masalah yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, kita akan mengambil perhatian dan meneliti apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Mengenai Jetstar dari Australia sama ada operasi MAS. Untuk makluman Yang Berhormat Jetstar memulakan operasi sektor Kuala Lumpur-Sydney sejak bulan September 2007 dengan kekerapan tiga kali seminggu manakala MAS telah beroperasi pada laluan yang sama

dengan kekerapan dua kali sehari. Ini bermakna MAS menawarkan lebih banyak kekerapan dan produk yang lebih baik memandangkan MAS adalah merupakan *full service carrier*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Barangkali untuk jangka panjang Yang Berhormat sama ada ia menjejaskan penerbangan MAS walaupun pada hari ini kita tidak nampak tapi dari segi jangka panjang sama ada kajian dibuat. Macam yang saya timbulkan tadi juga dalam perbincangan kegelisahan kesatuan. Sudah tentu mereka melihat tentang permasalahan yang akan timbul apabila laluan diberikan kepada syarikat penerbangan yang lain yang sudah tentu menjadi persaingan. Memang bagus kita mahukan persaingan ini untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan.

Dari segi apa yang telah dibangkitkan oleh kesatuan dan kakitangan yang terlibat sudah tentu kita perlu mengambil kira juga Yang Berhormat tentang kegelisahan yang berlaku. Apakah pihak pengurusan barangkali ataupun pihak tertinggi mengadakan pertemuan dengan mereka ini supaya mendengar betul-betul apakah yang cuba diketengahkan oleh kakitangan ini ataupun kesatuan setidak-tidaknya dalam menentukan MAS. Kita tidak boleh menafikan nadi adalah terletak kepada mereka untuk menentukan maju atau mundurnya sesebuah syarikat itu.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita yakin dengan kepimpinan MAS sekarang dan satu isu yang paling penting untuk diuruskan pengurusan sekarang adalah mengenai pengurusan pekerja-pekerjanya. Oleh demikian kita percaya mereka sentiasa peka mengenai pandangan, mengenai pendirian, rungutan dan aduan yang dibuat oleh pekerja-pekerja MAS, pengurusan memahami kalau pegawai dan kakitangan dia tidak bekerjasama maka prestasi MAS tidak akan tercapai seperti yang diumumkan baru-baru ini.

Maka bagi pengurusan MAS, pengurusan sumber manusia adalah penting sekali. Oleh itu, saya akan memberi jaminan di sini apa-apa pandangan dari *union* ianya sentiasa diambil kira oleh pihak pengurusan MAS.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, berkaitan dengan ini juga tentang kita bangga dengan MAS hari ini selepas 60 tahun telah mengaut keuntungan yang besar. Di luar jangkaan kita. Tahniah dan syabas kepada pengurusan yang dipimpin oleh Datuk Idris Jala. Cuma saya hendak bertanya sama ada kemampuan keuntungan ini boleh kita ambil balik setidak-tidaknya bangunan yang telah dijual kerana ini amat penting sebagai mercu tanda MAS yang dahulu hebat hendak mengembalikan keyakinan orang ramai terhadap MAS. Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat. Apakah dengan keuntungan ini kita mampu mendapatkan balik bukan bangunan yang sama barangkali atau sebuah bangunan yang lain? Kalau dapat balik bangunan yang lama alhamdulillah ataupun bangunan yang lama sebagai satu simbolik kemegahan MAS itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya belum selesai menjawab soalan yang awal tadi yang ditanya oleh Yang Berhormat kerana adalah

penting pengurusan dan kerajaan menekankan bahawa industri penerbangan adalah satu industri yang begitu kompetitif sekali.

Jadi *competition* kita tidak lari dari persaingan yang hebat ini. Hanya satu cara yang kita dapat mengatasi persaingan ini dan satu cara yang kita harap dapat sama-sama bersaing dengan syarikat-syarikat lain adalah untuk menentukan bahawa kecekapan kita adalah sama setanding dengan kecekapan-kecekapan syarikat-syarikat penerbangan yang lain.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Beluran.

Datuk Douglas Uggah Embas: Boleh saya selesaikan jawapan ini dahulu? Dengan itu kita percaya MAS boleh dan mampu untuk bersaing dengan penerbangan-penerbangan lain kerana masa depan dasar 'open sky' adalah satu dasar yang kita tidak dapat lari dan kita harus laksanakan. Ini bermakna syarikat-syarikat penerbangan Malaysia mesti mampu untuk bersaing dengan syarikat-syarikat penerbangan yang lain dengan mengambil pendekatan yang lain. Mengenai cadangan tadi sama ada hendak membeli balik harta yang telah dijual kerana keuntungan telah pun dicapai dengan begitu baik sekali itu terpulanglah kepada syarikat penerbangan MAS untuk membuat keputusan.

■ 1140

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat. Dua tiga hari yang lalu kepimpinan atas MAS mengeluarkan *statement* untuk mengajak Air Asia bekerjasama dengan MAS dalam semua aspek. Kalau dari jawapan Yang Berhormat, yang menggalakkan persaingan yang hebat untuk berdaya saing. Saya khuatir jika kerjasama yang hendak diwujudkan antara MAS dengan AirAsia kelak akan memberi kesan negatif kepada penumpang dari segi tambangnya, dari segi kemudahannya dan akan memberi manfaat kepada penumpang. Kalau kita lihat dari segi ekonomi apabila tidak ada persaingan, maka yang akan mendapat manfaat ialah syarikat-syarikat yang bekerjasama dan yang akhirnya nanti yang mendapat limpahan kesan negatif daripada itu adalah pengguna yang akan menggunakan perkhidmatan itu. Adakah kementerian melihat perkara ini secara mendalam, terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kementerian memang menggalakkan kerjasama yang erat di antara Air Asia dengan Malaysia Airlines kerana dia adalah syarikat penerbangan Malaysia. Walaupun mereka bekerjasama ini tidak bermakna mereka akan membentuk satu monopoli untuk syarikat penerbangan ataupun industri penerbangan di negara kita. Banyak bentuk kerjasama akan menguntungkan, bukan syarikat-syarikat tersebut atau penumpang-penumpang. Misalnya dari segi jadual-jadual penerbangan, sambungan, *inter connection*, *connectivity* dan sebagainya, boleh juga dirunding di antara MAS dengan Air Asia. Begitu juga mengenai kongsi guna kemudahan-kemudahan yang ada di negara kita boleh diguna sama misalnya perkhidmatan penyelenggaraan boleh juga digunakan kedua-dua, mungkin kos dia boleh rendah. Jadi dari segi kementerian, kita memang

tidak berfikir apa-apa kerjasama yang dibuat antara AirAsia dengan MAS akan menjadi satu monopoli..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Krai.

Datuk Douglas Uggah Embas: ... menguntungkan industri penerbangan di negara kita ini.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Mengenai dengan pengurusan MAS, kerana kita tahu MAS adalah di kalangan rakyat semua menyebut *first class* dari dahulu lagi. Tetapi sekarang ini agak begitu mundur sedikit berbanding dengan yang lepas. Soalannya ada kebanyakan mereka mengatakan mengenai dengan kelewatan MAS. Yang mana sekarang ini begitu lewat terutamanya di Pantai Timur, cuci *toilet*. Ini menyebabkan satu kelewatan, perkara ini perkara kecil, tetapi boleh menjadi kelewatan pada keseluruhannya. Itulah *toilet cleaner* dengan izin. Mereka ini memohon gaji yang agak lebih. Tetapi tidak dibayar oleh sebab itu mereka tidak menjalankan tugas. Apabila *toilet* ini tidak dicuci, maka penerbangan tidak dapat. Adakah perkara ini betul atau dongeng semata-mata?

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat boleh bagi tahu *toilet* di lapangan terbang atau...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Di lapangan terbang. Lapangan Terbang MAS, jadi kalaulah perkara semacam ini boleh mendatangkan kelewatan di seluruh negara, maka sudah tentulah perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak kementerian. Sejauh mana tindakan telah diambil dan begitu juga kepada pekerja-pekerja yang telah dikurangkan menyebabkan kelewatan begitu sekali terutama sekali di Pantai Timur, Kota Bharu, terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, saya bertanya mengenai di mana tempat *toilet* tersebut, kerana kalau *toilet* itu terletak dalam lapangan terbang, ia adalah di bawah pengurusan Malaysian Airport Bhd., kalau ia dalam kapal terbang, jadi saya rasa akan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat untuk....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat saya hendak....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, biar saya habiskan apa saya hendak cakap Yang Berhormat Larut. Ada berapa jawapan tambahan yang akan dikemukakan, tidak ada saya fikir sudah tentang MAS kita sudah bincang dengan panjang lebar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit Yang Berhormat, tentang Yang Berhormat sebut pasal kerjasama, ini penjelasan orang ramai hendak tahu. Okey, MAS begitu bermurah hati, *very generous* dengan izin, hendak bekerjasama dengan AirAsia, tetapi AirAsia baru ini mengumumkan hendak mewujudkan satu lagi *airport* ketiga. Sedangkan *low cost airport* yang ada sekarang ini menunjukkan mereka tidak bekerjasama dengan MAS.

Jadi saya minta penjelasan sebab kalau betul-betul hendak kerjasama apakah respons dari Air Asia ini kalau betul-betul. Sedangkan mereka sudah menuntut untuk mewujudkan satu lagi *low cost airport* selain daripada apa yang ada sekarang berhampiran dengan KLIA. Tidak kiralah di mana pun.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini perlukan penjelasan sebab benda ini macam ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya minta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat, jadi kalau perkara-perkara anggapan baru tidak perlu dikemukakan. Sebab sekarang tanggungjawab Menteri jawab kepada perkara-perkara yang dibangkitkan semasa...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya memang bangkitkan semasa perbahasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau bangkitkan perlu jawapan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya bangkitkan ini kerana....

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey, Okey / jawab.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ... dia perlukan penjelasan, kalau tidak sebelah sana nanti akan menggunakan untuk pilihan raya punya kempen. Saya hendak penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Tuan Pengerusi untuk memberi keputusan untuk saya jawab atau tidak untuk isu-isu yang dikemukakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau isu-isu yang dibincang semasa perbahasan, perlu memberikan jawapan. Kalau tambahan tidak kena mengena dengan apa yang dibangkitkan saya cadangkan supaya tidak memerlukan jawapan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Itu terpulang kepada Tuan Pengerusi tetapi saya rasa perlu diperjelaskan mengenai isu yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi. Sama ada kita hendak membuat *airport* baru atau tidak itu adalah dasar kerajaan, bukan terpulang kepada syarikat penerbangan. Ianya akan ditentukan oleh kerajaan sama ada kita perlu ada lapangan terbang yang baru yang ketiga, yang keempat atau kelima. Jadi ingin saya perjelaskan di sini tempat untuk lapangan terbang tidak menjadi isu yang akan mengganggu ataupun menunjukkan bahawa kerjasama antara MAS dan Air Asia adalah begitu sukar sekali. Okey Yang Berhormat? Yang Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, saya faham tetapi, sebab kita sama kerajaan walaupun itu dasar kita, dasar kerajaan, tetapi pandangan-pandangan dari syarikat penerbangan seperti MAS diambil kira. Jadi apakah pihak MAS juga memberi pandangan. Ini akan memberi satu pengiraan kepada dasar kerajaan, itu

yang dimaksudkan. Tetapi kalau Yang Berhormat mengatakan dasar kerajaan, kita faham. Tetapi pandangan-pandangan apakah bila ada *airport* ketiga ini, keempat dan sebagainya menjejaskan syarikat penerbangan MAS. Kalau Yang Berhormat mengatakan tidak jejas, tidak apalah itu sebagai satu kita hendak tahu.

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya hendak menekankan di sini bahawa kerajaan akan mengambil kira segala perkara mengenai persaingan dan sebagainya sebelum dia membuat keputusan untuk membina satu *airport* atau membenarkan syarikat itu membina satu *airport*. Dalam hal itu kerajaan yang akan membuat keputusan sama ada kita mengadakan *airport* yang baru.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Lipis.

Datuk Douglas Uggah Embas: Syarikat-syarikat boleh memberi pandangan tetapi terpulang kepada kerajaan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, berkait dengan kelewatan MAS ini kapal terbang kadang-kadang lewat daripada jadual dan sebagainya, jadi boleh atau tidak MAS memaklumkan kepada penumpang sebab semasa kita membeli tiket, MAS ada mengambil nombor telefon, tetapi apabila lewat tidak pernah dimaklumkan menyebabkan kita pergi ke *airport* dan tersadai di *airport* dua, tiga, empat jam, mohon penjelasan.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: [Bangun]

Datuk Douglas Uggah Embas: Ini Yang Berhormat adakah perkara ini berkaitan dengan kelewatan.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Kelewatan. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin panjangkan soalan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi saya fikir Yang Berhormat hendak bangun tolong jawab.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Belum lagi, tak sempat hendak jawab. Jadi saya tanya, bila kita buat tempahan tiket untuk hendak pergi ke mana-mana, dari Kuala Lumpur misalnya, kita sudah ada satu program yang lain di tempat itu. Kelewatan ini merumitkan semua keadaan dan kadangkala *meeting* itu berkait dengan *business*. Jadi merugikan masa, merugikan semua. Jadi saya hendak minta, bila kita lewat, MAS denda kita. Bila MAS lewat, minta maaf sahaja. Ada tidak cara atau satu jalan di mana kita dapat balik apa yang kita rugi? Terima kasih.

■1150

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat atas teguran-teguran dan maklumat-maklumat yang diberi. Memang apabila sesebuah pesawat itu terpaksa dibatalkan ataupun ditunda, ianya akan mengakibatkan masalah kepada penumpang-

penumpang. Bukan sahaja kepada penumpang, tetapi kepada syarikat tersebut pun akan mengalami kerugian. Jadi kita sangat berdukacitalah dengan perkara yang telah berlaku ini.

Kadang-kadang kita tidak dapat elakkan. Sebab itu pada satu ketika Menteri Pengangkutan sendiri juga terkandas di KLIA kerana masalah teknikal pesawat tersebut tidak dapat terbang, maka ianya terpaksa ditunda. Oleh yang demikian, maka banyak sebabnya bahawa kelewatan ini tidak dapat dielakkan kerana kita juga memberi keutamaan kepada keselamatan penumpang-penumpang atau pesawat-pesawat tersebut dan atas sebab-sebab yang lain.

Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan di sini bahawa keadaan telah pun bertambah baik. Pada satu ketika, *on time performance* Malaysian Airlines System turun kepada 61%, tetapi sekarang telah pun kembali balik kepada 86%. Inilah satu angka yang baik dan juga setanding dengan penerbangan-penerbangan lain di dunia.

Mengenai sama ada hendak memaklumkan kepada penumpang atau tidak mengenai kelewatan ini, ini mengikut bila Malaysian Airlines ataupun AirAsia akan mengetahui bila kelewatan itu akan berlaku. Kalau ianya diketahui semasa syarikat penerbangan tahu ada masalah teknikal, maka tidaklah mampu MAS untuk memberitahu lebih awal, tetapi kalau jadual lewat itu diberitahu lebih awal, memang *standard operating procedure* mereka adalah untuk memberitahu para penumpang. Kalau dua, tiga, empat, lima jam dia mengetahui pesawat dia lewat oleh kerana sambungan dari tempat yang lain, memang dia dikehendaki untuk memberitahu penumpang-penumpang. *This is part of their service*, dengan izin. Tuan Pengerusi...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya rasa...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya bangkit pasal kesatuan itu sebab inilah yang kita takut. Barangkali ada *silent protest*, dengan izin. Kita tidak tahu. Jadi mintalah MAS supaya... Kita tahu perkara ini merugikan bukan sahaja penumpang, syarikat berkenaan juga. Jadi saya timbulkan bantahan-bantahan *union* itu tadi barangkali perlu diadakan pertemuan. Kita tidak boleh endahkan kesatuan seperti ini kerana mereka merupakan nadi yang penting. Kita bukan membuat satu tuduhan, barangkali ini di antara yang kemungkinan boleh berlaku. Jadi apakah pihak MAS bersedia berjumpa dengan mereka ini sebagai satu pertemuan untuk kebaikan kedua-dua pihak, *win-win situation*, dengan izin. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya pucuk pimpinan MAS memang sentiasa bersedia untuk berbincang mengenai apa-apa masalah. Oleh sebab itulah mereka telah pun mencapai satu kejayaan seperti yang kita nampak pada hari ini. Saya percaya kalau tidak ada kerjasama di antara semua pihak, memang keuntungan yang telah diumumkan tidak boleh dicapai oleh MAS.

Yang Berhormat dari Sungai Petani minta kekerapan penerbangan ke Alor Star ditambah. Ingin saya maklum kepada Yang Berhormat, Firefly memang telah mempunyai rancangan untuk menjalankan operasi ke Alor Star dari Subang. Walau bagaimanapun, ia hanya dimulakan apabila Firefly mendapat pesawat baru mereka pada tahun 2008 dan 2009. Dalam hubungan ini pihak AirAsia juga akan mempertimbangkan untuk menambah kekerapan penerbangan ke Alor Star.

Yang Berhormat dari Santubong bertanya kenapa pesawat Air Asia ke Kuching yang mengalami masalah teknikal berpatah balik ke KLIA dan tidak mendarat di lapangan terbang yang terdekat. Untuk makluman Yang Berhormat, memang kebiasaan dasar Jabatan Penerbangan Awam mensyaratkan bahawa kalau sesuatu pesawat itu mengalami masalah teknikal, ianya dikehendaki untuk singgah di lapangan terbang yang terdekat. Jadi dalam perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, pada waktu itu mengikut laporan yang diberi oleh Jabatan Penerbangan Awam bahawa radar cuaca yang terdapat di pesawat tersebut mengalami kerosakan semasa penerbangan dan pesawat tersebut telah berpatah balik ke Kuala Lumpur untuk mendapat pesawat ganti yang telah disediakan.

Ini kerana waktu itu keadaan cuaca pada waktu malam di sebelah Sabah dan Sarawak tidak mengizinkan pesawat itu terbang atau mendarat di mana-mana lapangan terbang terdekat. Walau bagaimanapun, kerosakan radar cuaca ini tidak menjejaskan keselamatan pesawat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Pengerusi, terima kasihlah jawapan daripada timbalan menteri tetapi saya masih belum berpuas hati. Kalau radar *become the problem*, menjadi satu masalah, di mana-mana lapangan terbang pun, ia *landing*, ia juga masalah yang sama dihadapi tetapi kalau cuaca di Kuching, cuaca di Sibul menjadi satu masalahnya, saya boleh menerima kerana penerbangan itu sudah hampir sampai ke Kuching. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Memang itulah sebabnya perlu berpatah balik ke Kuala Lumpur kerana waktu itu apabila pilot menyedari masalah radarnya rosak, cuaca di Sarawak waktu itu adalah tidak bagus, hujan. Jadi tidak membolehkan pesawat itu untuk singgah di mana-mana *airport* di Sarawak.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Puchong, apa...

Datuk Douglas Uggah Embas: Ini ada berkenaan dengan pesawat ke? Kalau tidak ada, saya akur kepada arahan daripada Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat. Yang terakhirlah.

Datuk Douglas Uggah Embas: Kerana saya masih ada banyak yang hendak dijawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagikah. Yang Berhormat?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya belum tanya, mana tahu saya hendak tanya apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebab itu dia tanya adakah berkaitan dengan MAS.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ada kaitan, kerosakan MAS.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tidak kaitan. MAS tidak ada rosak. Mana MAS ada rosak.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Kerosakan pesawat MAS. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini berkaitan dengan kerosakan pesawat-pesawat MAS ini.

Tadi saya dengar jawapan daripada Yang Berhormat bahawa kelewatan dan kerosakan ini. Saya hendak tanya satu soalan yang umum iaitu bahawa seperti mana yang kita tahu bahawa sekarang ini pesawat-pesawat MAS ini, bagi saya, kebanyakan mereka lebih 15 tahun atau 20 tahun. Pada masa yang sama juga, pengurusan MAS sedang dan juga akan mempergiatkan lagi perniagaan mereka iaitu menambah lagi perjalanan-perjalanan penerbangan. Adakah MAS ini bersedia untuk menggantikan pesawat-pesawat yang sudah lama dan membeli pesawat-pesawat yang baru supaya kita boleh mengurangkan lagi kebarangkalian kerosakan ini dan pada masa yang sama juga menambahkan *business*.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya, saya faham. Terima kasih Yang Berhormat. Memang MAS sedar bahawa beberapa pesawatnya, khususnya Airbus 300 adalah tua. Maka sekarang pengurusan MAS sedang menimbang satu-satu rancangan untuk menggantikan pesawat-pesawat yang telah lama termasuk pesawat Boeing 737.

Mengenai isu satu perkara disebut oleh Yang Berhormat dari Santubong ialah kenapa pekerja-pekerja FAX yang diberhentikan tidak diambil oleh MAS Wing. Untuk makluman Yang Berhormat, saya juga akan sampaikan laporan secara bertulis kepada Yang Berhormat nanti tetapi untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pekerja FACS yang terlibat adalah seramai 260 orang.

■1200

Daripada jumlah ini 85 orang telah diambil bekerja dengan MASwings. Di antara sebab-sebab 55 orang kakitangan FAX tidak diambil kerja oleh MASwings adalah:

- (i) tidak menghadiri temu duga yang diadakan;
- (ii) mendapat markah rendah dalam temu duga;
- (iii) memilih tempat untuk ditempatkan;
- (iv) tidak bersetuju dengan syarat-syarat terma pekerjaan ditawarkan; dan
- (v) memperoleh pekerja-pekerja lain.

Maklumat yang terperinci ini akan saya sampaikan kepada Yang Berhormat bagi Santubong secara bertulis.

Yang Berhormat bagi Pasir Puteh telah meminta supaya Lapangan Terbang Kota Bharu dinaikkan taraf. Tuan Pengerusi, ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa

kementerian memang mempunyai rancangan dan sedang dalam proses untuk menaik taraf Lapangan Terbang Kota Bharu bagi membolehkan operasi pesawat A330 berbanding dengan pesawat B737 ketika ini. Kementerian akan meminta MAS dan AirAsia untuk mempertingkatkan penerbangan tersebut.

Yang Berhormat bagi Beluran dan Yang Berhormat bagi Lipis ada bertanya mengenai masalah kelewatan. Saya rasa banyak yang telah kita bincang mengenai masalah ini dan saya tidak ingin untuk menambahkan lagi.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, sikit sahaja.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya membawa isu spesifik tentang *one particular airbus* MAS ini yang sering kali menghadapi masalah kerosakan. Saya rasa masalah itu boleh dijawab oleh Yang Berhormat kerana ia spesifik tentang *aircraft* ini, yang digunakan untuk penerbangan Narita-Kota Kinabalu-Kuala Lumpur. Saya difahamkan bahawa pesawat yang sama ini juga mengalami kerosakan ketika berada di Australia dahulu dan juga mengalami kerosakan baru-baru ini di Lapangan Terbang KLIA. Adakah pesawat ini yang secara spesifik mempunyai masalah enjin yang perlu dilihat secara terperinci oleh MAS?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh jawab sekali, Yang Berhormat? Ini skop yang sama. Saya hendak timbulkan sebab apabila berlaku kerosakan pendaratan cemas ia menakutkan. Tanyalah sesiapa pun. Kalau sesebuah syarikat penerbangan itu melakukan satu kerosakan dan pendaratan cemas ia akan menyebabkan penumpang-penumpang berpindah selera mereka ke syarikat penerbangan yang lain. Ini cukup membimbangkan.

Oleh sebab itu saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat tentang MAS yang telah menggantungkan sektor-sektor tertentu di luar negara umpamanya. Dulu bila kita tidak dapat masuk ke negara lain untuk mendapatkan pendaratan, kita minta Perdana Menteri kita atau menteri kita pergi untuk mendapatkan hak ini. Kemudian apabila yang tidak menguntungkan MAS telah menggantungkan sektor-sektor ini. Takkanlah kita hendak bertindak menggantungkannya sahaja, Yang Berhormat, tentang yang merugikan ini? Apakah tidak ada cara lain yang boleh menambahkan lagi keuntungan kepada kita barangkali mungkin dengan kerjasama. Yang Berhormat sebutkan tadi kerjasama. Takkanlah hendak buat kerjasama dengan *domestic airline* sahaja, barangkali mungkin dengan penerbangan-penerbangan luar yang lain. Takkan kita hendak biarkan begitu sahaja, Yang Berhormat? Sampai bila?

Kita tidak mahu hanya mendengar bila tidak menguntungkan sektor tersebut kita gantung. Ini tidak menguntungkan. Habis setakat itu sahaja. Barangkali sudah tiba masanya kita melihat lebih jauh, global, bekerjasama dengan syarikat penerbangan yang lain. Apa

salahnya? Kalau Yang Berhormat sebutkan tentang kerjasama tadi. Ini saya rasa perlu dilakukan. Sudah tiba masanya kita melihat lebih global kalau kita hendak memajukan MAS. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih, Yang Berhormat. Mengenai pesawat yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Beluran, memang ini pun diteliti oleh MAS dan mereka menentukan bahawa masalah-masalah itu diperbaiki dan sama ada sesebuah pesawat itu boleh terbang atau tidak terpulang kepada Jabatan Penerbangan Awam untuk menentukan ia telah mematuhi *Certificate of Airworthiness* untuk terbang. Ini yang penting.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tetapi kalau pesawat-pesawat yang sudah 'tua' ini MAS memang ada rancangan untuk menukar pesawat-pesawat terkini tetapi mengenai yang disebutkan oleh Yang Berhormat perkara tertentu itu nanti mungkin saya akan meminta maklumat terperinci daripada Yang Berhormat dan kita akan memberitahu kepada MAS. Saya berikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat takut penerbangan itu akan singgah di KK.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya.

Datuk Douglas Uggah Embas: Boleh saya teruskan jawapan kepada rakan yang terdekat itu. *[Merujuk kepada Yang Berhormat bagi Larut]*

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: AirAsia tadi itu Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab tetapi masalah MAS tadi tidak dijawab. Saya tidak nampak mengapa. Apabila Yang Berhormat bagi Santubong mengeluarkan isu tentang *that particular* kerosakan pada AirAsia kementerian ada jawapan. Apabila saya kemukakan tentang *this particular aircraft* - MAS rasanya tidak mahu dijawab oleh kementerian, kenapa ada perbezaan?

Datuk Douglas Uggah Embas: Ini adalah andaian yang tidak begitu sihat sekali. *[Ketawa]* Saya berharap Yang Berhormat tidak perlu buat tuduhan. Mungkin waktu pegawai-pegawai saya mendapat jawapan, mungkin mereka masih tidak tahu apa pesawat yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Oleh itu kita tidak dapat berikan maklumat yang terperinci, bukan kerana Yang Berhormat dari Sabah dan Yang Berhormat bagi Santubong dari Sarawak. Itu adalah satu andaian yang tidak sihat. Saya harap, *please*.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Bukan soal negeri, saya bercakap soal syarikat penerbangan. Saya rasa isu yang saya bawa juga adalah sama. Umpamanya terdapat isu yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Santubong, kenapa MAS tidak turun di Kuching, ada jawapannya iaitu kerana cuacanya yang begitu. Saya juga membawa isu yang sama, kenapa MAS ketika mengalami kerosakan di udara Miri tidak turun di Miri, tidak turun di Labuan, tidak turun di Bandar Sri Begawan dan tidak turun di Kota Kinabalu, tetapi tidak dijawab.

Di sini bukannya soal negeri tetapi soal penerbangan. Mungkin MAS tidak beri *information* kepada Timbalan Menteri tetapi AirAsia bagi *information* kepada Timbalan Menteri. Itu sahaja, tidak ada soal lain. Tidak ada sangka jahat.

Datuk Douglas Uggah Embas: [Ketawa] Okey. Tadi ada soalan dari... saya pun terlupa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun berjalan meninggalkan Dewan]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, dia pun sudah keluar, Yang Berhormat bagi sayalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Balik semula ke tempat duduk]

Datuk Douglas Uggah Embas: Dia masih dalam Dewan. Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi memang sektor-sektor yang telah dimansuhkan adalah kerana *Malaysian Airlines* pada waktu itu menjalankan *turn around plan*. Dalam masa yang sama pengurusan MAS memahami betapa pentingnya mereka menentukan penumpang-penumpangannya dapat dihantar ke mana-mana tempat di seluruh dunia, tetapi mungkin tidak mampu untuk dia menjalankan sektor-sektor ini bersendirian. Maka sekarang *Malaysian Airlines* telah pun menandatangani perjanjian dengan beberapa syarikat *airlines* di Eropah, Amerika Syarikat untuk menentukan bahawa mereka akan dapat bekerjasama dengan mereka ini dengan mengadakan *Code Sharing Program Airlines* dengan mereka ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya anggap ini perkara-perkara berkenaan dengan MAS sudah hampir diselesaikan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey, okey. Terima kasih. Jadi, kalau tidak ada soalan MAS kita tutuplah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Datuk Douglas Uggah Embas: Ini mengenai MAS?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, MAS. Satu sahaja.

Datuk Douglas Uggah Embas: Maaf, Tuan Pengerusi tidak membenarkan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Belum tutup. Tadi cakap sekejap. Takkanlah *double standard!*

Datuk Douglas Uggah Embas: Okeylah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Pengerusi, ini berhubung dengan MAS iaitu pada bulan Oktober, saya lupa pula tarikhnya sama ada 14 atau 17 hari bulan sebuah pesawat daripada Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur. Pesawat ini tergendala selama dua jam sebab ada kerosakan. Selepas empat jam ia diberi kebenaran untuk terbang. Dalam masa dia hendak *take off flight* pesawat ini ada lagi masalah yang tidak selesai dan sesudah 15 minit terbang ia terpaksa mendarat semula dalam keadaan kecemasan. Persoalan saya, kenapa

engineer di bawah memberi kebenaran kepada kapal terbang untuk berangkat terbang sedangkan kepastian kerosakannya tidak dijamin. Ini amat merbahaya. Apakah ini memang menjadi amalan ataupun pekerja-pekerja ataupun *engineer* di bawah ini mengambil sikap sambil lewa keselamatan penumpang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat. Cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau ini menjadi amalan minta berhenti. Kalau dia membuat kesilapan minta diambil tindakan, tidak boleh berbuat demikian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau tidak dapat memberi jawapan sekarang boleh jawab secara bertulis.

Datuk Douglas Uggah Embas: Secara amalannya, Yang Berhormat, bahawa sesebuah pesawat yang telah mengalami masalah teknikal tidak akan dibenarkan berlepas terbang melainkan ia mendapat Sijil Kebenaran Terbang oleh Jabatan Penerbangan Awam. Ini amalan biasa. Jadi, mengenai isu yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya minta jawapan secara bertulislah. Boleh, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh.

■1210

Yang Berhormat dari Kelana Jaya telah pun mencadangkan bahawa kerajaan akan menghantarkan satu wakil Malaysia ke IKO, seorang yang cukup layak. Untuk makluman Yang Berhormat memang kementerian ketika ini sedang mengenal pasti calon yang sesuai dan berkelayakan untuk ditempatkan sebagai wakil Malaysia di IKO.

Yang Berhormat Kuala Nerus telah bertanya berapa kos pembelian radar dan siapa penyelenggara radar di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat kos pembelian radar adalah RM65 juta, *maintenancenya* adalah RM31 juta. Jadi syarikat-syarikat adalah banyak, saya akan sampaikan kepada Yang Berhormat Kuala Nerus dengan secara bertulis.

Yang Berhormat dari Seputeh mengatakan KLIA begitu senyap, saya fikir mungkin Yang Berhormat apabila datang ke KLIA waktu bukan *peak hoursnya*. Dia ada dua gelombang di mana penumpang-penumpang begitu ramai adalah dari jam 7 pagi kepada 11 pagi dan 6 petang kepada 10 malam.

Untuk makluman Yang Berhormat sekarang KLIA telah pun menerima sebanyak 21.5 juta penumpang sehingga Oktober 2007 dan bagi *Low Cost Carrier*, LCCT kita 61 juta penumpang. Mengenai soalan apakah langkah yang diambil oleh MSB untuk menarik lebih banyak syarikat penerbangan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Perkara ini telah pun, boleh saya selesaikan jawapan ini?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Okey.

Datuk Douglas Uggah Embas: Perkara ini telah pun dijawab oleh menteri dengan begitu terperinci sekali. Kalau Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan waktu itu minta baca *Hansard*. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan dia ada *peak hours* dan *off peak hours*. Jadi bolehkah kita dapat maklumat secara puratanya berapa minit satu kapal terbang berlepas atau *landing* di KLIA, kerana kegunaan lapang terbang itu sama ada ia sibuk atau tidak sibuk ia dikira dengan indeks seperti ini, seperti Lapangan Terbang Heathrow. Setiap dua minit sebuah kapal terbang akan berlepas. Jadi di KLIA berapa minit sebuah kapal terbang berlepas?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, saya mohon maaf saya tidak ada maklumat tersebut saya akan bagi kepada Yang Berhormat nanti.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan, Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Douglas Uggah Embas: Isu sudah tutup kita pergi....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Belum tutup lagi, saya ingat Tuan Pengerusi pun berminat. Kalau kita pergi ke Changi Airport..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Minat apa Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minat soalan tambahan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Memang tidak minat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Ketawa]

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi tidak minat, tidak perlu tanyalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tapi tanggungjawab Yang Berhormat sama ada hendak bagi laluan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tapi Yang Berhormat Timbalan Menteri dengar sekejaplah. Kalau kita pergi ke Changi Airport kita lihat pada bila-bila waktu pun *peak hours* atau *off peak hours*, kita lihat ada ramai penumpang, ada ramai orang tunggu kapal terbang ataupun makan minum di sana, tapi saya tidak lihat keadaan ini di KLIA. Jadi ini yang

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat apakah tujuan soalan inilah minta kerajaan menjawabnya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Soalan saya sebenarnya ialah apakah pakej *marketing* ataupun promosi yang telah dilakukan oleh KLIA dan kenapakah sesetengah *airlines* asing mereka enggan datang untuk singgah atau berhenti di KLIA. Jadi apakah KLIA telah membuat apa-apa *marketing plan* untuk menarik mereka untuk mendaratkan kapal terbang mereka di KLIA, dan juga apakah KLIA telah melakukan macam Changi Airport, mereka ada pelbagai *packages* bagi *airlines* asing seperti memberi *airlines* yang berlainan ini untuk perkongsian *gate* ataupun untuk syer *comman gate*, ataupun membiarkan beberapa *airlines* sama mengongsikan beberapa *gate* dan mereka juga cuba *tailor-made* berhubung dengan

airlines dari negara yang berlainan, serta mereka cuba *exchange passengers*. Semua ini saya diberitahu ia telah dilakukan oleh Changi Airport sebagai langkah untuk menarik mereka untuk menggunakan Changi Airport. Jadi apakah semua ini dilakukan oleh KLIA?

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey, saya sudah faham Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat faham?

Datuk Douglas Uggah Embas: Kita pun memang kagum dengan minat Yang Berhormat mengenai Changi Airport, tapi tidak pernah memahami apa yang telah dibuat oleh KLIA Airport. Ini pun telah disebut oleh menteri dengan terperinci oleh sebab masa tidak cukup saya mohon Yang Berhormat baca hansard kerana itu pun telah diberi oleh Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan kerana Yang Berhormat juga tidak faham ke? Tidak boleh semua tolak kepada menterilah.

Datuk Douglas Uggah Embas: Itu terpulang kepada Yang Berhormatlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Masa dia jawab itu sebenarnya saya...

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat dari Jasin...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tapi saya rasa ini adalah penting harus dijawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jawapan daripada Timbalan Menteri..

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Cuba lari saja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara ini telah dijawab oleh Menteri dan Yang Berhormat boleh rujuk pada catatan hansard. Saya fikir ini jawapan yang tepat. Jangan buang masa Dewan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bila itu?

Datuk Douglas Uggah Embas: Minggu lepas, dia jawab minggu lepas dengan panjang lebar di sini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minggu lepas? Bila itu?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Jasin telah pun menyentuh mengenai kelayakan pegawai-pegawai Jabatan Laut...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi yang tidak ada jawapan kepada soalan saya. Berapa minit sebuah kapal terbang akan dapat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jawapan telah diberikan. Dia kata tidak angka itu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itulah saya sekarang tanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberi angka itu, jawapan itu pada hari esok.

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya tidak boleh janji pada hari esok, tapi saya akan bagi bertulislah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Okey, minggu depan? Ini satu angka pun ambil berapa hari. Mana boleh, pegawai semua ada tanya sahaja

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya minta kerjasama sebab kita sudah lewat. Jadi saya tidak berhasrat menggunakan Peraturan Mesyuarat 37(2), tetapi kerjasama haraplah diberikan kepada saya.

Datuk Douglas Uggah Embas: Perkara kelayakan pegawai-pegawai yang bertugas di Jabatan Laut, ingin saya maklum kepada Yang Berhormat bahawa kelayakan masuk untuk pegawai-pegawai yang bertugas di Jabatan Laut adalah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, dan memanglah terdiri daripada pegawai-pegawai yang memiliki kelayakan sijil perkhidmatan atas kapal dan ijazah dalam bidang kelautan. Semua pegawai di Jabatan Laut memiliki salah satu daripada kelayakan tersebut serta memiliki kemahiran dan pengalaman dalam maritim. Oleh itu Jabatan Laut mempunyai pegawai-pegawai yang berkelayakan dan berkemahiran untuk melaksanakan fungsi-fungsi dan aktiviti-aktiviti bagi memastikan sistem pengangkutan laut yang selamat dan teratur sesuai dalam pertumbuhan industri maritim negara.

Yang Berhormat dari Langkawi dan Sungai Petani telah pun menyentuh mengenai kenaikan tambang feri di Kuala Kedah dan Kuala Perlis. Kerajaan telah bersetuju untuk meluluskan kenaikan feri sebanyak RM5 bagi perjalanan dari Kuala Kedah ke Langkawi dan RM3 bagi Kuala Perlis ke Langkawi. Bagi perjalanan Kuala Kedah ke Langkawi harga tambang feri adalah RM23 dan Kuala Perlis RM18.

Bagi penuntut tempatan pula ke Langkawi tambang istimewa diberikan, iaitu pengurangan RM3 daripada tambang biasa, oleh itu kenaikan harga tambang itu tidak membebankan penduduk tempatan Langkawi. Kadar kenaikan ini telah dipersetujui dan telah pun mengambil kira kos-kos feri *operation* dan kenaikan harga minyak, kos penyelenggaraan dan alat ganti.

Yang Berhormat dari Langkawi juga menyentuh mengenai perkara menambah laluan kepada syarikat-syarikat lain, pada waktu sekarang terdapat tujuh buah syarikat yang mengoperasikan 40 buah feri-feri yang memberi perkhidmatan di antara Kuala Kedah dan Kuala Perlis ke Langkawi, daripada syarikat ini 4 buah telah bergabung untuk menjadikan satu konsortium dan tiga lagi syarikat beroperasi sendiri. Perkhidmatan ini diberi mengikut jadual setiap 30 minit di antara 7 pagi hingga 7 malam dan jadual ini dikawal oleh Jabatan Laut, mengikut jadual perjalanan ini setiap syarikat diberikan giliran masa yang sesuai untuk feri-feri mereka beroperasi berdasarkan jumlah feri yang dimiliki. Oleh itu setiap feri diberikan giliran perkhidmatan yang sama. Dengan demikian jumlah pengangkutan feri adalah mencukupi dan tidak terdapat perkhidmatan yang dimonopoli oleh mana-mana syarikat.

Mengenai keselamatan dan keselesaan di atas feri penumpang dari Kuala Kedah dan Kuala Perlis, ingin dimaklumkan bahawa pemeriksaan secara berterusan dilakukan oleh Jabatan Laut bagi memastikan feri-feri penumpang di Pulau Langkawi berada dalam keadaan selamat dan bagi memastikan para penumpang selesa. Pemeriksaan ini dilakukan atas pengusaha-

pengusaha feri, krew feri dan penumpang-penumpang yang menaikki feri tersebut setiap kali feri berlepas dari jeti.

■1220

Di samping itu satu bengkel dan kempen kesedaran keselamatan feri telah pun diadakan di Pulau Langkawi pada 20 hingga 22 November 2007. Seterusnya dengan kelulusan kenaikan tambang ini kita berharap pengusaha-pengusaha feri terbabit telah diminta untuk menyediakan perkhidmatan lebih baik dan meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan penumpang. Ini sentiasa dipantau oleh Kementerian Pengangkutan.

Yang Berhormat bagi Bagan telah pun menyentuh mengenai terminal bas sementara dibina di Butterworth dan projek Penang Central telah diumumkan pembinaan. Untuk makluman Yang Berhormat terminal bas sementara perlu dibina segera di tapak bas kompleks lama memandangkan tiada kemudahan yang teratur dan selesa untuk penumpang bas dan teksi sedang menunggu permohonan Penang Central yang akan mengambil masa. Untuk makluman Yang Berhormat projek ini bukanlah di bawah Penang Port sebab tapak bas kompleks lama sudah pun diserahkan kepada Pelaburan Hartanah Bumiputera Berhad.

Mengenai soalan apakah status Penang Port mengenai membeli bot laju untuk mengganti feri. Untuk makluman Yang Berhormat Penang Port Sdn. Bhd. baru selesai menjalankan kajian berkaitan cadangan opsyen-opsyen membeli bot laju serta pembinaan terminal untuk menampung bot laju di Butterworth dan Pulau Pinang. Perkara ini sedang pun dikaji oleh kerajaan. Mengenai masalah pengerukan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Ekspres bot ini sudah beberapa tahun dijanjikan bahawa selepas naik tambang feri dia akan membeli bot ekspres. Tambang feri telah dinaikkan tetapi nampaknya bot ekspres ini masih dalam kajian. Mana boleh ini kerana saya rasa Kerajaan Barisan Nasional seharusnya lebih cekap daripada itu, takkan beli berapa buah sahaja bot ekspres itu hendak ambil lima hingga enam tahun untuk mengkaji kita beli eksport yang lain yang lebih mahal tidak perlu kajian selama ini. Jadi apakah sebabnya mengapa kaji, kaji, kaji sampai sekarang masih kaji?

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey terima kasih Yang Berhormat. Memang kita pun memahami bahawa kita telah pun mengumumkan perkara ini beberapa kali di dalam Dewan ini tetapi oleh sebab banyak perkembangan-perkembangan di tempat ini dan juga ada keperluan-keperluan dilihat dari segi kewangan dan sebagainya dan dari strategi untuk melaksanakan projek ini maka perlulah perkara-perkara ini diteliti dan dikaji dengan begitu rapi sekali. Sekarang kajian itu telah pun siap dan telah pun dikemukakan kepada kerajaan. Saya tidak dapat berjanji bila ianya akan dilaksanakan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah perkembangannya sehingga dia perlu mengambil masa yang begitu lama untuk mengkaji kerana setahu saya sebab yang utama ialah kerana Penang Port

Sdn. Bhd. enggan memberi ataupun menaiktarafkan apa-apa perkhidmatan feri kerana dia anggap perkhidmatan feri ini sebagai satu *business* yang rugi tetapi dia tidak ingat bahawa *business* yang lain dia memang membuat keuntungan yang banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini merupakan sebahagian sosial servis kepada Penang Port.

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey, cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia Penang Port saya rasa dia ingin supaya kerajaan mengambil alih perkhidmatan feri ini. Ini adalah tidak adil.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Tuan Pengerusi dan kepada Yang Berhormat. Saya telah memberitahu kepada Yang Berhormat tadi bahawa kajian telah pun selesai dan ianya telah pun dikemukakan kepada kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat selama ini Penang Port telah pun memberi perkhidmatan kepada masyarakat di tempat itu walaupun mengalami kerugian. Mereka tidak memberhentikan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Jadi saya harap Yang Berhormat janganlah beranggapan bahawa Penang Port hanyalah mementingkan keuntungan dan tidak menjaga kebajikan masyarakat. Sebelum sesuatu projek belum dapat dilaksanakan ianya harus ditimbang dari seluruh sudut bentuk pembangunan di kawasan itu dan juga dari segi kewangan dan peruntukannya seperti yang saya sebut tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Bagan, mengenai isu pengerukan dan tebus guna tanah, memang seperi yang disebutkan oleh Yang Berhormat ada dua syarikat satu Reston yang diberi kontrak untuk menebus guna tanah dan satu lagi IMW yang diberi kontrak untuk pengerukan. Untuk makluman Yang Berhormat mengenai tapak di mana mereka membuang sisa-sisa itu telah pun diluluskan oleh AIA dan dipantau oleh Jabatan Laut.

Dalam masa yang sama Reston kontraktor tebus guna tanah juga telah melantik IMW untuk kerja-kerja tebusan. Memang dari awalnya ada masalah berlaku di mana pengambilan pasir di beberapa tempat itu tidak dibuat sebelum mereka memohon kepada pihak tertentu maka Penang Port telah pun memberhentikan IMW untuk berbuat demikian, menunggu mereka mendapat kelulusan dari jabatan-jabatan berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat, Penang Port Sdn. Bhd. *proponent* projek universiti telah pun mendapat permit 4C untuk melombong pasir dari kawasan berkenaan dari Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang dan mereka dikehendaki untuk membayar royalti seperti mana disyaratkan oleh syarat-syarat lesen tersebut.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam ada menyentuh mengenai slogan jalan raya yang menyebut '*Berhati-hati di Jalan Raya*'. Saya ucap tahniah kepada rakan kita dari Sabak Bernam kerana menurut beliau cukup minat mengenai perkara keselamatan jalan raya. Untuk makluman Yang Berhormat slogan yang digunakan oleh Kementerian Pengangkutan sejak tahun 2004 ialah '*Anda Mampu Mengubahnya*'. Slogan '*Berhati-hati di Jalan Raya*' adalah

sinonim dengan kempen keselamatan jalan raya dan sering digunakan oleh media dan syarikat-syarikat swasta.

Cadangan Yang Berhormat telah pun diambil kira oleh kementerian dan kita akan berbincang masa-masa iklan di masa hadapan sama ada hendak mengikut cadangan Yang Berhormat iaitu '*Berhati-hati di Jalan Raya*' dan ditambah dengan '*Bertimbang Rasa di Jalan Raya*'.

Kedua, apakah kedudukan negara kita sekarang dalam satu tahun, sehingga 30 Disember 2005 kedudukan Malaysia ialah di tangga 30 terbaik di dunia berdasarkan indeks kematian 10,000 kenderaan berdaftar. Buat masa sekarang belum ada keputusan terbaru kedudukan Malaysia bagi 2006.

Apakah kemajuan program penggalakan penggunaan topi keledar di luar bandar, ini soalan Yang Berhormat bagi Serdang. Terima kasih Yang Berhormat kerana prihatin dengan masalah-masalah penunggang-penunggang motosikal di luar bandar. Ingin saya memaklumkan bahawa di sini beberapa projek perintis bagi menggalakkan kegunaan topi keledar telah dilaksanakan bagi tempoh lima bulan dari Disember 2006 hingga Mei 2007 di mana kadar pemakaian topi keledar berjaya ditingkatkan daripada 62% kepada 85%. Mulai 1 Julai 2007 projek ini diperluaskan ke satu daerah di setiap negeri di seluruh negara. Adalah dirancang projek ini akan dilaksanakan di 150 daerah luar bandar di seluruh negara menjelang tahun 2010.

Yang Berhormat bagi Jasin telah membangkitkan perkara mengenai stesen timbang dan juga mengenai lori-lori kelapa sawit yang membawa lebih muatan. Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa pihak kementerian memang menyedari masalah tersebut dan akan mengarahkan Jabatan Pengangkutan Jalan memantau serta memastikan semua stesen sentiasa kemas dan bersih. Yang Berhormat, kementerian juga amat prihatin dengan isu muatan. JPJ sentiasa mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas pengusaha dan pemandu lori yang gagal mematuhi peraturan-peraturan.

Untuk makluman Yang Berhormat dari bulan Januari hingga Julai 2007, JPJ telah mengesan 27,243 kesalahan lebih muatan. Pada tahun 2006 pula sebanyak 83,862 kesalahan lebih muatan dan pada tahun 2005 sebanyak 79,200 kes kesalahan telah dikesan dan telah diambil tindakan oleh JPJ.

■1230

Ketika ini penguatkuasaan seperti "Ops Tutup" sedang dijalankan sepanjang tahun secara berperingkat bagi menangani isu lebih muatan di seluruh negara dan juga bagi mengurangkan kemalangan-kemalangan jalan raya yang berpunca daripada aktiviti *overloading*.

Untuk makluman Yang Berhormat kita juga akan menggunakan alat timbang mudah alih untuk membantu kita dalam operasi ini.

Yang Berhormat Jasin juga membahaskan mengenai berkaitan dengan bas lama. Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini pemeriksaan secara berkala telah diwajibkan bagi semua kenderaan perdagangan termasuk bas ekspres, bas sekolah, bas persiaran, bas kilang dan sebagainya.

Bas-bas ini semasa pemeriksaan berkala di PUSPAKOM telah pun dibaiki terlebih dahulu dan mematuhi semua aspek teknikal termasuk kadar pelepasan asap. Walau bagaimanapun selepas pemeriksaan dan bas-bas ini tidak diselenggarakan secara berterusan oleh pengusaha-pengusaha bas menyebabkan berlakunya kadar pelepasan asap yang tinggi. Penguatkuasaan terhadap kesalahan ini akan dijalankan adalah dalam bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar.

Yang Berhormat Kuala Lipis dalam perbahasannya telah mencadangkan supaya pejabat JPJ diwujudkan di Kuala Lipis. Untuk makluman Yang Berhormat kita akan meneliti permohonan Yang Berhormat ini kita melihat sama ada perlu atau tidak.

Yang Berhormat dari Kuala Lipis juga menyentuh mengenai perkara 'tonto'. Untuk makluman Yang Berhormat pihak JPJ tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan ke atas 'tonto' kecuali mereka mengganggu dan mengancam keselamatan kakitangan awam. Walau bagaimanapun usaha-usaha sedang digiat dilakukan untuk mengatasi 'tonto' ini. JPJ akan meningkatkan lagi pemantauan dari semasa ke semasa. Kementerian ini juga akan mencadangkan supaya kuasa tangkap diperturunkan kepada anggota JPJ untuk menangkap 'tonto' yang menghalang tugas kakitangan awam.

Yang Berhormat Bukit Mertajam pula memaklumkan bahawa perkhidmatan bas di stesen-stesen bas tidak menepati jadual dan menyulitkan penumpang. Untuk makluman Yang Berhormat, JPJ sejak Oktober 2007 telah menempatkan anggota penguat kuasa di stesen-stesen bas bagi memastikan bas *road ready* dan selamat digunakan demi keselamatan penumpang.

Sehubungan dengan itu JPJ mengambil maklum tentang risalah tersebut dan juga memantau agar semua bas melakukan perjalanan mengikut jadual yang di tetapkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat panjang lagikah?

Datuk Douglas Uggah Embas: JPJ akan menyaman mana-mana perusahaan bas...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri banyak lagi?

Datuk Douglas Uggah Embas: Kalau tidak ada ganggu 10 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Douglas Uggah Embas: Walau bagaimanapun diharapkan pihak pengusaha bas juga mengambil inisiatif dan bertanggungjawab untuk memastikan bas mereka tidak mengalami

apa-apa masalah. Yang Berhormat Rasah membangkitkan masalah berkaitan dengan kereta sita JPJ. Isu mengenai Yang Berhormat Seputeh menyentuh mengenai isu kesihatan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Isu kesihatan ke bas?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bas yang tidak mengikut. Ini merupakan satu masalah yang saya rasa lama ia *as old as a country*.

Jadi saya rasa, saya tidak faham mengapa kementerian tidak dapat menangani masalah ini. Apakah usaha telah diambil untuk menunjukkan bahawa negara kita sudah maju dalam aspek ini, bahawa bas ini mesti mengikut jadual sekiranya lambat, tidak boleh lambat lebih 15 minit. Sekiranya ia lambat melebihi 15 minit ia mesti memberitahu kepada penumpangnya yang sudah membeli tiket dan mengalihkan mereka kepada bas-bas lain. Inilah satu perkhidmatan saya rasa boleh dilakukan, tetapi kementerian tidak melakukan. Adakah kementerian menganggap bahawa penumpang-penumpang bas ini mereka tidak penting tidak sama dengan sekiranya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua penting Yang Berhormat. Cukuplah!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: .. *delay* itu menjadi perkara besar. Bas ini tiap-tiap hari *delay* dan berapa ribuan *mans hour and womens hour* hilang setiap hari tetapi dia tidak diambil kira.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat cukup.

Datuk Douglas Uggah Embas: Apa hilang tadi? Masa hilang. Tuan Pengerusi, memang kawan kita sebelah sana untuk melemparkan tuduhan bahawa kita tidak prihatin, tetapi itu memang tugas Yang Berhormat.

Jika Yang Berhormat melihat dengan teliti kita memang prihatin. Itu sebabnya akhirnya kita menempatkan pegawai-pegawai JPJ di stesen-stesen bas ini. Pertamanya untuk menentukan bahawa bas ini adalah *road ready*.

Kedua, untuk menentukan masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat ini dapat kita selesaikan. Saya tidak ada angka yang terperinci mengikut laporan umumnya kebanyakan bas ini berlepas mengikut waktu. Mungkin memang ada seperti penerbangan MAS yang lewat, tetapi itu bukan jadi masalah yang begitu besar sekali. Mengenai isu....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Untuk makluman Timbalan Menteri pada 22 hari bulan setiap bas *delay* dua jam dari pukul 3.30 sampai 6.30.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat saya belum bagi kebenaran untuk Yang Berhormat bercakap. Yang Berhormat tidak perlu biadab! Kerana ikut bos *you* selalu berdiri tiada mohon kebenaran.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa yang biadab ialah orang yang menggunakan perkataan biadab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat tahu peraturan; kalau Yang Berhormat tidak tahu peraturan bacalah peraturan. Sebelum Yang Berhormat hendak bercakap Yang Berhormat mohon dari saya dahulu sama ada saya akan bagi laluan atau tidak! Tetapi Yang Berhormat ini berperangai biadab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Orang yang menggunakan perkataan biadab itu yang biadab.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Seputeh..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak boleh jawab kerana tidak dapat jawab.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Seputeh isu berkaitan dengan e-kesihatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tidak perlu buang masa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang buang masa ialah Timbalan Menteri!

Datuk Douglas Uggah Embas: Siapa yang buang masa?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Timbalan Menteri!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Siapa yang bercakap tanpa kebenaran Menteri untuk bercakap?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Adakah itu sangat penting? Tetapi...

Datuk Douglas Uggah Embas: Itu penting! Kita mesti ikut peraturan kalau...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Mertajam dia tidak benarkan!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Minta Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dia tidak benarkan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak benarkan, cukuplah, cukup. Sebenarnya peluang banyak sudah diberikan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa peluang banyak? Semua sana. soalan tidak dijawab!

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat Seputeh telah pun membangkit isu e-Kesihatan. Untuk makluman Yang Berhormat dalam Dewan ini, Jemaah Menteri telah pun mengambil keputusan untuk menangguhkan projek ini. Projek ini sedang diteliti sebelum dilaksanakan.

Saya berharap Yang Berhormat Seputeh sabar untuk menunggu laporan seterusnya. Ini kerana banyak soalan-soalan dikemukakan Yang Berhormat oleh kementerian setakat ini untuk memberi jawapan setakat ini sahaja.

Mengenai saman ke atas kesalahan dan bayar terlalu tinggi di mana saman-saman dikenakan sebanyak RM300, minta pihak JPJ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh saya minta penjelasan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Seputeh bangun. Yang Berhormat Timbalan Menteri Seputeh bangun.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tidak boleh bagi jalan dah cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak boleh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh saya minta penjelasan?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tidak ada jawapan dah cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dia tidak bagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sebenarnya dia tidak jawab pertanyaan saya. Saya tanya sebenarnya...

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: .. pegawai terlibat ambil tindakan itu Timbalan Pengarah JPJ. Kenapa dia boleh mengingkari prosedur dalam Kabinet...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah, baik, baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Semua itu telah menjejaskan nama baik Kementerian Pengangkutan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat, kita sudah mencatat semua soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak ada jawapan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Setakat ini bukan tidak ada jawapan kita tidak memilih untuk membuat apa-apa pengumuman dulu sebelum perkara ini diteliti dengan terperinci.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat ini jawapan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ini adalah satu jawapan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini lari daripada pertanyaan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ada masa nanti Yang Berhormat boleh tanya selepas ini apa yang akan di umumkan oleh kerajaan dan selepas itu Yang Berhormat boleh tanyalah!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu sekarang mungkin sudah tukar.

Datuk Douglas Uggah Embas: Sekarang apa yang ditanya Yang Berhormat saya akan tetap dengan jawapan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kalau Yang Berhormat takut kerajaan itu tukar, tak payah tanyalah. Cukuplah!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini mengelakkan daripada pertanyaan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Kalau tidak ada *chance* tukar kerajaan, Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini promosi integriti. Jadi saya nak tanya kenapa kesilapan boleh berlaku.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jawapan telah diberikan oleh Timbalan Menteri.

Datuk Douglas Uggah Embas: Jawapan telah diberikan oleh Timbalan Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: lalah kenapa tidak diberi?

Datuk Douglas Uggah Embas: Sama ada Yang Berhormat berpuas hati atau tidak itu terpulang kepada Yang Berhormatlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini memang tidak ada ketulusanlah. Ini bercanggah dengan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukup, cukup. Yang Berhormat Seputeh cukup, Seputeh duduk, duduk. Yang Berhormat saya putuskan Yang Berhormat duduk. Seputeh duduk, duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dia Timbalan Menteri telah pun memberikan jawapan, buat setakat ini kementerian tidak bersedia untuk mengumumkan apa-apa yang diambil. Tidak ada Yang Berhormat sila duduk, duduk.

■1240

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memang nak bercakap tapi *PA system* ini kadang-kadang tak dapat menyala. Kita dah bagi jawapan, jawapan untuk orang yang hendak memahami memang jelas sekali ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila selesaikan dalam lima minit.

Datuk Douglas Uggah Embas: Lima minit ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, lima minit selesaikan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Mengenai saman kesalahan ini, memang adalah penting bagi kita untuk meneruskannya. Bukan untuk menyusahkan masyarakat ataupun pengguna-pengguna jalan raya tetapi masa telah tiba untuk kerajaan untuk bertegas kerana pada kesalahan-kesalahan yang dikenakan denda ini adalah kesalahan-kesalahan yang selalu menyebabkan kemalangan di jalan raya. Jadi saya harap Yang Berhormat faham. Mengenai lesen memandu yang tinggi iaitu RM1,000, ini adalah kadar pasaran. Kementerian tidak memilih, itu adalah ditentukan oleh pasaran.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, mengenai notis *reserve* TNB yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat bagi Larut. Untuk makluman Yang Berhormat, notis-notis yang dikeluarkan adalah notis yang diberi kepada para petani yang telah membuat pondok-pondok di laluan *double tracking* ini. Bagi yang lain, notis telah dikeluarkan manakala setinggan penduduk

yang lain, banciaan penduduk setinggan masih dalam pelaksanaan dan notis perpindahan keluar masih belum dikeluarkan.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga bertanya mengenai bilakah projek *double tracking* Ipoh – Padang Besar akan bermula dan berapa kosnya? Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan masih belum memuktamadkan kos projek ini dan oleh yang demikian, soalan Yang Berhormat ini tidak dapat dijawab untuk memuaskan hati Yang Berhormat. Apakah bantuan akan diberi kepada setinggan? Perkara ini akan dibincangkan dengan PBT, dengan kerajaan negeri, pihak berkuasa tetapi kita memberi jaminan di sini bahawa KTMB tidak akan membiarkan nasib para penduduk setinggan tanpa dibantu. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bertanya mengenai ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan. Yang ...

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang mana?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mengenai setinggan di tepi ...

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya belum beri kebenaran, mohonlah dulu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Inilah Tuan Pengerusi, ada orang yang diberi sedikit kuasa, dia akan menjadi *Napoleon*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Kalau *you* mahu mempertikaikan itu, saya tarik balik peluang Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *No such thing as you can* tarik balik apabila *you* beri jalan. *No such thing*.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ipoh Barat telah bertanya mengenai, *what do you mean by no such thing?*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bahawa beliau ada kuasa untuk memberi dan menarik balik.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ha, boleh, memang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa ini begitulah, ini merupakan *napoleon* yang besar.

Datuk Douglas Uggah Embas: *Napoleon* yang besar di depan Yang Berhormat Ipoh Timur, itu *Napoleon* yang besar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang terbesar sekali.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat boleh gulunglah. Tak payah buang masa lagilah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mengapa tidak boleh tanya?

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey, atas permohonan dan atas rayuan daripada Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Batu Gajah ada bertanya mengenai mengapa laluan

Putra telah dihentikan perkhidmatan di beberapa stesen. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini diambil kita menutup atas permohonan, atas rayuan dari polis atas sebab keselamatan. Jadi bagi kita, kita mesti akur kepada keputusan dari pihak polis. Jadi dengan itu, apa-apa perkara yang saya belum jawab

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batu Gajah.

Datuk Douglas Uggah Embas: Masih ada masa ke Tuan Pengerusi? Tidak ada masa lagi ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terpujang kepada Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey lah, saya rasa jawapan saya dah jelas tadi. Dengan itu saya ucapkan terima kasih kepada semua yang berkaitan.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, soalan saya tanya boleh secara bertulis ke berkaitan dengan LRT?

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya, ya, / bagi bertulis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM876,408,000 untuk Maksud B.28 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM876,408,000 untuk Maksud B.28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,760,900,000 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2008 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,760,900,000 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2008.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini pemimpin DAP anti rakyatlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading nak cakap bangun.

Maksud B.31 [Jadual] –

Maksud P.31 [Anggaran Pembangunan 2008] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala B.31 dan Kepala P.31 di bawah Kementerian Pelancongan terbuka untuk dibahas. Beluran.

12.45 tgh.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh perkara 030000. Saya ingin tahu berapa jumlah sumbangan Kementerian Pelancongan ini yang telah diberikan kepada Monsun Cup yang sedang berjalan di Terengganu ketika ini? Juga saya ingin tahu berapakah peruntukan yang diberikan oleh kementerian untuk Formula One yang diadakan sekian lama? Begitu juga *Power Boat Race* yang diadakan di Selangor tidak lama dahulu termasuk juga *boat race* yang diadakan di Melaka baru-baru ini kerana saya lihat *event* ini merupakan *event* yang penting sejajar dengan matlamat Malaysia untuk menarik 20 juta pelancong ke negara ini untuk Tahun Melawat Malaysia 2007.

Saya ingin maklumat daripada kementerian sama ada kementerian sedar dan maklum akan *Power Boat Race* yang akan diadakan pada 2hb dan 3hb di Kota Kinabalu Sabah pada bulan ini, hujung minggu ini. Apa penglibatan, sumbangan kementerian terhadap *event* penting yang bukan sahaja akan menarik pelancong tempatan tetapi juga akan menarik pelancong luar negara untuk datang ke negeri di bawah bayu. Saya ingin memaklumkan bahawa *Power Boat Race* yang diadakan hujung minggu ini merupakan *the last leg of Power Boat Race* yang diadakan untuk tahun ini. Ini merupakan acara terakhir untuk tahun ini dan kerana itulah *Power Boat Race* di Kota Kinabalu ini merupakan satu *event* penting. Ia akan dihadiri oleh anak-anak raja daripada beberapa negara Arab yang akan datang ke Kota Kinabalu.

Begitu juga akan tentunya dapat menarik pelancong sesuai dengan matlamat kementerian untuk menarik 20 juta pelancong untuk ke negara Malaysia tahun ini. Tetapi nampaknya kementerian tidak minat untuk melihat *event* ini dibantu oleh kementerian. Tentulah sumbangan kewangan daripada kementerian untuk menjayakan *event* ini merupakan salah satu daripada *event* yang akan mampu mencapai matlamat kementerian untuk melihat sebanyak pelancong yang datang ke negara ini. Saya ingin tahu secara spesifik dan butiran yang terperinci, bantuan, sumbangan kementerian, adakah kementerian akan memberi sumbangan ke arah kejayaan *event* ini yang akan diadakan pada hujung minggu ini sesuai dengan sumbangan dan juga bantuan serta sokongan yang diberi oleh kementerian untuk *event* penting yang telah diadakan, sedang diadakan, dan akan diadakan sepanjang tahun ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sepanggar.

12.49 tgh.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menjurus kepada butiran 050400 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan Kajian Impak. Saya ingin tahu setakat ini apakah penggalakan ini betul-betul menjurus kepada kemajuan kita. Oleh sebab kita dapati bahawa masih lagi ramai khususnya daripada luar negara yang tidak begitu mendapat informasi mengenai pelancong-pelancong, mengenai situasi di negara kita ini.

■ 1250

Khasnya di negara Eropah di mana walaupun negeri-negeri masing-masing begitu mempergiatkan promosi mereka tetapi malangnya lembaga ini tidak begitu membantu mereka untuk mengadakan satu *road show* yang besar-besaran di negara-negara Eropah dan di Asia juga.

Kedua saya ingin merujuk kepada butiran 050500 – Kempen Malaysia *Welcome The World & Tahun Melawat Malaysia 07*. Saya ingin tanya sama ada kempen yang sedia ada ini diteruskan pada tahun depan. Oleh kerana, sekiranya diteruskan maka haruslah ini dapat betul-betul memberi satu impak yang besar supaya apa yang kita ada di Malaysia ini dapat dijual untuk pelancong-pelancong di negara asing. Memang maksud kita ialah supaya bukan sahaja mengenai lawatan sambil *tourism* tetapi juga mungkin sebagai hab pelajaran, pendidikan. Di mana saya rasa ramai daripada negara-negara asing ingin juga mendapat pendidikan di Malaysia ini. Maka ini saya rasa dengan adanya satu kerjasama daripada kementerian-kementerian yang berkenaan, tentu sekali ini dapat betul-betul memberi satu impak yang menjurus kepada keistimewaan ataupun kecantikan negara kita yang begitu makmur sekali.

Yang ketiga yang ingin saya bahas ialah mengenai butiran 01900 – Pembangunan *Ecotourism*. Di mana perbelanjaan dia RM55 juta. Memang ini begitu besar sekali dan *ecotourism* kita begitu luas sekali bagi kita menjual kepada negara luar dan saya rasa kita mahu juga supaya negeri Sabah yang begitu banyak *natural resource* (keasliannya) diberi pertunjukan dan juga diberi satu keistimewaan khas untuknya dengan Gunung Kinabalu kita begitu megah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Cukuplah.

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Kita haruslah memberi satu keterampilan untuk negeri Sabah ini. Dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading berminat juga?

12.54 tgh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Slot saya berucap pendek. Nak ucap tahniah kepada Kementerian Pelancongan. Saya difahamkan bahawa Kementerian Pelancongan menjadi salah sebuah kementerian yang berjaya, yang telah dapat mencapai matlamatnya walaupun masa yang ditentukan belum sampai. Saya harap Timbalan Menteri akan menjawab soalan ini. Bagaimana kerajaan kita dan negara kita telah menjadi tumpuan seluruh dunia. Macam-macam manusia datang ke Malaysia kerana berbagai-bagai kecantikan, kelebihan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada butiran hendak rujuk ya, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Butiran 02800.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu tadi mukadimah. *[Ketawa]*. Kecuali kalau ada tunjuk perasaan apa, ini menakutkan pelancong. Kalau ini semua tak ada, saya rasa orang akan tahu bahawa Malaysia adalah syurga antara negara syurga di dunia. Macam-macam ada di sini dan macam-macam kemudahan ini dijadikan dengan begitu disediakan dengan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, macam...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...murah, cantik, molek...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...sedap, baik...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat... Macam berikan ucapan dasar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, Tuan Pengerusi. Saya hendak cerita tentang...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat, ada pelancong pergi ke Sri Gading ke?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Nantilah saya mahu cakap sampai pukul satulah Seputeh. Minta maafah Seputeh. Saya suka sebenarnya Seputeh ini tapi apa hendak buat saya tak dapat hendak beri masa. Masa saya terhad. Kalau sambung pukul 2.30, takut saya tak sampai. Jadi saya mesti habiskan pukul 1.

Program 02800 – Program Peningkatan Kemudahan *Homestay*. Tuan Pengerusi, hotel ini sudah terkenal dah. Hotel ini memang terkenal. Hotel ini tempat yang selesa. Di Malaysia kita berbanggalah. Hotel-hotel kita tiga bintang, empat bintang, lima bintang, enam bintang, tujuh bintang, cantik. Boleh setanding...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading tak ada ke?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...dengan negara-negara barat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading tak ada hotel ke?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hotel Sri Gading lebih dahsyat Tuan Pengerusi daripada Kuala Lumpur. *[Ketawa]*. Saya harap buat satu rancangan daripada kementerian ini membantu pengusaha-pengusaha kecil kita daripada penggiat-penggiat, peniaga-peniaga *home stay* ini supaya benar-benar mereka menyediakan kemudahan kediaman dengan begitu selesa, bersih dan juga kemudahan-kemudahan yang lainlah. Sesuai dengan sesuatu tempat. Berikan, ini saya tengok tahun lepas 8 juta. Tahun ini 5 juta sahaja. Makin menurun pula. Jadi saya haraplah biarlah kenikmatan, kebanjiran pelancong-pelancong datang daripada luar negara dapat dirasai oleh rakyat kita di kampung-kampung, di desa-desa seperti di rumah panjang dan sebagainya. Dapat mereka merasalah, dapat mereka rasa kelebihan-kelebihan pelancong datang ini supaya kita memberikan mudah-mudahan satu pendapatan yang lebih lumayan daripada yang ada pada hari ini.

Saya berharaplah kementerian tambahlah, tambah lagi peruntukan ini kepada mereka supaya mereka benar-benar dapat memberikan kemudahan kepada pengunjung, kepada mereka dan mereka ini nanti akan menjadi tumpuan kepada pelancong-pelancong yang lain, yang dapat layanan yang baik daripada mereka...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah. Cukuplah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...supaya... [Ketawa]. Tuan Pengerusi, saya punya ayat belum habis Tuan Pengerusi. Okeylah, Tuan Pengerusi kata saya cukup, saya bukan macam Ipoh Timur. Ipoh Timur dia tak suka dengar cakap speaker. Jadi saya dengarlah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...cakap Speaker. Jadi sampai sinilah Tuan Pengerusi. Saya harap Timbalan Menteri boleh jawab punyalah. Tolong bagi tambahan. Sekian, terima kasih. Saya menyokong Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rembau, sila.

12.58 tgh.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin terus kepada dasar baru, Pusat Pelancongan Malaysia dan juga *Home Stay* dan juga program Penajaan Peningkatan Kemudahan Pelancongan, program Pembangunan Papan Tanda dan Papan Penerangan Pelancongan.

Jadi dalam hubungan ini saya setuju yang disebut oleh Sri Gading tadi supaya lebih banyak lagi promosi dibuat dan dalam masa yang sama dibantu, dikenal pasti kampung-kampung yang boleh mengadakan program *homestay* ini sebab selain daripada hendak menggalakkan pelancongan, ianya merupakan salah satu cara menambah pendapatan penduduk luar bandar. Jadi dalam hubungan ini saya cadangkan supaya di sepanjang Lebu Raya Utara Selatan dan juga di jalan-jalan persekutuan dibanyakkan lagi papan tanda-papan tanda yang memberi tunjuk arah kepada pelancong-pelancong yang datang, tempat-tempat yang wajar dilawati. Dalam hubungan ini, saya juga hendak mencadangkan supaya diwujudkan sebuah pusat penerangan pelancongan di kawasan saya di Rembau. Sebab sekarang ini tak ada. Cuma ada di Seremban sahaja. Sedangkan di Rembau ini ada lebih 20 produk pelancongan termasuklah Air Panas Pedas yang mungkin sama baik ataupun tidak lebih baik lagi daripada Air Panas Langkawi. Gunung Datuk, kelip-kelip di Sungai Timun, *home stay* di Batang Nyamak, adat perpatih, Muzium Adat di Raja...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: ...dan sebagainya. Jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, nanti boleh sambunglah.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Ya. *[Ketawa]*. Kalau boleh saya hendak habiskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti balik sambunglah. Nanti balik sambung. Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat di sambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis sekarang dalam Jawatankuasa. Yang Berhormat bagi Rembau, sila.

2.30 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyambung semula ucapan saya. Jadi, seperti yang saya sebutkan pagi tadi, di Negeri Sembilan banyak produk-produk pelancongan termasuklah di Rembau sendiri. Saya dah kenal pasti lebih 24 produk. Cuma yang diperlukan ialah promosi yang lebih agresif dalam bentuk papan tanda dan dalam masa yang sama juga promosi melalui media massa, radio, TV. Bukan saja untuk Negeri Sembilan tetapi untuk juga tempat-tempat lain.

Saya menekankan tentang soal program *homestay* ini kerana *homestay* ini boleh memberi pendapatan tambahan kepada masyarakat luar bandar dan dalam masa yang sama juga kita dapat mengelakkan penghijrahan para belia kita ke bandar-bandar kerana melalui program *homestay* ini, semua program dibuat di situ. Melalui program itu juga kita dapat

mewujudkan usahawan dalam bidang pelancongan sebab perkara ini masih baru. Misalnya di Rembau belum ada lagi usahawan yang menceburkan diri dalam bidang ini sedangkan seperti yang saya katakan tadi produk-produk ini banyak seperti Adat Perpatih yang mungkin boleh di video klipkan, Muzium Adat dan juga Gunung Datuk, Kelip-kelip di Sungai Timun dan juga Air Panas Pedas yang boleh dibangunkan lagi.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Lualan.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Ya? Ha, sila.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rembau. Tuan Pengerusi, saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat bagi Rembau, setuju tidak supaya pihak Kementerian Pelancongan tambah peruntukkan untuk *home stay* kerana negeri-negeri ini perlu. Saya tengok 30 tempat di Kelantan saja tempat-tempat produk pelancongan yang perlu ditambah nilai, tetapi kerana Kelantan ini diperintah oleh parti PAS, tidak apalah. Parti PAS pun parti juga. Walaupun dia tidak mampu, kita cuba *provoke* kan tempat pelancongan. Kalau boleh, saya nak tanya Rembau, peruntukkan boleh tidak ditambah supaya beri peluang kepada negeri-negeri ini.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Putih. Saya setuju benar, setuju 100% sebab pelancongan ini merupakan yang boleh *generate* kan dengan izin, menjana pendapatan negara malah merupakan penjana yang kedua terbesar. Malah kalau kita lihat dari segi angka yang ada, pada tahun lepas kita memperoleh RM36 bilion daripada pelancongan. Tahun ini dijangkakan RM40 bilion dan saya sangat setuju supaya peruntukkan untuk kampung *homestay* ini, sekarang ini ada 105 kampung yang terlibat termasuk lima di Negeri Sembilan dan Kelantan ada enam. Peserta cuma 1563 saja seluruh negara.

Jadi, perlu ada insentif-insentif, galakan-galakan dalam bentuk seperti memperbaiki kemudahan-kemudahan pelancongan di kampung itu sendiri. Misalnya disediakan bilik yang sesuai sekurang-kurangnya satu bilik dan kemudahan tandas yang bersesuaian dan dalam masa yang sama juga melalui Lembaga Galakan Pelancongan tadi, kita berharap pusat-pusat penerangan pelancongan ini akan diperbanyakkan lagi. Tidak perlu buat bangunan yang besar-besar. Mungkin kita berdasarkan konsep yang dibuat oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Macam Kolej Komuniti, dia sewa rumah kedai saja. Mungkin buat rumah kedai, sewa saja mungkin kalau macam di Rembau itu RM500 sewa dah dapat kedai yang besar dah. Yang penting pusat pelancongan ini mestilah diletakkan di tempat yang strategik, di tepi jalan dan yang penting ada dengan izin, *skeleton staff* saja. Dua tiga orang saja, maklumatnya mesti lengkap dengan komputer dan sebagainya supaya dengan itu pelancong-pelancong yang datang akan dapat dengan mudah maklumat-maklumat tempat-tempat yang perlu dilawati.

Oleh sebab itulah kalau boleh diperhebatkan lagi publisiti terutama sekali untuk bukan saja untuk pelancongan luar negara tetapi pelancongan domestik supaya dengan itu akan dapat macam saya katakan tadi menambah pendapatan penduduk setempat.

Selain daripada itu, saya juga mencadangkan supaya papan-papan tanda tadi diperbanyakkan lagi dan juga produk-produk pelancongan yang ada di luar bandar banyak dikenal pasti sebab tiap-tiap kampung ada kelainannya masing-masing. Macam di Kuala Pilah akan dibina di Terachi tak salah saya, pusat memelihara *anaconda*. Pusat ular yang besar, antara yang terbesar akan diwujudkan oleh kerajaan negeri tak lama lagi. Jadi di Kuala Pilah pun banyak produk-produk, di Jelebu pun ada produk-produk yang dengan keunikannya masing-masing. Cuma yang perlu dari segi promosi dan juga dari segi produk-produk itu ditambah nilai dengan mengadakan perubahan-perubahan, perbaiki dari segi tempat-tempat di mana akan dijadikan tarikan pelancong tadi.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya juga mencadangkan supaya diadakan lebih banyak lagi video klip-video klip dan juga iklan-iklan yang bersesuaian yang boleh menarik para pelancong datang. Dalam masa yang sama juga peringatan *front liners* dengan izin seperti pemandu teksi. Kita dapat laporan daripada pelancong-pelancong yang datang daripada negara Arab, ada pemandu teksi yang mungkin tidak melambangkan identiti Malaysia lah.

Jadi kalau boleh, pemandu pelancong ini diberi kursus-kursus yang bersesuaian sebab pelancong Arab ini walaupun bilangannya yang datang ke Malaysia pada tahun lepas 186,000, tetapi ada pertambahan sebanyak 22% kalau dibandingkan pada tahun sebelumnya tetapi pelancong Arab ini pelancong yang berkualiti. Tiap-tiap orang saya difahamkan dia berbelanja RM1000 sehari dan purata dia tinggal di Malaysia tujuh hari.

Jadi kita kena jaga. Macam hotel-hotel yang besar perlu mengadakan tempat-tempat tandas yang sesuai untuk orang Islam sebab sebahagian besar pelancong daripada Timur Tengah ini adalah merupakan pelancong-pelancong yang beragama Islam. Dalam masa yang sama juga saya menyarankan mungkin kedai-kedai atau gedung-gedung besar, *supermarket*, *hypermarket* supaya ditambah waktu meniaga seperti sesetengah negara macam di Korea, dia ada 24 jam. Di Malaysia tidak ada banyak kedai yang semacam itu sebab pelancong-pelancong Arab ini saya difahamkan siang dia tidur, malam-malam baru dia keluar dan juga membeli belah. Jadi dengan ini kita harap akan dapat menambahkan lagi pendapatan negara dari segi hasil pelancongan, dengan ini saya menyokong. Sekian, terima kasih.

■1440

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Saya bagi Yang Berhormat Rantau Panjang.

2.41 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak cakap di bawah Butiran 02600 - Program Pembangunan Papan Tanda dan Papan Penerangan Pelancongan, Butiran 02800 - Program Peningkatan Kemudahan Homestay kemudian Butiran 050200 - Expo Zaragoza yang diperuntukkan sebanyak RM20 juta

dibandingkan dengan Kempen Melawat Malaysia itu, hanya RM3 juta lebih sikit. Saya ingin tahu daripada kementerian ini apakah sebabnya Expo Zaragoza ini diperuntukkan sebanyak RM20 juta ini? Apakah perkara yang hendak diisikan dengan adanya penglibatan kita di dalam ekspo tersebut.

Seterusnya ialah berkenaan dengan Program Pembangunan Papan Tanda dan Papan Penerangan Pelancongan. Hasil daripada yang saya ternampak, barangkali ada yang tidak ternampak saya minta maaf. Sebahagian besar papan-papan tanda ini tidak menggambarkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, walaupun Islam Hadhari. Ini penting. Saya minta pihak kementerian membuat kajian dari jumlah peruntukan yang diberi dan dari sebanyak-banyak papan tanda yang ada itu, berapa peratus yang papan tanda itu boleh menggambarkan Malaysia ini sebuah negara Islam walaupun Islam Hadhari?

Sebab, kadang-kadang kita ghairah untuk berkempen supaya pelancong datang ke Malaysia. Kita juga kena ingat sebagaimana yang disebutkan tadi negara kita sekarang ini mulai dikunjungi oleh pelancong-pelancong dari negara Arab yang boleh memberi manfaat yang lebih banyak kalau dibandingkan dengan pelancong-pelancong yang lain, kerana pelancong negara Arab ini mari mereka membeli-belah. Ada pun pelancong-pelancong Eropah, mereka hanya membeli *souvenir* yang kecil-kecil sebagai kenangan hasil daripada lawatan ke negara-negara yang didatangi atau yang dikunjungi. Bagi pelancong-pelancong Arab ini, mereka berkeluarga datang untuk membeli-belah tidak kurang daripada RM5 ribu satu keluarga di negeri kita ini. Jadi kita harap kita cubalah.

Kalau di *airport* KLIA kita nampak jelas, apabila pengacara menggunakan bahasa Arab selain daripada bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dan bahasa-bahasa yang lain, ia menggunakan bahasa Arab. Kita boleh membayangkan ini sudah tentulah pelancong-pelancong Arab atau musim pelancong Arab akan datang terutama sekali bermula daripada bulan tujuh, lapan dan sembilan, kita boleh bayang terus. Jadi kita harap pihak kerajaan khususnya kementerian ini cuba mengambil kira supaya iklan itu tidak menjadi satu perkara yang dipersoalkan oleh pelancong-pelancong, khususnya pelancong-pelancong daripada negara Arab yang beragama Islam. Ada pelancong-pelancong daripada negara Arab yang bukan beragama Islam itu barangkali tidak ada apa perkara yang dilihat keghairahan dengan gambar-gambar yang menjolok mata di papan-papan tanda tersebut.

Keduanya yang berkenaan peningkatan Program Pemandu Pelancong. Saya mintalah supaya *syllabus* ataupun sukatan pelajaran, kursus-kursus kepada pemandu pelancong ini supaya mereka itu mengetahui sedikit sebanyak latar belakang agama. Sama ada agama Kristian, agama Islam, agama Hindu dan sebagainya supaya pemandu pelancong kita ini kalau kebetulan orang yang beragama Islam yang datang, yang dibawa bersama-sama itu, mereka boleh menerangkan sedikit sebanyak tentang latar belakang agama kita, dan apatah lagi selain

daripada tempat yang dilawati seperti masjid dan sebagainya, ia juga boleh tumpang sembahyang bersama-sama.

Saya dimaklumkan ada di antara pemandu pelancong ini yang pelancong beragama Islam sembahyang di masjid, dia sendiri tidak sembahyang. Hendak kata dia sembahyang jamak, dia anak negeri dan tempatan. Pelancong tidak apa boleh sembahyang jamak, sama ada jamak takhir ataupun jamak takdim, tapi pemandu pelancong yang beragama Islam tidak bersembahyang dan ini memalukan kita. Kalau yang bangsa Cina, bangsa India yang bukan beragama Islam, sebagaimana pelancong walaupun dibawa pelancong itu pada orang bukan Islam, tak apalah, biasalah kerana mereka boleh sebut mereka non Muslim, tapi yang beragama Islam ini dan ini memalukan kepada kita sebagai rakyat Malaysia.

Seterusnya dan yang terakhir saya sebut berkenaan *homestay*. Sebenarnya saya telah beberapa kali, sudah lama dan dari dulu saya sudah bercakap. Menteri pada waktu itu memberi kesanggupan untuk membuat kajian sama ada munasabah atau tidak pandangan saya pada waktu itu. Saya memberi pandangan supaya *homestay* ini diambil kira pondok-pondok sama ada di Kelantan ataupun di Kedah. Kelantan yang paling banyak pondok ini dan dijadikan tempat destinasi kepada pelancong-pelancong yang beragama Islam supaya mereka itu juga boleh memahami, boleh menghayati budaya hidup orang-orang pondok ini, seperti cara makan dan cara pergaulan. Kalau identiti seseorang pengajian pondok ini bagaimana, itu penting. Setakat ini belum ada lagi pondok yang dijadikan destinasi pelancongan.

Sehingga saya bagi cadangan supaya diperelok pondok ini walaupun tidak dibina pondok-pondok baru, sekurang-kurangnya jalan-jalan untuk memasuki di kawasan pondok itu dibina melalui peruntukan di bawah Kementerian Pelancongan ini. Tidak munasabah kalau kajian itu habis satu penggal kalau peruntukan ini pun nampak tidak mungkin dilaksanakan dan saya harap pandangan ini oleh kerana Menteri Pelancongan ini telah berubah daripada penggal dulu dan penggal baru sekarang ini, kebetulan pula menteri sekarang ini beragama Islam, baru memeluk agama Islam, barangkali ada perubahan-perubahan yang perlu difikirkan sesuai dengan perubahan agama yang dianuti oleh Menteri ini.

Saya yakin dan percaya *homestay* ini walaupun Kelantan tadi disebut oleh sahabat saya yang ada enam tempat, enam destinasi boleh ditambahkan lagi. Sebagaimana saya sebutkan tadi, selain daripada tempat-tempat yang mempunyai keindahan alam semula jadi, untuk menenangkan fikiran tempat yang diduduki maka pondok juga, saya yakin dan percaya ia merupakan salah satu tempat untuk menenangkan fikiran bagi mereka yang beragama Islam, untuk bersama-sama sembahyang berjemaah dan bersama-sama berinteraksi dengan mereka yang belajar di pondok ini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ipoh Timur.

2.28 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sebut Butiran 010000 - Pengurusan dan 050500 - Kempen Malaysia *Welcome The World* dan Tahun Melawat Malaysia 07.

Surat khabar hari Isnin mengenai demonstrasi Hindraf. Ada satu laporan dan gambar mengenai pelancong yang menjadi mangsa, yang kena *tear gas*. Pelancong ini mempunyai penyakit asma yang rumitkan, menyukarkan keadaan beliau. Perkara ini sudah tentulah akan memudaratkan kempen untuk menarik pelancong-pelancong ke Malaysia. Apa yang memudaratkan bukanlah demonstrasi yang diadakan, tetapi cara untuk menangani demonstrasi. Jangan kita kata oleh kerana ada demonstrasi yang aman oleh Hindraf, oleh kerana itu kita menakutkan pelancong-pelancong.

Kita tengok di dunia-dunia yang membangun yang ada industri pelancongan yang sangat maju seperti United States, UK, European Union, mereka pun selalu dan kerap kali dan biasa serta lazim mengadakan demonstrasi, tetapi demonstrasi yang aman dan tidak ada seperti yang berlaku di mana pihak polis pada hari Ahad yang lepas menembak beratus-ratus *tear gas*. Bukan sahaja terhadap mereka yang mengadakan demonstrasi secara aman, tetapi pelancong-pelancong pun turut kena. Sebab itu kita perlulah berjaga-jaga oleh kerana ini mustahak.

Kita mahu satu budaya di mana kita boleh menunjukkan bahawa ada amalan, ada tradisi demokratik, ada pihak polis yang boleh jaga *law and order* dan tidak *trigger-happy* untuk menembak *tear gas*, *water-cannon* dengan *chemical lase* dan ini akan menimbulkan satu suasana yang menakutkan pelancong.

■1450

Janganlah kita memberi satu gambaran bahawa negara kita sangat *high-handed* dalam perkara ini. Pagi ini dalam sesi soal jawab saya ada timbulkan adakah bahawa peristiwa Ahad, di mana pihak polis ada *high-handed* dalam menangani demonstrasi Hindraf adalah akan menyebabkan reaksi yang buruk daripada India diaspora. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata tidak, sebenarnya di hadapan saya adalah laporan daripada semua surat khabar India. Hindu India, *Hindustan Times India*, *Times of India*, *CNN-IBN India*, *Zee News India*, *News Today India*, *The Tribune India*, bukan mengenai apa yang berlaku hari Ahad tetapi mengenai reaksi di India. Seperti hari ini yang juga dilaporkan di Malaysia Kini dengan izin,

“Indian Prime Minister Manmohan Singh has been urged to take immediate action concerning the state of Indian in Malaysia.

The premier’s intervention was sought by Tamil Nadu Chief Minister M. Karunanidhi and other politicians in the state following the mass rally held on Nov. 25th in Kuala Lumpur.

According to Hindu newspaper, Karunanidhi wrote to Manmohan on Tuesday asking him to employ the necessary measures regarding the 'sufferings and bad treatment' of Tamils in Malaysia.

Karunanidhi and the people of Tamil Nadu were disturbed over the happenings in Kuala Lumpur."

Saya tidak mahu bincang betul atau tak betul, tapi itu reaksi yang akan memudaratkan kejayaan kita untuk menarik pelancong-pelancong khasnya dalam era globalisasi. *We are in the global village.* Kita tak boleh buat apa yang kita suka buat. Kita boleh menafikan hak asasi tidak kira apa pandangan orang ramai di dunia, tetapi tidak boleh oleh kerana kita satu *global village*, kita mahu *compete* dengan *rest of the world* untuk pelancongan-pelancongan, *investment* dan sebab itu kita perlulah ada *best international practices* mengenai demokrasi, mengenai *good governance* dan lain-lain.

Kita tengok hari ini dan saya dengan Yang Berhormat daripada Bukit Mertajam baru balik daripada mahkamah Selayang, di mana lebih kurang 50 orang akan didakwa dalam mahkamah kerana *illegal assembly* dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada kata mereka yang 2,000 orang, 20,000 ialah penyangak. Dengan izin, *some 20,000 penyangak (crooks) who participated in the rally would not jeopardize our viewpoint of the entire community.* Mana boleh ini menghina 20,000 orang bukan sahaja yang aman. Saya ada jumpa mereka. Mereka *respectable member of society* ada kerja yang baik, ada *executive, management executive, technician, businessman, contractor* tetapi kenapa mereka rasa perlulah datang untuk *cry of justice*. Itu hal bukan pelancongan, tapi kita jangan melihat mereka sebagai *crooks* dan orang jahat. Apa ertinya penyangak? Mengikut kamus Dewan penyangak, "pencuri, penjahat" bagaimana kita boleh *one grove* menganggap mereka 20,000 orang yang datang untuk menuntut keadilan sebagai penyangak. Saya rasa ini pun tak baik untuk dunia reaksi. Reaksi dunia pun sangat teruk.

Saya harap Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan tarik balik atau meminta maaf dalam perkara ini. Jangan memburukkan, memudaratkan kempen pelancongan oleh kerana *this is not good for our tourism.* *Tourism* kita mahu jadi sebagai anggota *global field* bahawa kita boleh dapat *mutual respect*. Mereka boleh datang dengan rasa selesa. Bukan datang di sini *tear gas, water cannon, helicopter* dan saya harap dalam perkara ini untuk kebaikan industri pelancongan bahawa kita ada *best international practices* mengenai *governance*, hak asasi, demokrasi dan janganlah Perdana Menteri hendak gunakan ISA. Ini tidak baik untuk negara dan tidak baik untuk pelancongan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Larut.

2.55 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh di bawah Butiran 00800 – Kajian-kajian Pelancongan. Dua perkara sahaja Yang Berhormat saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat. Pertama pada pagi tadi seorang warganegara asing jumpa saya kalau diikutkan dia hendak balik sudah. Tapi saya meyakinkan pada dia tentang keadaan keselamatan di negara kita ini, kerana dia kecewa dengan keadaan yang berlaku kerana dia dihubungi oleh saudara-maranya di luar negara. Jadi itulah keadaannya Yang Berhormat luahan rakyat asing dengan apa yang telah berlaku, yang telah mencemarkan dan menakutkan.

Satu lagi dia juga minta hendak tanya pada Kementerian Pelancongan, apakah dengan demonstrasi yang dilakukan ini telah menjejaskan kehadiran pelancong yang selama hari ini telah begitu ramai tertarik untuk bercuti melawat negara kita ini. Jadi apakah pihak kementerian telah membuat satu tinjauan bertanyakan kepada agensi kita di luar negara tentang laporan-laporan mengenai kekeliruan yang telah berlaku ekoran daripada dua insiden demonstrasi yang telah dilakukan dalam tempoh terdekat ini, iaitu baru-baru ini yang sanggup mengheret orang ramai ke Istana Negara dan satu lagi ialah yang baru-baru ini.

Satu lagi yang saya hendak sampaikan ialah tentang keindahan di mana mereka juga menegur kenapa tidak dilakukan sesuatu ke atas pencemaran sungai kita. Yang disebut ialah Sungai Klang yang berhampiran dalam bandar raya kita Tuan Pengerusi cukup menjijikkan. Jadi mereka telah berkali-kali meminta pihak pelancongan melakukan sesuatu. Tambahan pula sungai ini berhampiran dengan perbadanan pelancongan yang terletak berhampiran. Satu lagi saya hendak tanya Yang Berhormat ialah tentang kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini bahawa kita akan teruskan...

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Sungai Klang atau Sungai Kelantan itu? Bagi tahu, saya tak faham. Sungai Klang atau Sungai Kelantan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat hendak tanya berdirilah Yang Berhormat. Jangan duduk. Kalau duduk bukan bertanya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Yang Berhormat sebut tadi ataupun mengaku kekotoran Sungai Klang itu, adakah Yang Berhormat sudah lupa sebelum pada ini Yang Berhormat sudah hentam Sungai Kelantan. Sekarang ini mengaku Sungai Klang pula. Barangkali hendak peruntukan lebih sedikit mengakulah sungai itu kotor. Bila orang sudah tenang nanti Kelantan juga yang dihentam.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tak berapa dengar pergilah *check* di luar. Kesihatan Yang Berhormat mungkin terganggu. Saya sebut Sungai Klang, bukan Kelantan.

Tuan Pengerusi: Tak apalah, tak apalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya tak sebut Kelantan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tak, betul. Saya kata dalam keadaan hendak minta supaya dibersihkan sungai ini, disebut Sungai Klang, mengaku Sungai Klang itu kotor. Dalam keadaan tenang mengatakan Sungai Kelantan yang lebih kotor. Inilah *double standard*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Siapa yang cakap? Saya tak cakap.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau kotor dua-dua, dibersihkan dua-dua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dibersihkan. Itu sahaja. Tapi kalau hati Yang Berhormat tak bersih pun dibersihkan. Dibersihkan hati Yang Berhormat supaya jiwa Yang Berhormat tenang.

Baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyebut tentang *visa on arrival*, dengan izin akan diteruskan. Tidak ada masalah kita menyokong cuma saya hendak bertanya pada Yang Berhormat, apakah tempoh visa ini hanya diteruskan dalam Tahun Melawat Malaysia sahaja ataupun berterusan selama-lamanya kerana apa yang kita suarakan pada hari ini mengenai kebimbangan ialah pelancong-pelancong yang datang menyalahgunakan visa tersebut. Mereka hilang begitu sahaja. Itu yang kita maksudkan tapi kalau cuma pelancong datang hendak tengok keindahan sejarah yang begitu kaya di negara kita ini tidak ada masalah.

Yang melahirkan kebimbangan kita ialah tentang mereka yang menyalahgunakan *visa on arrival*, sebab itu kita amat menyokong usaha-usaha untuk mempromosikan lagi apa juga tindakan kerajaan supaya bilangan pelancong yang hendak datang ke negara kita ini terus dapat dilakukan. Tidak ada masalah cuma yang menimbulkan kebimbangan kita ialah pelancong-pelancong yang barangkali datang untuk tujuan lain tak kiralah dalam sudut mana sekalipun. Sebab itu saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada kementerian ini untuk melakukan pelbagai acara bagi meningkatkan lagi industri pelancongan ini yang merupakan satu lagi pelaburan besar yang mendatangkan pelaburan terbesar kepada negara kita ini. Jadi Tuan Pengerusi itu sahaja yang saya hendak sampaikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sungai Petani.

2.59 ptg.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk turut serta membahaskan peruntukan bagi Kementerian Pelancongan. Ada beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan di sini ialah Butiran 020100 - Bahagian Dasar, Perancangan dan Hubungan Antarabangsa.

■1500

Peruntukannya begitu besar sekali iaitu RM323,997,900. Di sini ingin saya tahu apakah perancangan sebenarnya pada masa-masa yang akan datang adakah perancangan dua tahun, lima tahun atau sebagainya. Kerana apa yang saya lihat hari ini walaupun kementerian ini

membawa masuk banyak kewangan ke negara kita, kita memang ucap tahniah, syabas, tetapi sebenarnya kalau kita bandingkan negara kita dengan negara-negara ASEAN yang lain, saya nampak saya tidak tahulah ramai orang mengatakan bahawa negara-negara ASEAN yang lain mendapat tumpuan yang lebih hebat lagi jika dibandingkan dengan negara Malaysia kita. Saya ambil contoh macam tadi walaupun kita perkenalkan visa *on arrival* tapi sebenarnya ramai orang yang menyalahgunakan VOA ini.

Jadi apakah pihak kementerian sekarang untuk memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, berapa ramai yang masuk dalam masa kita perkenalkan VOA ini berapa ramai yang masuk dan berapa ramai yang sudah keluar dan tidak keluar pula berapa ramai. Jadi boleh tidak Yang Berhormat jelaskan kepada kita, oleh kerana kita juga ingin tahu tentang VOA ini sehingga menimbulkan banyak masalah kepada negara kita di saat-saat di mana kita memikirkan kita hendak galak orang datang, tetapi dalam masa yang sama orang menyalahgunakan visa ini, satu.

Keduanya mengenai dengan perancangan juga, saya hendak tahu daripada pihak kementerian apakah perancangan kita untuk mempertingkatkan lagi pelancongan dalam negara. Umpamanya macam tadi ada disebut banyak mengenai *homestay*. Apakah *homestay* ini akan disenaraikan. Saya tahu ada disenaraikan di setiap negeri, disenaraikan bagi setiap negeri, tetapi ada banyak juga yang tidak disenaraikan. Umpamanya kita ambil, apabila kita menghadapi musim cuti sekolah sekarang saya tahu *tourism* dalam negara begitu luas dan ramai orang yang hendak membawa keluarga pergi melancong antara negeri dan negeri. Kita ambil contoh sahaja, orang Semenanjung hendak pergi Sabah atau Sarawak tetapi apakah kemudahan yang mereka boleh perolehi untuk membawa keluarga pergi ke sana dan harga yang berpatutan.

Hari ini kalau kita lihat harganya amat mahal dan tidak menggalakkan langsung orang Semenanjung ke Sabah Sarawak dan orang Sabah Sarawak ke Semenanjung. Begitu juga saya hendak tahu daripada Yang Berhormat daripada kementerian ini apakah perancangannya juga untuk menggalak *tourism* tempatan tadi. Saya lihat kita tidak ada banyak pusat-pusat yang memberi maklumat. Umpamanya kalau kita ambil di Amerika Syarikat, kalau dari sebuah negeri ke sebuah negeri dia ada pusat penerangan menjelaskan kepada pelancong itu ke mana dia hendak pergi dan sebagainya.

Misalnya kalau orang dari selatan hendak ke utara, dia berhenti di Kepala Batas umpamanya, dia sudah ada pusat penerangan untuk menjelaskan kalau dia hendak ke Kedah di manakah pusa-pusat menarik dan sebagainya. Jadi itu satu hal, perkara yang ketiga ialah mengenai dengan kedudukan Langkawi, di mana promosi Langkawi amat berkurangan saya dapati kebelakangan ini, yang mana kalau kita sebut hendak ke Bali, tidak pernah kita sebut kita hendak ke Indonesia, kita sebut sahaja Bali. Kalau kita hendak ke Hawaii, kita tidak sebut Amerika Syarikat, kita sebut sahaja Hawaii. Jadi persoalan kedudukan Langkawi tadi kalau

dalam perancangan kementerian ini, apakah kedudukannya sebenar. Jadi saya ingin tahu daripada kementerian ini.

Perkara 030000 - Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Ini sekali lagi lembaga ini saya tidak tahulah apakah perancangan sebenarnya untuk menggalakkan lebih ramai pelancong. Macam saya kata tadi penggalakan itu apakah dilakukan di luar negara, jika di luar negara di manakah ia selalu diadakan. Umpamanya kalau di Eropah apakah kita punya *selling point* ataupun kita punya rujukan untuk menarik pelancong-pelancong tadi. Saya dapati tidak ramai kalau daripada pelancong Eropah, mereka lebih suka ke Indonesia, mereka lebih suka ke Singapura, mereka lebih suka ke Vietnam dan sebagainya. Jadi kenapa Malaysia tidak menjadi perkara-perkara ini semua.

Saya faham timbalan menteri pernah sebut pada saya adakah kerana galakannya kalau kita ada 3S (*Sun, Sunshine,*) satu lagi saya lupa maafkan saya. Jadi dalam tiga perkara ini janganlah itu dijadikan alasan, tetapi perkara-perkara yang lain juga perlu diambil kira dalam hal-hal ini. Juga kalau kita lihat persekitaran kita, saya ingin beri teguran sedikit kepada kementerian ini, *signboard-signboard* yang kita ada pun saya rasa - *signboard-signboard* atau papan-papan iklan untuk kata Selamat Datang ke Malaysia dan sebagainya saya tengok gambar bukan gambar begitu menarik sekali. Jadi kita pun tidak tahu misalnya kalau gambar air terjun ke gambar tarian ke dan sebagainya. Jadi inilah harus diambil kesempatan oleh pihak pelancongan tadi.

Satu lagi mengenai informasi, banyak kali saya pergi ke pusat-pusat pelancong cuma hendak *test* tengok apakah yang mereka boleh beri penjelasan. Saya tengok tempat-tempat ada di sudut-sudut tertentu ada ditulis *i* atau *information* tetapi apa *information* yang diberi, kita pun tidak tahu. Umpamanya kita ambil KLIA, apa *information* kita boleh beri kepada *tourist*. Selain daripada papan-papan iklan tadi, tetapi tidak ada bahagian yang memberi penjelasan kepada pihak *tourist*. Umpamanya kalau kita di Indonesia, di Lapangan Terbang Jakarta, kita akan lihat bahagian-bahagian dia semua hotel-hotel yang dia hendak beri iklan, dia akan beri macam-macam maklumat kepada kita, itu Indonesia. Apatah lagi di Eropah lebih baik lagi dan hebat tetapi negara kita katanya ada bahagian *information* tetapi tidak ada *information* yang diberi kepada pelancong-pelancong asing dalam pelbagai bahasa.

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang akhir sekali Tuan Pengerusi, satu sahaja iaitu mengenai 040300 - Bahagian Teknologi Maklumat dan Penguatkuasaan. Di sini sekali saya hendak minta pada Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kepada kita sekarang apakah maklumat dari segi *internet* dan sebagainya, saya cuba juga tetapi tidak banyak maklumat yang diberi kepada kita terutama sekali pelancong asing dalam pelbagai bahasa, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sabak Bernam.

3.08 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sabak Bernam ingin mengkhususkan kepada Butiran 02800 - Peningkatan Kemudahan *Homestay*. Alhamdulillah di Sabak Bernam ada dua pusat ataupun kawasan yang menjadi tumpuan *homestay* ini. Hanya pandangan daripada Sabak Bernam supaya kemudahan *homestay* ini diberi nilai tambah. Sabak Bernam selalu menyebut tentang Desa Monyet, Sabak Bernam selalu menyebut Desa Kupang, Desa Kerang, Desa Ketam.

Tuan Pengerusi, Sabak Bernam serius dalam perkara ini, tempat-tempat ini memang semula jadi sedia ada. Jadi oleh kerana itu, Sabak Bernam yakin kalau tempat-tempat ini dibangunkan dengan lebih baik, Sabak Bernam yakin orang yang selalu datang ke kawasan *homestay* itu kerana hendak mengalami kerja padi seperti menuai, kita sebut di sana sebagai pengalamian (*experiencing*) dengan izin. saya tidak tahulah ada kaitan dengan pemandulan bahasa. Pengalamian, begitu juga pagi tadi ada sebut tentang cenderamata dan cenderahati, daripada mata ke mata daripada hati ke hati. Itu lebih baik. Berbalik kepada

■1510

Berbalik kepada *homestay* ini, Sabak Bernam merasakan ini harus dipertingkatkan dengan lebih serius lagi. Jadi oleh kerana itu, perkara yang keduanya Sabak Bernam juga berharap supaya dengan ramainya orang datang ke Sabak Bernam kita pergi kepada Butiran 00900 – Program Penginapan Murah/Sederhana. Saya ingat, wajarlah sudah sampai masanya di hujung Utara Selangor ini diwujudkan Hotel Seri Malaysia.

Jadi, kalau itu dipertingkatkan, diperkenalkan, Sabak Bernam yakin bahawa pelancong akan lebih ramai datang ke Sabak Bernam dan lebih penting daripada itu, seperti yang disebut oleh sahabat saya tadi, orang-orang dari Sabak Bernam ini akan ada pendapatan sampingan meningkatkan pendapatan, membangunkan usahawan di kawasan luar bandar supaya mereka tidak *migrate* dengan izin, tidak keluar dari luar bandar ke bandar. Perkara yang keduanya, ini kebimbangan Sabak Bernam ialah tentang pas-pas pelancong yang disalahgunakan.

Jadi pihak Sabak Bernam berharap supaya perkara ini dapat diberikan perhatian supaya pelancong yang datang untuk melancong ke Malaysia ini akan benar-benar melancong dan memanfaatkan segala kemudahan yang diadakan di dalam negara kita. Saya ingat itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

3.11 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada 03000, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Saya ingin bertanya tentang keberkesanan Program Cuti-Cuti Malaysia. Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah pergi ke Pulau Pinang dan juga menyatakan bahawa pelancongan di Pulau Pinang telah semakin merosot

kerana alamnya ataupun destinasiya kurang menarik dan baru-baru ini telah dikatakan bahawa pantai-pantai dan laut di Pulau Pinang telah dicemarkan sehingga pelancong-pelancong di luar negeri tidak datang lagi.

Jadi saya ingin meminta kementerian, apakah kementerian akan membantu Pulau Pinang untuk meningkatkan lagi penarikan pelancongan supaya boleh membantu seperti memberi peruntukan untuk membersihkan pantai-pantai dan juga laut.

Butiran 02600 - Program Pembangunan Papan Tanda dan Papan Penerangan Pelancongan. Saya rasa ini adalah amat memerlukan khasnya di tempat-tempat pelancongan seperti di Pulau Pinang. Jadi saya difahamkan kerajaan negeri juga ingin mendirikan papan tanda untuk menerangkan sesuatu tempat pelancongan tetapi kekurangan perbelanjaan.

Jadi, saya memohon supaya perbelanjaan yang diperuntukkan itu boleh juga diberi kepada negeri Pulau Pinang. Juga papan tanda-papan tanda jalan raya di Pulau Pinang dia sangat berbeza kalau disebutkan di dalam bahasa Mandarin, bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. Jadi, saya memohon supaya jalan-jalan seperti ini boleh juga diberi papan tanda yang berbagai-bagai bahasa supaya dia menyenangkan pelancong-pelancong di luar yang datang dari beberapa negara.

Saya juga ingin memohon supaya sedikit peruntukan diberi kepada NGO yang memohon ataupun Ahli-ahli Parlimen untuk membangunkan material-material atau dokumentasi mengenai kawasannya untuk menarik pelancong serta mempromosikan pelancongan di dalam kawasannya. Umpamanya di kawasan Bukit Mertajam ada banyak tempat yang sungguh menarik.

Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu. Ada tempat-tempat yang menarik seperti Ceruk Tok Kun, Mengkuang Dam, St. Anne's Church yang setiap tahun menarik beribu-ribu orang pergi ke sana. Jadi saya rasa ini adalah tempat-tempat yang boleh digunakan. Selain daripada menarik pelancong, dia juga boleh menolong membantu kerajaan dalam Program Cuti-Cuti Malaysia. Kita hendak bercuti seperti di Batu Kawan, mungkin hendak pergi sana tetapi dia tahu apakah tempat yang menarik. Di Batu Kawan memang ada banyak tempat yang menarik. Dia ada...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Stadium, stadium menarik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Stadium yang makan makanan laut yang begitu *famous*. Jadi saya rasa adalah penting kita mendokumentasikan ataupun kita mengadakan dokumen-dokumen seperti ini supaya kita dapat mempromosikan tempat-tempat dan bandar-bandar seperti Bukit Mertajam, Nibong Tebal, dan lain-lain tempat lagi dan ini tidak memerlukan peruntukan yang banyak. Baru-baru ini kita mendapat RM30,000 dari Kementerian Kesenian dan Kebudayaan untuk memeriahkan kemerdekaan yang ke 50 tahun.

Apa yang saya buat ialah untuk membuat dokumentasi seperti ini yang saya rasa ini boleh menambah nilai kepada peruntukan. Bukit Mertajam akan menjadi *host* kepada *World*

International Veteran Basket Ball Championship pada tahun 2009. Orang-orang akan datang ke Bukit Mertajam tetapi mereka tidak tahu mana tempat yang menarik. Jadi saya adalah penting dan saya memohon supaya kementerian boleh memberi peruntukan supaya kita boleh membuatkan video, membuat risalah mengenai tempat-tempat di mana mereka boleh melawat ataupun mana ada makanan yang enak yang mereka boleh pergi mencuba.

Jadi saya rasa ini boleh membangunkan pelancongan di bandar-bandar yang kecil dan juga mengenai *homestay*, saya rasa *homestay* ini adalah konsep yang baik untuk tempat-tempat yang lebih terpencil. Jadi saya lihat di dalam *National Geography* di mana di banyak negara-negara Afrika, seluruh ahli di dalam satu kampung digembleng tenaganya supaya dia menjadi destinasi *homestay*. Orang pergi ke sana dari Amerika, dari banyak negara boleh pergi sana untuk duduk dua bulan atau satu bulan untuk memahami kebudayaan.

Ia bukan semata-mata melancong sahaja. Ia untuk memahami kehidupan dan kebudayaan tempat itu. Jadi saya rasa tempat yang sangat sesuai untuk membangunkan konsep *homestay* ini adalah pedalaman Sabah dan Sarawak di mana saya rasa ramai di sini pun hendak tahu bagaimana cara kehidupan mereka? Apakah kebudayaan mereka? Kita juga boleh membawa pembangunan kepada tempat itu dan komuniti Orang Asli juga.

Tuan Pengerusi: Ya, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya juga ingin memohon supaya kementerian ini dapat bekerjasama dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri supaya keselamatan semua termasuk pelancong dijaga dan juga cara mereka untuk menangani ataupun *handle* demonstrasi yang besar-besaran, supaya kita jangan menjejaskan pelancongan kita. Sekian, Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kuala Nerus.

3.19 ptg.

Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Butiran 01100 - Program Penyediaan/ Peningkatan Kemudahan Pelancongan. Saya ingin mendapat penjelasan tentang strategi dan juga program kerajaan untuk memajukan Pulau Duyung iaitu pulau yang mana berlangsungnya *Monsoon Cup* sekarang ini.

■1520

Yang keduanya, saya hendak mencadangkan kepada kerajaan supaya menjadikan industri urut ataupun *massage* oleh orang-orang buta ini sebagai satu produk pelancongan kepada negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Setiu.

3.20 ptg.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 01100 – Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan. Tuan Pengerusi, Setiu di dalam Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur yang mana dilibatkan dalam bentuk industri pelancongan. Di sepanjang pantai daerah Setiu adalah pantai yang elok dan di Pulau Redang yang berada di dalam kawasan Parlimen Setiu. Begitu juga dengan Pulau Lang Tengah yang berada dalam kawasan Parlimen Setiu.

Walau bagaimanapun, telah beberapa kali saya menyentuh mengenai kemudahan untuk para pelancong yang pergi ke Pulau Redang menggunakan jeti di perkampungan Merang yang sekian lama hari ini, Tuan Pengerusi, bahawa kemudahan jeti tersebut sudah begitu lama uzur dan tidak diurus dengan baik. Saya merayu kepada Kementerian Pelancongan supaya dapat mempercepatkan pembinaan jeti kerana para pelancong yang menggunakan bot dan juga feri melalui pantai Merang ke Pulau Redang dan juga Lang Tengah, mereka menghadapi masalah kemudahan jeti yang tidak sesuai dan tidak lengkap yang keadaan yang tidak sesuai untuk industri pelancongan.

Yang kedua, saya percaya bahawa di samping jeti, pelancong-pelancong yang datang dari pulau balik ke dataran, begitu juga yang ingin pergi ke pulau menggunakan jeti tersebut, mereka ini bukan sahaja sekadar untuk menggunakan jeti tetapi mereka juga mempunyai beberapa keperluan lain seperti kedai-kedai makan, kedai-kedai *souvenir* dan sebagainya. Saya percaya tanpa bantuan daripada pihak kerajaan, kemudahan-kemudahan ini tidak akan dapat diperolehi dengan begitu baik.

Maklum sahaja pada hari ini kita dapat melihat kedai-kedai yang menjual *t-shirt*, *souvenir* dan sebagainya hanya digantung di bawah pokok-pokok kayu sahaja, tidak ada kedai yang sesuai. Begitu juga dengan kedai-kedai makan yang tidak menggambarkan sesuatu kualiti pemakanan yang baik dari segi kesihatan dan sebagainya. Saya merayu supaya perkara ini dapat diambil tindakan yang segera kerana telah beberapa kali saya menyuarakan perkara yang sama.

Selain daripada itu, saya percaya di Setiu mempunyai sebuah lagun yang baik. Sebuah lagun, kalau kita lihat ia terdiri daripada pokok-pokok bakau. Saya merujuk kepada Butiran 01900 – Pembangunan Ecotourism yang mana saya percaya dengan lagun yang baik ini juga boleh menarik para pelancong untuk pergi melihat suasana alam sekitar yang cukup baik dan menarik di kawasan Setiu. Sehingga hari ini saya percaya belum ada lagi usaha-usaha untuk memajukan kawasan tersebut. Cuma yang ada adalah kajian-kajian daripada Universiti Terengganu dan juga daripada UNDP untuk menanam semula pokok-pokok bakau dan sebagainya.

Saya rasa itu dua perkara, Tuan Pengerusi, dan saya merayu sekali lagi supaya dapat meningkatkan lagi sumber ekonomi masyarakat setempat dengan produk-produk pelancongan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kuala Langat.

3.23 ptg.

Dato' Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Yang Berhormat Menteri Penerangan datang ke Selangor, jadi saya rasa apa yang saya cakapkan ini dia faham.

Pertamanya di Kuala Langat ada satu tempat namanya Banda. Banda ini ialah ibu negeri Selangor sebelum wujudnya ibu negeri Selangor di tempat yang lain, tetapi malangnya Banda ini terbengkalai. Kita ada Istana Banda di situ tetapi dalam kondisi yang agak tidak berapa elok. Kita ada Masjid Diraja Banda. Ini terurus kerana ia di bawah Majlis Agama Islam Selangor. Kita ada balai polis lama di Banda, penuh dengan sejarahnya.

Selain daripada itu, di Banda juga kita ada Bukit Jugra. Di sini juga tempat makam sultan-sultan dan juga sekarang ini ada satu aktiviti di situ yang paling cantik ialah *paragliding*. Ia tercantik di negara Asia. Jadi saya harapkan bahawa 0100 – Kemudahan Pelancongan ini dapat kita naikkan tarafnya. Kedua, Pantai Morib, terdapat pendaratan askar British dan askar Jepun di situ dan Pantai Morib satu tempat peranginan yang cantik.

02800 – Program Peningkatan Kemudahan *Homestay*, Kuala Langat *homestay* maju. Ramai pelancong datang dan di situ juga kita ada makanan ringan yang menjadi satu pendapatan utama bagi orang-orang kampung. Di sinilah kita harapkan kalau boleh nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan perhatiannya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Santubong.

3.25 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua perkara. Yang pertama di bawah 020100 – Bahagian Dasar, Perancangan dan Hubungan Antarabangsa. Sebahagian daripada kawasan Santubong, Tuan Pengerusi, boleh ditukar menjadi Serengeti Malaysia. Kawasan yang dikatakan Pulau Salak. Kawasan ini banyak ikan, banyak buaya. Buaya yang dari Batang Lupar dahulu semua sudah ikut saya pergi ke Santubong. *[Ketawa]*

Jadi kawasan ini kalau hendak menangkap ikan ia berbahaya kerana buaya-buaya dari Batang Lupar dahulu semua sudah hilir ke laut dan masuk ke Salak ini. Dua, tiga tahun ini banyak orang kena baham oleh buaya di kawasan saya. Jadi saya menyarankan kepada masyarakat di kawasan itu bertukar daripada menjadi nelayan menangkap ikan, cari ketam dan udang kepada bidang pelancongan. Potensinya amat besar sekali untuk melihat buaya, melihat

ikan, melihat *Proboscis monkey* ataupun Orang Belanda. *Proboscis monkey* ini hanya didapati di kawasan ini sahajalah. Ia dipanggil Orang Belanda kerana warna dia kuning, hidungnya tinggi, ia cantik

Di sana juga kita dapati apa yang dikata orang Sarawak sebagai perepat iaitu yang mengeluarkan api pada waktu malam itu. Kelip-kelip dipanggil di sini tetapi di sana dipanggil perepat yang ada pada pokok pedada dan pokok api-api, kata orang Sarawak. Jadi banyak benda yang unik, benda yang jarang dijumpai dan orang suka melihat. Dalam masa yang sama, buaya pada malam hari, kita boleh tengok itu lebih buaya daripada manusia duduk di kawasan itu, boleh dijual sebagai Serengeti Malaysia.

Tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, masyarakat ini hendak bertukar daripada nelayan, jualkan net, jualkan kail, jualkan barang-barangnya, hendak tukar kepada pelancongan ini, dia tidak ada sumber kewangan. Apakah perancangan untuk mencari sumber kewangan, boleh pihak-pihak di luar bandar, di kampung-kampung perairan hendak bertukar profesion untuk mendapatkan sumber bantuan daripada pihak kerajaan sebagaimana Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Tetapi sumber daripada pertanian itu tidak boleh ditukar untuk pelancongan. Jadi Kementerian Pelancongan patut mengadakan satu sumber. Itu yang pertama, Tuan Pengerusi.

Yang kedua iaitu dahulu lesen untuk mendapatkan bas dan kereta untuk membawa pelancong ini di bawah Lembaga Pelesenan di bawah Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi tetapi menteri oleh kerana dahulu minta pelesenan ini dibawa kepada Kementerian Pelancongan, maka duduk di sanalah ia tetapi syaratnya, Tuan Pengerusi, ini yang menyedihkan saya. Syaratnya ialah seseorang yang hendak minta lesen bas ataupun kereta membawa pelancong ini mestilah mempunyai lesen dahulu sebagai *travel agency*, tetapi seseorang itu tidak boleh membuat *travel agency* melainkan ada sumber kewangan yang besar, sekurang-kurangnya RM200 ribu ke RM300 ribu.

Jadi Tuan Pengerusi, ini membatas orang bumiputera, langsung tidak dapat terlibat kerana sumber kewangan yang dikehendaki begitu besar sekali. Jadi dengan sedikit tindakan dasar ini telah membunuh semua peluang kepada masyarakat bumiputera hendak terlibat dalam bidang ini. Saya minta supaya dipertimbangkan semula, pelesenan diserahkan semula kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ataupun syarat ini digugurkan daripada syarat-syarat untuk mendapat lesen mengangkut pelancong-pelancong di seluruh negara ini. Tuan Pengerusi, itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Seputeh.

■ 1530

3.30 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 – Pelancongan. Isu pertama saya ingin tanya ialah Tahun

Melawat Malaysia 2007, saya ingin bertanya kementerian apakah pencapaiannya setakat ini, pelancong daripada negara mana dan rantau manakah yang paling ramai datang ke Malaysia. Saya juga ingin bertanya tentang angka pelancong, statistik yang dibuat oleh kementerian, apakah ini termasuk juga pelancong dari Singapura dan juga Padang Besar, Thailand. Saya berpendapat orang Singapura dan juga penduduk di Padang Besar ataupun Selatan Thailand, mereka tiap-tiap minggu ada yang hampir tiap-tiap hari datang ke Malaysia. Apakah mereka juga dimasukkan dalam angka ataupun statistik pelancong ke negara kita?

Isu kedua ialah apakah strategi kementerian untuk menarik pelancong asing? Apakah sasaran ataupun *target* kementerian sekarang? Adakah mereka ini pelancong dari Timur Tengah, negeri China ataupun dari negara-negara Barat? Saya berpendapat bagi orang-orang Barat mereka lebih suka tempat yang ada laut dan juga matahari. Mereka suka tempat yang mempunyai alam semula jadi dan mereka tidak begitu suka untuk datang ke Kuala Lumpur yang ada *Twin Tower, traffic jam, shopping centre di KLCC* kerana ini semua boleh didapati di negara mereka. Jadi, adalah penting bagi kerajaan untuk membangunkan pulau-pulau kita seperti terdapatnya banyak pulau di perairan Sabah. Adalah penting bagi kerajaan membangunkan tempat-tempat yang mempunyai kecantikan alam semula jadi.

Saya mendapat aduan daripada pelancong. Salah satu daripadanya ialah banyak *resort* dan hotel bertaraf lima bintang di tempatkan di pulau-pulau seperti Pulau Tioman yang boleh dikatakan di situ adalah bertaraf *five star*, tetapi bila mereka masuk ke sana mereka mendapati *facility* di dalam hotel ataupun *resort* tersebut sebenarnya hanya bertaraf *three star*. Banyak perkara yang sepatutnya dimiliki oleh *five star hotel* tidak didapati daripada *resort dan hotel* yang caj harga yang tinggi yang digelar sebagai *five star*.

Isu kedua tentang Pulau Tioman ialah terdapatnya cadangan satu lapangan terbang baru akan dibina di Pulau Tioman, tetapi kalau kerajaan membina satu lapangan terbang yang baru di Pulau Tioman dan pulau itu begitu kecil ia sudah tentunya akan merosakkan keindahan alam semula jadi di Pulau Tioman. Jadi, apakah kerajaan akan meneruskan projek untuk membina lapangan terbang di Pulau Tioman ini?

Akhir sekali ialah saya hendak menyentuh tentang suatu tempat yang mempunyai alam semula jadi yang begitu indah adalah di Lahad Datu, Darvel Bay, Semporna dan sekitarnya yang mana ramai pelancong dari Barat yang suka pergi ke tempat itu yang ada *homestay* kerana di situ terdapat biodiversiti dan juga binatang aneh dan juga tumbuh-tumbuhan yang jarang didapati di negara lain.

Saya juga diberitahu bahawa Kerajaan Negeri Sabah dan juga TNB akan membina satu *coal fired power plant* di Lahad Datu. Cadangan ini telah mendatangkan bantahan kuat daripada penduduk berdekatan dengan Lahad Datu kerana mereka mengatakan bahawa ini akan merosakkan keindahan pemandangan di tempat itu dan merosakkan semua biodiversiti termasuk

ikan-ikan di situ. Ini akan memberi kesan kepada sumber ekonomi para nelayan dan penanam pokok kelapa sawit di kawasan itu.

Jadi, saya minta Kementerian Pelancongan menunjukkan keprihatinan terhadap projek yang baru ini kerana ini bermaksud kita akan merosakkan satu tempat pelancongan yang amat menarik di dunia seperti yang terdapat di Sabah ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Pasir Puteh.

3.34 ptg.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma menyentuh tiga Butiran iaitu 020200, Butiran 20800 dan Butiran 02800.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelancongan. Syabas kerana seramai 10.7 juta pelancong datang ke negara kita dan RM25 bilion telah terkumpul selama enam bulan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Berapa yang pergi ke Pasir Puteh?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Pasir Puteh, Kelantan hampir berjuta pelancong datang. Kapal terbang penuh setiap *trip*. Ini menunjukkan bahawa kita perlu mengkaji tempat-tempat pelancongan. Kalau kita hendak mempertingkatkan lagi daya tambah pelancongan ada dua aspek. Pertama, kita tengok balik lokasi pelancongan. Di Pasir Puteh atau di Kelantan ada banyak lokasi pelancongan. Saya sebutkan, air terjun tertinggi di Asia Tenggara ialah di Dabong. Air terjun yang cantik tidak diurus dengan baik tetapi cantik dan jernihnya airnya ialah di Jeram Pasu, di kawasan Parlimen saya dan Jeram Linang di kawasan Parlimen saya dengan kawasan Yang Berhormat Dato' Sazmi di Machang. Itu cukup baik.

Kedua, saya hendak ceritakan mengenai produk-produk pelancongan. Kalau kita tengok pengusahaan batiknya masyhur. Walaupun Terengganu *declare* masyhur tidak mengapalah. Kelantan dan Terengganu terkenal dengan batik. Yang kedua tentang seni ukirannya hebat. Tempat membaca khutbah di Masjid Negara iaitu mihrab adalah hasil buatan Kelantan harganya RM350,000 yang di ukir dalam masa tiga bulan. Ketiga, seni dikir barat. Sekarang ini seni dikir barat sudah sampai ke negara Barat. Gasing terbang - dia main gasing terbang. Ini cukup pelik. Ajaib. Jadi, kita boleh mempromosikan ke peringkat antarabangsa. Kita tengok seni pertahanan diri. Kedua-dua ini adalah cukup penting.

Tuan Pengerusi, Tok Bali di kawasan Parlimen Pasir Puteh adalah kawasan pelancongan yang cukup menarik. Ia dekat dengan Pulau Redang. Apa salahnya kita jadikan ia lokasi sukan air tahunan. Pernah dibuat pada beberapa tahun dahulu, Timbalan Menteri pun ada pergi, Tuanku Sultan pun ada berangkat. Sampai 350,000 orang datang kerana berminat kepada sukan air dan juga persembahan. Yang ramai itu kerana Siti Nurhaliza. Kita bawa Siti Nurhaliza tetapi yang pentingnya ialah untuk mengumpul orang ramai.

Saya yakin bahawa lokasi pelancongan dan produk-produk pelancongan ini, kalau kita benar-benar menyediakan peruntukan, kalau kita beri peruntukan yang sedikit kepada negeri-negeri - tidaklah sedikit, saya cadangkan sebanyak RM200,000 bagi satu negeri bukan satu Parlimen untuk mempromosikan produk-produk pelancongan ini. Tahun ini sudah beri tetapi sedikit. Kita tambah sedikit. *Money is nothing*, yang pentingnya ialah kita *create job*, kita promosikan produk-produk kita...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Pengerusi, satu lagi ialah 02800.

Tuan Pengerusi: Pasir Puteh, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pasir Puteh ini dia sudah mula SS - syok sendiri. Jadi, Sabak Bernam hendak berkongsi, wajar atau tidak kementerian ini memanfaatkan idola yang terdiri daripada artis ini sebab tadi nampaknya Pasir Puteh dia minat Siti Nurhaliza. Untuk kita bawa artis ini ke luar negeri khususnya di luar bandar memerlukan wang yang banyak. Saya difahamkan kalau hendak bawa Mawi ke negeri Selangor, sampai Shah Alam sahaja saya ingat kalau tidak ada RM10,000 dia tidak datang.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, supaya mereka ini yang pada tahap begitu bagus, boleh dijadikan idola, bawa ke luar bandar, selain daripada mempromosikan diri mereka sendiri, mempromosi pelancongan, bercakap perkara-perkara yang baik mengenai peribadi mulia. Apa pandangan Yang Berhormat?

■1540

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya bersetuju jadikan sebagai sebahagian ucapan saya. Minta Timbalan Menteri ambil perhatian serius. Yang akhir sekali 02800 - Program Peningkatan Kemudahan *Homestay*. *Home stay* ini penting, semua orang dah cakap penting. Saya juga cakap penting tapi saya hendak buat satu *homestay* yang menarik 27 negara OIC dia akan pergi ke Kelantan dengan syarat kita cuba *homestay* tadi *createkan* sikit aktiviti. Saya hendak buat Akademi Al-Quran, Akademi Tarannum. 27 buah negara akan belajar, dia bukan pergi duduk sahaja tetapi dia akan belajar lagu kerana Malaysia johan qari dan qariah tahun ini Tuan Pengerusi. Dua-duanya menggondolkan johan qari dan qariah.

Dia tanya mana ada tempat Akademi Tarannum. Saya akan bina, insya-Allah tanah ada di Kelantan. Saya rasa sejak rakan saya daripada PAS walaupun dia mereka memerintah Kelantan, saya minta tanah dia kena beri. Kalau dia tidak beri zalim kita hendak buat benda baik insya-Allah boleh. Jauh dari Kedah jawab boleh.

Tuan Pengerusi, kalau jadilah Akademi Tarannum, saya kata boleh menyemarakkan Islam Hadhari penjana pembangunan negara biarlah ada sesuatu perubahan. Hasrat Perdana Menteri cukup baik tetapi Kelantan tidak dapat cium bau hasrat Perdana Menteri. Cuma dia

boleh bersalam dengan Perdana Menteri, makan pisang, Perdana Menteri beri pisang tetapi dia tidak dapat cium bau apa hasrat yang begitu tinggi yang begitu lohor oleh Perdana Menteri. Tuan Pengerusi dengan ini saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Gerik.

3.42 ptg.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 00800 - Kajian Pelancongan.

Tuan Pengerusi dua pulau yang tercantik, terbaik di Pantai Timur ialah Tioman dan Pulau Redang manakala di Pantai Baratnya Langkawi dan Pulau Mutiara, Pulau Pinang. Jadi saya hendak menyentuh ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan apa yang telah terjadi kepada kawasan pelancongan yang begitu baik di Pulau Mutiara ini iaitu di Tanjung Bunga hingga ke Batu Ferringhi di mana Pihak Berkuasa Tempatan saya rasa telah menjadi makhluk perosak meletakkan gerai-gerai di bahu jalan sehinggakan saya diberitahu bahawa berlakunya kemerosotan kunjungan pelancong-pelancong ke Batu Ferringhi ini. Jadi apa yang terjadi pada kawasan ini suatu ketika dulu merupakan suatu yang ideal yang cukup cantik untuk kita berdiri di waktu senja sementara mentari berlabuh menghirup udara yang nyaman itu, hari ini cukup kurang dari segi kunjungan pelancong-pelancong. Saya kira ini perlu diperbetulkan makhluk perosak yang meletakkan, membenarkan setiap hari mengadakan peniaga-peniaga di atas bahu jalan sehingga menjadikan kawasan ini sesak. Kenapa begini berlaku? Kita harap ia Pihak Berkuasa Tempatan ini tidak... masih belum dilanda oleh ketandusan idea, kegersangan idea untuk meletakkan peniaga-peniaga kecil di kawasan yang lain bukannya di tempat-tempat di bahu jalan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ledang.

3.44 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua perkara di bawah Butiran 10000 iaitu tentang produk-produk pelancong yang banyak di semua kawasan PBT dalam negara Malaysia. PBT adalah Pihak Berkuasa Tempatan seperti di tempat saya ada Majlis Daerah Tangkak, Majlis Perbandaran Muar.

Terima kasih Timbalan Menteri kerana datang ke Tangkak tempoh hari. Cuma saya hendak sebut satu perkara Tuan Pengerusi tentang PBT ini, pengalaman saya dan setelah saya semak dengan tempat-tempat lain. PBT ada jawatankuasa pelancongan masing-masing tetapi Tuan Pengerusi, kebanyakan Jawatankuasa Pelancongan di peringkat PBT ini tidak bermanya.

Hampir separuh mungkin lebih jawatankuasa PBT apabila bersidang setiap bulan di peringkat jawatankuasa tidak membincangkan secara menyeluruh atau pun gagal melaksanakan perbincangan tersebut, gagal untuk melaksanakan produk pelancongan sebagai aktiviti

pelancongan di peringkat PBT masing-masing. Jadi pada saya Tuan Pengerusi, atau pun persoalan saya ialah apakah Kementerian Pelancongan mempunyai agenda tertentu untuk membantu PBT dari segi membangunkan semua produk pelancongan. Sebab Tuan Pengerusi, semua PBT ada produk pelancongan masing-masing seperti Majlis Daerah Pasir Salak, Majlis Perbandaran Muar, Majlis Daerah Tangkak dan lain-lain lagi ada produk perancangan masing-masing, tetapi mereka gagal untuk membangunkan kerana mereka kekurangan banyak segi.

Terutamanya Tuan Pengerusi, mungkin dan pastilah bukan mungkin mereka tidak mempunyai peruntukan tetapi kepada saya yang lebih penting sekali mereka tidak mempunyai sokongan moral yang tinggi. Jadi Tuan Pengerusi, saya cadangkan supaya Kementerian Pelancongan bekerjasama rapat dengan semua PBT dengan kemudahan menganjurkan satu seminar ataupun majlis di peringkat persekutuan supaya Kementerian Pelancongan boleh menyalurkan semua bentuk bantuan atau pun pertolongan kepada PBT untuk membangunkan produk pelancongan masing-masing di peringkat PBT.

Saya fikir Tuan Pengerusi ini penting supaya PBT dapat membantu Kementerian Pelancong di peringkat bawah untuk membangunkan semua produk pelancongan di seluruh negara yang mengandungi banyak PBT ini. Terakhir sekali Tuan Pengerusi, saya menerima amanah daripada masyarakat di tempat saya iaitu seluruh masyarakat Ledang mungkin sorang sahaja yang tidak setuju, amat kecewa, sakit hati, marah, apabila demokrasi jalan yang di anjurkan oleh Hindraf baru-baru ini. Mereka minta saya sebut dalam dewan ini bahawa mereka kecewa. Maknanya Tuan Pengerusi, semua masyarakat dalam kawasan Ledang tidak bersetuju sama ada Melayu, Cina, juga India.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan kawasan Ledang saja, seluruh negara marah, dan kalau kemarahan ini tidak dibendung ia akan menjadi satu huru-hara yang paling besar. Jadi bukan saya minta Ledang....

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang] : Apabila saya semak tadi, Ipoh Timur pun kena semak dalam paparan web di seluruh dunia seolah-olah mereka sudah berjaya. Agenda mereka berjaya untuk menunjukkan gambaran bahawa negara kita dalam keadaan kucar kacir. Hanya kerana tidak berapa ribu pun yang berdemonstrasi tapi inilah agenda mereka. Mereka berjaya Tuan Pengerusi mencetuskan pandangan buruk di kalangan negara-negara asing, di kalangan pelancong-pelancong asing yang berada dalam negara melalui paparan laman web tadi.

Tadi Yang Berhormat bagi Ipoh Timur pun tadi membaca sebahagian daripada berita yang dilaporkan di laman web. Jadi masyarakat Ledang Tuan Pengerusi, berkongsi dengan seluruh negara amat kecewa, sakit hati, geram dengan perbuatan yang sangat biadab yang telah dibuat oleh Hindraf. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Pensiangan.

3.49 ptg.

Datuk Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ada dua perkara yang ingin saya sentuh iaitu 11000 - Program Penyediaan Peningkatan Kemudahan Pelancongan dan 02800 - Program Peningkatan Homestay.

Sebelum itu Tuan Pengerusi, kita berterima kasih kerana kini Sabah pun meningkat dari segi pelancongan yang datang ke negeri tersebut dan tidak lama lagi lapangan terbang yang kedua terbesar di Malaysia iaitu Kota Kinabalu *International Airport* akan dapat menampung berjuta pelancong-pelancong daripada luar negara. namun demikian prasarana-prasarana atau infrastruktur perlu di tingkatkan lagi agar pelancong-pelancong ini selesa iaitu daripada hotel-hotel yang lima bintang hinggalah Home Stay.

Saya ada dua perkara yang perlu saya sentuh di sini. Kalau saya boleh sebutkan di tempat saya iaitu Pensiangan perlu untuk kita tingkatkan. Kalau di semenanjung Malaysia ini, Banjaran Titiwangsa, kalau di Sabah Crocker Range dan selepas itu Trusmadi adalah gunung yang kedua tertinggi di Malaysia dan kemungkinan besar iaitu di Asia Tenggara.

■1550

Ini perlu ditingkatkan lagi prasarana dan belum lagi dieksploitasi dengan sepenuhnya dan kalau boleh Kementerian Pelancongan dapat memberikan prasarana-prasarana ataupun untuk membantu negeri Sabah membangunkan ciri-ciri ini antaranya agar ini dapat lagi meningkatkan kedatangan pelancong-pelancong. Selain daripada itu saya juga minta supaya Kampung Murut iaitu Salinatan yang sudah pun terkenal sekarang ini, namun demikian kita perlu tingkatkan lagi dari segi promosinya agar tempat ini dapat dilihat sebagai satu destinasi yang menarik. Ia bukan sahaja kaya dari segi flora dan faunanya tetapi kaya dari segi budaya, tradisi dan alam sekitarnya.

Selain daripada itu yang ketiga, saya minta supaya pusat pelancongan ini akan dapat membantu meningkatkan lagi infrastruktur dan juga pembangunan-pembangunan, kemudahan dan fasilitet seperti dipohon oleh Batu Punggol yang pun memang satu ketika dahulu terkenal, tetapi disebabkan satu agenda yang telah dibuat oleh NGO-NGO, yang mengatakan bahawa Malaysia telah menebang kayu-kayu balak dan sebagainya, tetapi itu adalah satu agenda yang tidak sihat. Namun demikian sekarang Tuan Pengerusi, tempat ini telah pun dibangunkan dan saya minta kementerian ini untuk membantu negeri Sabah khusus daerah Pensiangan yang memang jauh ketinggalan dari segi sudut-sudut ini. Saya pasti kementerian ini akan dapat membantu negeri Sabah untuk membangun dari segi pelancongan yang lain. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baik. Pendang.

3.51 ptg.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, hanya tiga Butiran. Butiran 60000 – PEMPENA-Program *MalaysiaKitchen* saya ingin mendapat penjelasan

daripada kementerian berhubungan dengan *MalaysiaKitchen* ini. Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan *MalaysiaKitchen* yang akan dipromosikan? Apabila kita sebut *kitchen* ini maknanya makan dan juga masalah. Apakah jenis-jenis masakan yang dipromosikan di sini dan apakah masakan-masakan ini merupakan masakan tradisional daripada Malaysia ataupun campuran daripada lain-lain negara? Oleh kerana di Malaysia sendiri pun sekarang ini kita dapati banyak restoran-restoran dan juga tempat-tempat makan, dibawa masuk makanan daripada luar untuk dihidangkan kepada rakyat Malaysia. Itu yang pertama.

Kedua juga tentang Butiran 020800 – Program Peningkatan Kemudahan *Homestay*. Saya ingin dapat sekurang-kurangnya senarai *homestay* di negeri Kedah ataupun bandar-bandar besar dalam negara kita ini, kerana ini merupakan satu yang penting. Kalau kita sebut *homestay* ini maknanya sekurang-kurangnya mereka pergi dan juga tinggal di tempat tersebut. Tujuan pertama adalah untuk melihat suasana kehidupan di tempat tersebut supaya mereka mendapat gambaran yang lebih jelas tentang masyarakat mereka di sini. Tidak gunalah kalau kita buat *homestay* hanya untuk tidur dan makan sahaja. Sekurang-kurangnya mereka mempunyai masa tertentu untuk melawat sesuatu kawasan.

Misalnya di tempat saya apabila tiba musim penanaman padi. Mereka boleh melihat suasana bagaimana penanaman padi dilakukan dan juga masa untuk menuai padi, kerana saya pernah berjumpa dengan rakan-rakan Arab dan mereka bertanya bagaimana pokok beras tersebut? Mereka hendak lihat pokok beras. Jadi kita terpaksa kalau boleh lihat bagaimana ianya pokok beras itu ditanam dan juga mendapatkan hasil, ini memberi ruang dan peluang kepada pelancongan di negara kita. Sehubungan dengan itu, satu lagi saya hendak tahu sama ada *hectourism* ini mempunyai kerjasama dengan Kementerian Pelancongan ataupun tidak? Bila kita sebut *tourism* ini sudah tentulah ia termasuk dalam pelancongan tetapi apabila saya semak dalam senarai butiran tidak mempunyai *hectourism*.

Di dalam Kementerian Kesihatan pun tidak mempunyai senarai *hectourism*, kerana *hectourism* bukan sahaja kita mempromosikan rawatan moden kepada pelancong-pelancong tetapi juga kita boleh mempromosikan rawatan-rawatan perubatan tradisional yang wujud dalam negara kita daripada urutan, daripada berbekam dan juga banyak lagi tradisional bangsa-bangsa lain selain daripada Melayu yang wujud, yang boleh kita promosikan kepada masyarakat luar ataupun pelancong melalui *homestay* yang kita ada.

Butiran 030000 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM). Saya ingin tahu daripada kementerian, setakat manakah program-program untuk mengharumkan nama negara di luar negara ini boleh membawa pelancong ke dalam negara kita misalnya berbasikal mengelilingi dunia yang dilakukan oleh saudara Mukarrabin. Begitu juga tentang penerjunan bebas yang dilakukan oleh putera UMNO. Begitu juga dengan pendakian Gunung Everest dan juga penjelajahan Antartika yang telah dilakukan oleh Datin Sharifah, saya tidak ingat nama dia.

Apakah mereka ini boleh membawa masuk pelancong-pelancong ke dalam negara kita melalui Program Mengharumkan Nama Negara di Luar Negara.

Saya ingin tahu daripada kementerian juga ada satu pelancaran yang telah dibuat oleh Perdana Menteri kita berhubung dengan penerbangan solo mengelilingi tujuh benua. Apakah ini termasuk dalam program di bawah Kementerian Pelancongan kerana beliau telah pun mengumpulkan sejumlah RM11 juta untuk melakukan penerbangan solo mengelilingi tujuh benua ini, tetapi sampai sekarang belum nampak ianya dimulakan lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Jasin.

3.56 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap dengan Butiran 020000 - Pelancongan. Saya kira pada hari ini sudah sampai masa dan ketikanya supaya Kementerian Pelancongan ini untuk mengadakan Akademi Pelancongan. Saya sudah tengok butiran-butiran di buku ini Tuan Pengerusi, tidak ada bab ini. Oleh kerana pada hari ini dengan Tahun Melawat Malaysia saya ucap tahniahlah, kerana sehingga bulan 11 ini kita sudah dapat lebih daripada 20 juta pelancong. Negeri Melaka pada hari ini sudah lebih daripada lima juta pelancong dan ini berjaya tetapi kalau kita tidak dapat menyediakan modal-modal insan dalam bidang pelancongan ini, usaha-usaha kita ini akan sia-sia sahaja.

Tuan Pengerusi saya lihat dekat Bali, satu pulau pelancongan. Orang Bali ini punya bangga kalau dia ini diterima belajar di Akademi Pelancongan di sana, kerana kerja dalam bidang pelancongan ini amat luas. Kalau Malaysia hendak menjadikan pelancongan ini sebagai hasil pertukaran wang Malaysia, saya kira sudah sampai masa dan ketikanya supaya Kementerian Pelancongan melihat dalam segi menyediakan orang-orang yang *tourist oriented*, yang boleh menerima kedatangan pelancong-pelancong ini macam orang Bali. Dia menyambut orang pun, cara senyum dia, cara hormat dia dan pelancong akan datang.

Di Melaka pada hari ini Alhamdulillah kita sudah ada Akademi Pelancongan tetapi sekejap sahaja. Sekarang ini Akademi Pelancongan di Jasin sudah tutup, kerana tidak cukup biaya. Ini penting kerana dengan ada kita dapat menyediakan *tourist guide* ini semua, hari ini kita lihat pelancong datang dekat Malaysia. Kita lihat di dalam hotel semua pekerja Filipina, *waitress-waitress* di hotel Bangla, Indonesia. Seheinggakan *guard* dekat hotel pun Nepal, Bangladesh. Jadi, apa sudah jadi? Oleh yang demikian dengan adanya Akademi Pelancong kita berharap lagi, kita dapat menyediakan lebih ramai rakyat kita, modal-modal insan dalam menerima pelancong-pelancong.

Bila sudah menerima pelancong ini Tuan Pengerusi, saya baru-baru inilah apabila penunjuk perasaan yang ada, saya duduk dekat teksi *stand*, dekat depan PWTC, menanya orang teksi. Teksi pun kata mereka-mereka ini gila, memang gila dia kata Tuan Pengerusi. Dia kata kita cari makan pun susah, sewa teksi satu hari, sekerat hari satu hari siang tidak dapat langsung

passenger. Jadi parti pembangkang kalau buat lagilah tunjuk perasaan macam ini jangan harap *divers* teksi akan undi *you* orang. Orang menyampah, apatah lagi pelancong! Pelancong kalau macam ini tidak ada orang hendak datang negara kita. Engkau Hindrafkah, Mandrafkah apa drafkah apa ada makna kalau kita punya negara sudah hancur? Jadi tong dramlah. Jadi kita berharap Tuan Pengerusi, supaya kementerian ambil berat soal ini kerana peluang pelancongan ini amat besar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh saya buat pertanyaan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sila.

Tuan Pengerusi: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, negara kita terkenal dengan keamanan. Tidak sampai pun setahun kita telah capai kita punya matlamat, *target* lebih daripada yang kita jangkakan. Orang suka datang, tetapi kalau demonstrasi ini yang digalakkan pula yang di batu apikan oleh parti pembangkang, teranglah parti pembangkang jangan hendak menafikan bahawa dia terlibat.

■1600

TV Al-Jazeera mana-mana TV tunjuk pemimpin-pemimpin parti pembangkang, kalau tidak dia jadi batu api takkan benda itu jadi begitu. Jangan nafikan!

Saya bersetuju sangat dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ambil tindakan ISA demi untuk keamanan negara, demi untuk kestabilan negara, demi untuk masa depan negara! Pedulikan orang tiga suku 20,000, 30,000 orang ini yang penting 25 juta orang ini. Pembangkang memang tidak bertanggungjawab dia tidak ada modal takut kalah dalam pilihan raya, mudah-mudahan dia lebih teruk kalah dalam pilihan raya.

Saya nak tanya antara puak ini punya tuduhan konon UMNO bunuh 100 orang dia di Kampung Medan, ini fitnah! Konon polis kita bunuh, konon macam-macam lagi berlaku, dia punya kuil kita pindahkan.

Saya nak beritahu soal kemiskinan dekat negara asal dia, ada satu bandar namanya saya tidak nak sebut bandarnya tiga juta orangnya yang tidak berumah, bawah kolong, bawah jambatan, tepi rumah, tiga juta orang! Satu pertiga daripada penduduk dia dari 300 juta yang tidak tahu lagi esok boleh makan atau tidak! Sedarlah diri negara yang mewah macam ini telah menempatkan anda jadi doktor, jadi *lawyer*, jadi macam-macam.

Tuan Pengerusi: Baik, apa penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dalam negara dia saya difahamkan bina masjid pun tidak boleh lagi! Tidak boleh bina masjid. Malah ada masjid di satu tempat di kawasan Muslim terpaksa tiga kali buat sembahyang Jumaat kerana masjid kecil orang ramai hendak buat masjid tidak boleh.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat cukup. Apa penjelasannya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini saya nak beritahu betapa untungya rakyat Malaysia duduk di bawah Barisan Nasional. Betapa untungya kita, betapa amannya kita, betapa mewahnya kita! Semua rakyat Malaysia boleh bersekolah, di sana belum tentu dapat sekolah!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat cukuplah orang sudah faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya minta maaf Tuan Pengerusi. Saya mewakili juga macam Ahli Parlimen lain, rakyat kita Tuan Pengerusi kalau orang merayu esok ataupun *projection* daripada London bahawa kita juga menuntut, kenapa Kerajaan British tidak hantar balik orang balik orang ini, 50 tahun dahulu selepas habis kerja kenapa tidak balik? Kita pun tidak mahu orang ini di sini kalau buat kerosakan kepada negara ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh berucap dalam masa...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya peribumi di sini Tuan Pengerusi, saya anak bumiputera di sini, saya lahir di sini! Saya juga berhak untuk mempertahankan hak tetapi kita patuh kepada Barisan Nasional persefahaman perkauman. Jangan bakar perkauman. Kalau kita dibakar perkauman negara ini akan hangus dan lebur, jadi kita patuh kepada pucuk pimpinan. Mari kita hidup dalam keadaan harmoni...

Tuan Pengerusi: Baik, baik cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: .. berdamai, berbaik-baik kita hidup sebagai adik-beradik berlebih kurang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat cukup, cukuplah faham dah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta penjelasan dari Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Sri Gading. Dia angin sikit Tuan Pengerusi, maafkan dia.

Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Lubok Antu Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Lubok Antu pun nak masuk juga? Boleh sila.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]: Kalau dikatakan kemiskinan saya rasa bukan masyarakat India sahaja miskin, masyarakat Dayak, masyarakat Iban, masyarakat Kadazan juga lebih miskin daripada orang India. Begitu juga ada yang jutawan dan *billionaire* bangsa India, Iban tidak ada! Kalau keadaan di mana semua bangsa di negara ini akan menuntut seperti yang dituntut oleh bangsa India apa akan terjadi negara kita nanti? Terbakar!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukup, cukup.

Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]: Jadi saya rasa apa yang dituntut oleh bangsa India pun tidak begitu rasional, semua bangsa di negara ini adalah miskin.

Seorang Ahli: Sambung, sambung perkara yang sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jasin teruskan ucapan kalau tidak ada minta gulung.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Saya minta penjelasan Tuan Pengerusi. Boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak berkaitan...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Berkaitan dengan pelancongan. Saya hendak cakap pasal VOA Yang Berhormat Jasin. VOA ini kementerian inilah yang bawa konsep VOA iaitu *visa on arrival* ini. Jasin tanya orang daripada India berapa ramai yang VOA datang tak nak balik! Bukan cerita dulu British nak datang, sekarang ini pun yang datang ke negara kita tak nak balik gunakan VOA. Yang Berhormat Jasin kenapa macam itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Beluran, cukup!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat-sahabat saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jasin cukup.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Pengerusi, ini kita nak belanja RM600 juta untuk pelancongan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kita nak beralih kepada tajuk lain.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: RM600 juta tahun depan kita nak belanja! Kalau ada perkara-perkara ini dalam negara kita ini RM600 juta lebih ini buang sahaja Tuan Pengerusi, buang saja!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jasin sila gulung.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Oleh yang demikian Tuan Pengerusi, saya ada butiran lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ada butiran lagi Tuan Pengerusi. Satu lagi ialah berkenaan dengan *ecotourism*...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Jasin tidak jawab saya punya pertanyaan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat itu Menteri boleh jawab, dia bukan Menteri.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini *ecotourism*. Saya minta supaya kementerian akan datang lebih menumpukan kepada *ecotourism* supaya dapat menarik lagi pelancong-pelancong luar datang ke negara kita. Ini kerana saya tahu dekat Melaka ada satu chalet namanya 'Kak Long Chalet'.

Seorang Ahli: Eh, Ah Long pula.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Bukan Ah Long, 'Kak Long Chalet'. Tiap-tiap minggu Tuan Pengerusi, *full!* Saya tanya saya pergi siasat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa *full* Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Semua *booking* habis Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Penuh!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya, penuh Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: Bahasa rojak.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [*Ketawa*] Semua penuh. Saya tanya mengapa selalu sangat orang ni nak pergi ke 'Kak Long Chalet'. Walhal di Melaka ada Equatorial, ada Holiday Inn, ada hotel lima bintang. Mengapa hendak pergi chalet tepi kampung ini?

Rupa-rupanya Tuan Pengerusi, kebanyakan di antara orang-orang dekat Singapura dan juga orang-orang daripada Eropah dia suka duduk rumah kampung ini, dia kata dia hendak dengar suara cengkerik, cengkerik!

Pengusaha 'Kak Long Chalet' ini mengupah budak-budak petang-petang merayau dalam kampung pergi tangkap cengkerik untuk dipelihara di dalam 'Kak Long Chalet' ini supaya pelancong-pelancong nak dengar cengkerik.

Jadi saya berharap potensi ini amat besar Timbalan Menteri kerana inilah satu kelainan. Jika hendak suruh dia duduk dekat Hotel Ramada, Hotel Holiday Inn dia kata negara dia lebih besar lagi, enam *star*, tujuh *star* pun ada.

Jika ini kita dapat tekankan saya rasa ramai di antara pelancong-pelancong kita ini akan duduk di kawasan pedalaman, Sabah akan menerima pelancongan, Sarawak akan menerima pelancongan, kampung akan terima pelancongan dan tidak terkecuali Tuan Pengerusi punya tempat Kulai di kawasan Orang Asli pun akan dapat kedatangan pelancong-pelancong.

Oleh yang demikian saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kementerian ambil perhatian ini. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai lagi. Satu orang tiga minit. Yang Berhormat Bera *start*. Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh siap sedia jawab.

4.09 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya secara ringkas sahaja.

Butiran 050600, 030000 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM). Saya nak tanya dari segi projek ekopelancongan. Secara ringkasnya saya nak tanya apakah pihak kementerian ataupun LPPM telah menentukan atau menyenaraikan kawasan-kawasan pelancongan *ecotourism* dalam negara untuk dipromosikan di luar negara. Adakah mempunyai *list* tertentu, kalau ada saya pun nak tanya adakah Tasik Bera kawasan saya termasuk di dalam *list* ataupun senarai yang dipromosikan tersebut. Jika tidak ada kenapa? Kalau ada apakah program-program yang dijalankan bagi mempromosikan Tasik Bera tersebut?

Dari segi LPPM. Seperti yang disebutkan tadi bahawa salah satu punca pekerja tanpa izin di dalam negara kita ialah mereka yang masuk melalui pas pelancongan. Saya ingin tahu kalau kita kaji mereka yang tinggal selepas melancong ini adalah mereka yang datang daripada pelancongan-pelancongan yang boleh dikatakan tidak berkualiti.

Jadi saya ingin tahu apakah program yang dijalankan oleh LPPM di dalam mempromosikan negara kita di luar negara untuk mendapatkan pelancong-pelancong yang berkualiti.

■1610

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Baru masuk ini, baru nak naik ni.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masuk tak masuk, masa sudah sampai.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Pelancong yang berkualiti tinggi, jadi apakah yang dilakukan? Saya ringkaskan Tuan Pengerusi ya. Saya nak tahu dari segi kawalan juga, kawalan pihak pelancongan kepada hotel-hotel yang sekarang ini nampaknya dari segi F&B (*food and beverages*) harganya terlalu tinggi. Kita bukan sahaja menggalakkan pelancong daripada luar, kalau daripada UK (United Kingdom) mungkin pertukarannya tinggi, tentulah harganya murah tetapi bagi domestik *tourist*, bagi pelancong-pelancong dalam negeri, harga F&B kita terlampau tinggi. Kita apabila air RM0.50 dijual di warung-warung kita heboh seluruh negara marah kerana terlampau mahal harganya tetapi di hotel-hotel tak munasabah langsung, air mineral pun sampai RM8.00, RM9.00 sebotol dan sebagainya. Domestik *tourist* sebenarnya menganggap itu terlampau tinggi. Saya tidak tahu apakah yang boleh dilakukan oleh pihak kementerian ataupun mungkin kementerian lain yang bertanggungjawab?

Secara ringkas satu lagi ialah kerjasama LPPN dengan restoran-restoran rakyat Malaysia di luar negara. Apakah kerjasama yang wujud? Saya pergi beberapa negara, saya mendapat maklum balas daripada peniaga-peniaga tuan punya restoran luar negara. Mereka sangat berminat untuk mempromosikan Malaysia di dalam restoran mereka, mereka kalau boleh nak ada *brochures* Malaysia supaya boleh letak di atas meja, pelanggan-pelanggan mereka di kalangan warganegara luar apabila makan dapat membaca dan sebagainya tentang Malaysia sebelum makanan sampai dan sebagainya.

Tetapi apabila minta daripada pegawai-pegawai pelancongan di luar negara, susah sekali nak dapatkan *brochures*, mereka minta poster tentang Malaysia supaya dapat digantung di dalam restoran Malaysia pun tidak dapat. Tidak ada kerjasama di antara pegawai-pegawai. Saya rasa kalau kita boleh adakan kerjasama dengan tuan-tuan punya restoran Malaysia di luar negara, banyak wang boleh kita kurangkan dari segi promosi sebab mereka boleh melakukan ataupun membantu Malaysia untuk mempromosikannya.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya nak tanya secara ringkas. Saya difahamkan ada dua program di dalam *Visit Malaysia Year* dibatalkan. Yang pertama *World Drum Festival*, yang

kedua *Malaysia International Aerospace Adventure, The Buran Space Discovery*, dua dibatalkan. Saya nak tahu kenapa dibatalkan? Apakah kesannya kepada kedatangan pelancong untuk *Visit Malaysia Year*? Akhirnya dari segi *Eyes On Malaysia*, pihak kementerian melabur segala-galanya untuk *Eyes On Malaysia* dari segi promosi dan segala-galanya. Saya nak tahu sehingga hari ini berapakah jumlah kutipan yang diperolehi oleh kita? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Krau.

4.13 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak merujuk kepada butiran 020200 – Pusat Pelancongan Malaysia. Di kawasan saya ada kawasan Hutan Lipur Gunung Senyum sebagai pusat pelancongan dan mempunyai 19 gua dan beberapa tempat yang menarik di kawasan tersebut. Saya ingin tahu berapakah peruntukan yang telah diluluskan bagi pusat pelancongan Hutan Lipur Gunung Senyum pada tahun 2008 kerana keadaannya begitu teruk sekali tidak ada kemudahan bagi pelancong-pelancong untuk menginap, tidak ada dewan-dewan untuk melakukan beberapa aktiviti dan tasiknya begitu kotor sekali. Saya nak tahu juga berapakah bilangan pelancong yang hadir dan datang pada tahun 2006 di Gunung Senyum dan juga 2007 setakat ini? Berapakah pendapatan dan juga bantuan yang telah diberikan oleh kementerian ini terhadap pusat Hutan Lipur Gunung Senyum. Satu perkara yang sangat memeranjatkan saya kerana saya difahamkan sebuah kilang simen akan dibuka operasinya di kawasan Hutan Lipur Gunung Senyum ini. Saya mohon pihak kementerian meneliti perkara ini supaya kawasan Hutan Lipur Gunung Senyum ini tidak terjejas dan pelancong-pelancongnya tidak lari ke tempat lain.

Yang keduanya tentang 02600 - Program Pembangunan Papan Tanda dan Papan Penerangan Pelancongan. Saya ingin tahu tanggungjawab siapakah sama ada PBT, JKR atau kementerian ini untuk mendirikan papan-papan tanda bagi pusat-pusat pelancongan di dalam negara kita khususnya di dalam kawasan Parlimen Kuala Krau.

Yang ketiganya, 02800 – Program Peningkatan Kemudahan *Homestay*. Di kawasan saya ada tiga kawasan *homestay*. Yang pertamanya Desa Murni Kerdau, yang keduanya Rumpun Makmur Kuala Krau, yang ketiganya kawasan Felda Jengka 25. Saya ingin tahu berapakah bilangan pelancong yang datang/hadir ke kemudahan *homestay* di Desa Murni Kerdau? Berapakah peruntukan yang dibantu kepada pengusaha-pengusaha atau agen-agen yang membawa pelancong daripada luar negara yang menginap di Desa Murni Kerdau ini dan berapakah elaun yang diberikan kepada tuan rumah atau ketua keluarga yang bersetuju untuk pelancong menginap di Desa Murni Kerdau tersebut? Saya ingin tahu juga berapakah peruntukan untuk membangunkan kawasan Desa Murni Kerdau tersebut untuk kemudahan-kemudahan pelancong yang datang setiap tahun di sana. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukup, Langkawi.

4.16 ptg.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ada dua perkara. 020200 dan 020400 iaitu Langkawi Geopark. Pertama kali saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pelancongan yang telah mempromosikan Langkawi dan sehingga sekarang ini 2.1 juta pelancong yang datang ke Langkawi, kebanyakannya adalah dalam program Cuti-cuti Malaysia. Kalau boleh Langkawi Geopark di *promotekan* oleh pihak kementerian supaya ia dapat bukan sahaja *local* atau domestik tetapi juga diketahui umum oleh rakyat luar negara. Kerana Geopark adalah satu program yang kita lakukan untuk memaparkan batu batan dan fauna dan flora Langkawi.

Seterusnya juga kalau boleh kajian dibuat oleh kementerian supaya Cuti-cuti Malaysia yang telah melibatkan banyak pelancong datang, saya mohon sekali ialah buat kajian kerana bila kita datang Kuala Lumpur misalnya, kita bayar minyak, lepas itu kos *parking* RM6 hingga RM8 untuk sebuah kereta dan feri kalaulah lima orang atau sepuluh orang keluarga datang ke Langkawi, satu itulah, harga feri ialah satu benda yang membebankan. Juga kereta sewa supaya anggaran lebih kurang RM70 hingga RM80 akan dirasai oleh mereka yang, seterusnya bayar hotel dan juga lain lagi kerana nak naik kabel car kena bayar, *underwater* pun kena bayar dan sebagainya, *eagle feeding food* kena bayar.

Kalau ini tidak dijaga sudah tentulah tidak akan datang lagilah orang ini takut pelancong akan berkurangan. Mintalah kementerian panggil semua operator teksi, operator pelancongan, operator bot, *parking* di Perlis dan Kuala Kedah supaya mereka ini faham bahawasanya kerajaan amat mengambil berat perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukup Yang Berhormat. Maran nanti, sebab selalu tak ikut masa yang ditentukan, jadi lambat sikit. Rembau. Maran nanti sebab selalu Yang Berhormat tak ikut masa yang ditetapkan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, Rembau tidak ada. Bagi Tangga Batulah, seberang Rembau.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Minta maaf, Kuala Pilah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Oh ingatkan bagi Tangga Batu tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu pun selalu tak ikut masa.

4.18 ptg.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap, mengambil bahagian dalam ini. Oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya singkap daun ambil buahnya sahajalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, bagus.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih, singkap daun ambil buahnya sahaja, ini keunikan di Negeri Sembilanlah, kata-kata perbilangan. Kerana ini ada kaitannya dengan apa yang saya hendak sebut, butiran 00800 - Kajian-Kajian Pelancongan. Saya menggesa pihak kementerian untuk membuat kajian macam saya sebutkan tadi seperti di tiap-tiap negeri ini ada keganjilan dan keunikannya. Di Negeri Sembilan adat perpatih, cara mereka, cara hidup mereka, kata-kata perbilangan mereka, sistem persukuan, ini memerlukan kajian. Oleh sebab itu saya nak tahu setakat manakah kajian yang pernah dibuat oleh pihak kementerian ataupun bekerjasama dengan pihak Kementerian Kebudayaan dan Warisan dalam konteks untuk membuat kajian supaya akhirnya esok hasil kajian ini dapat digunakan untuk mencari jalan nak meramaikan lagi pelancong-pelancong ke dalam negara kira dan sebagainya. Jadi saya ingin tahu sama ada kajian ini ada dibuat.

■1620

Begitu juga berkenaan dengan tempat-tempat yang mungkin kita boleh jadikan sebagai destinasi baru. Ada atau tidak kajian dibuat? Saya hendak tanya ini khususnya di Negeri Sembilan. Misalnya dalam konteks air terjun ataupun kampung-kampung yang boleh kita jadikan sebagai *homestay*. Ada atau tak kajian ini dibuat? Kalau ada, setakat mana perancangan yang telah dibuat oleh pihak kementerian supaya ini akan kita campurkan boleh kita menggalakkan lagi pelancong datang ke tempat-tempat ini.

Butiran yang kedua ialah 050500 – Kempen Malaysia *Welcomes The World and* Tahun Melawat Malaysia 07. Saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas usaha-usaha yang dibuat oleh pihak kementerian pergi ke luar negara membuat promosi, menceritakan keamanan, kebaikan, kemajuan negara kita. Begitu juga Kementerian Perdagangan membuat *trade nation* dibawa sekali Ahli Parlimen, cuma Kementerian Pelancongan sahaja tak ada bawa Ahli Parlimen. Ini kena tengok balik supaya dapat di bawa sekali Ahli-ahli Parlimen. [*Dewan riu*].

Cuma, ya memang mendapat sokongan sebab pada saya kita juga ada peranan yang harus kita boleh mainkan dalam konteks pelancongan ini. Jadi oleh kerana itu, kita menghargai usaha yang dibuat oleh pihak kementerian, tapi malang dan mendukacitakan. Akhir-akhir ini dalam masa yang begitu singkat, sudah ada dua perhimpunan haram. Tadi sudah diceritakan panjang lebar oleh Sri Gading, Ledang dan sebagainya.

Kuala Pilah menyokong dan sebahagian besar daripada kita ini memang mengutuk perbuatan ini, kerana ini akan menjejaskan, menghilangkan pandangan positif negara lain kepada negara kita. Mereka menganggap negatif terhadap negara kita. Media asing melalui Al-Jazeera, melalui TV dan sebagainya tadi memberikan gambaran yang sangat buruk kepada negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tidakkah ini akan memberi gambaran akan membawa usaha untuk menggagalkan usaha yang cemerlang oleh pihak Kementerian ini. Kementerian Pelancongan dan Kementerian Perdagangan.

Ketiga, 026000 – Papan tanda. Saya bersetujulah dengan papan tanda ini. Cuma saya hendak mempertikaikan jabatan mana yang berkuasa tentang soal penyiapan papan tanda ini ataupun dari segi *maintenance* dan sebagainya. Jika dilihat bahawa dalam konteks pembangunan negara kita hari ini, tiap-tiap jabatan mesti ada semangat kerjasama, semangat kolaborasi di antara jabatan-jabatan. Jangan fikirkan ini hal pelancong, biarlah pelancong buat, dialah *maintenance* dan sebagainya.

PBT begitu juga, sebab ada di antaranya kalau kita pergi ke tempat-tempat, bandar-bandar kita boleh lihat ada setengah daripada papan tanda itu langsung tidak terurus, *maintenance* tak ada. Ada yang sudah longlai, dia punya papan sudah tak nampak lagi. Papan tanda yang ada menunjukkan arah-arah itu ditutup oleh daun dan sebagainya. Jadi oleh kerana itu, saya harap pihak Kementerian akan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: ... mengambil daya utama untuk memperbaiki keadaan ini.

Tuan Pengerusi, akhir sekali 60000 – PEMPENA-Program *MalaysiaKitchen*. Saya pernah melawat *Malaysia Kitchen* di Tokyo dan saya melihat ini adalah usaha yang baik yang dibuat oleh Kementerian Usahawan. Jadi apa kaitannya hubung kait di antara Kementerian Pelancongan dengan Kementerian Usahawan ini dalam mewujudkan *MalaysiaKitchen* ini?

Ini kerana saya melihat ini baik, tapi kalaulah usaha ini dapat digembleng bersama-sama, bukan sahaja dia dapat mengenalkan budaya makan kita di luar negara, di samping itu juga, dapat memperluaskan lagi pembinaan *MalaysiaKitchen* kecil ini. Jadi saya hendak tahu, Kuala Pilah ingin tahu, apakah rancangan masa depan dalam konteks penubuhan Program *MalaysiaKitchen* yang disebutkan di dalam itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Bintang.

4.24ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk 020000 – Pelancongan dan juga 02600 – Program Pembangunan Papan Tanda dan Papan Penerangan Pelancongan.

Istana negara adalah salah satu destinasi yang menarik para pelancong asing datang melawat. Bila rombongan mereka sampai dengan bas pelancongan ke kawasan Istana Negara, mereka mendapat masalah; tidak mendapat maklumat yang cukup untuk menerangkan apakah

itu Istana Negara selain Istana itu berperlembagaan, tidak boleh dimasuki. Di jaga oleh para pengawal bersenjata. Mereka tidak mendapat apa-apa maklumat untuk mengenal dengan lebih mendalam dan jauh mengenai Istana Negara, Sistem Raja Berperlembagaan kita dan sebagainya.

Jika mereka berhajat untuk mengetahui dengan lebih lanjut, mereka perlu mencari bahan dan mereka perlu membaca sendiri. Istana Negara ialah terletak dalam kawasan Bukit Bintang yang mana saya mendapati ramai pelancong asing berkunjung di situ pada setiap hari dan mereka mengunjungi tempat itu. Mereka mendapati seolah-olah terdapat apa yang boleh mereka baca dan bertanya untuk mengetahui maklumat dengan lebih lanjut. Setelah mereka mengambil gambar atau bergambar di situ, rata belakang Istana Negara, mereka beredar dan pergi ke tempat lain. Apa kesan lain di situ tidak ada?

Ini sebab tidak ada pegawai Istana yang boleh menerangkan kepada mereka akan maklumat yang dikehendaki. Untuk mengatasi masalah ini, saya ingin mencadangkan supaya di situ ada sudut sebuah wakaf atau pusat info di mana para pelancong asing boleh melihat dan membaca tentang maklumat Istana Negara. Sistem Raja Berperlembagaan negara kita termasuk sistem pelantikan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sebagainya.

Dengan itu, mereka memperoleh maklumat berguna tentang Ketua Negara kita yang diangkat di dunia. Ini boleh menarik lebih ramai pelancong asing datang dan memahami sistem pemerintahan Malaysia. Pusat info itu hendaklah mempamerkan, menerangkan dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, Mandarin, Jepun, Korea dan Arab selain daripada Bahasa Malaysia. Saya minta Kementerian Pelancongan haruslah mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Maran.

4.27ptg.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalin [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh beberapa perkara. Pertama ialah Butiran 020000 – Pelancongan dan saya hendak fokus kepada 020400 – Bahagian Pelesenan. Kita ucapkan terima kasih kepada kementerian kerana dengan mengeluarkan lesen kepada agen-agen pelancongan ini.

Cuma saya ingin tahu, setakat ini, berapakah jumlah lesen-lesen telah dikeluarkan kepada agen-agen pelancongan ini yang telah banyak membantu kerajaan ini khususnya dalam menarik pelancong-pelancong. Apakah kuota yang telah diberi kepada agen-agen ini mengikut negeri-negeri dan juga mengikut kaum Melayu, Cina, India dan sebagainya.

Saya juga hendak bertanya oleh kerana adanya pelancong-pelancong kadang-kadang tinggal lebih masa, apakah kerjasama antara kementerian ini dengan agen-agen pelancongan ini dalam menentukan, menyelaraskan supaya pelancong-pelancong ini sedar bahawa kita mempunyai peraturan dalam negara kita. Tentang ini juga saya hendak bertanya kepada

kementerian. Bahawa di samping terdapatnya agen-agen yang maju menarik pelancong-pelancong, tidak kurang juga agen-agen pelancongan ini yang telah pun mengalami kerugian, bungkus, *bankrupt* dan sebagai. Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapakah jumlah agen-agen pelancongan ini yang telah pun bungkus ataupun gulung tikar, menghadapi kerugian dan berapakah pecahan-pecahan mengikut kaum dan sebagainya.

Berikutnya Tuan Pengerusi ialah 040500 – Bahagian Perkhidmatan Pelancongan. Saya perhatikan bahawa perkhidmatan pelancongan di hotel-hotel, tadi disoalkan oleh Bera bahawa harga makanan di hotel-hotel ini kadang-kadang, terutamanya bagi pelancongan domestik agak tinggi. Saya perhatikan juga sekarang ini terlalu ramai pekerja-pekerja daripada luar yang bekerja di hotel-hotel sama ada pengawal keselamatan, bahkan pelayan-pelayan dalam hotel, di *coffee house*, *housekeeping* dan sebagainya. Sebahagian daripada mereka ini tidak menunjukkan perkhidmatan yang baik. Ini bukan sahaja boleh menjejaskan imej negara kita bahkan boleh menjatuhkan imej hotel-hotel itu sendiri.

■1630

Tuan Pengerusi, yang berikutnya ialah saya nak bertanya kepada kementerian tentang bagaimana kita mempromosi pelancong-pelancong melalui kereta api. Saya baru-baru ini membawa lebih kurang 70 pelancong ataupun penduduk kawasan saya ke Johor melalui kereta api dan saya perhatikan promosi ataupun kempen-kempen yang dibuat oleh kementerian melalui kereta api ini agak kurang bahkan banyak daripada stesen-stesen kereta api yang kita lalu ini iaitu lebih kurang tujuh buah stesen keadaannya agak daif, tidak ada kemudahan kantin dan sebagainya yang selesa. Ia bukan saja menjejaskan pandangan di kawasan berkenaan tetapi boleh juga memburukkan pandangan kepada pelancong-pelancong. Saya juga nak bertanya kepada pihak kementerian, ramai daripada pelancong-pelancong terutamanya daripada Utara, daripada Pantai Timur yang turun ke Selatan ini saya tengok, saya perhatikan dari segi kawalannya tidak terkawal. Mereka tidak diperiksa dengan teratur, dengan baik dan mungkin sebahagian daripada mereka mungkin membawa barang-barang yang terlarang seperti dadah dan sebagainya. Saya nak tanya kepada kementerian walaupun ini di bawah Kementerian Dalam Negeri tapi sejauh mana peranan kementerian ini dalam menyelaraskan kawalan ini bersama kementerian yang lain.

Tuan Pengerusi, yang berikutnya ialah 01100 – Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan. Maran juga tidak kurang Tuan Pengerusi, dengan pusat-pusat pelancongan ataupun lokasi-lokasi yang boleh menarik pelancong. Saya difahamkan Maran ini tidak dizonkan sebagai kawasan pelancongan sedangkan banyak tempat-tempat yang juga menarik yang boleh didaftarkan, disenaraikan sebagai kawasan pelancongan seperti Air Terjun Teladas, Rekreasi Sungai Lubuk Yu dan satu lagi Tuan Pengerusi, yang menarik ialah kita ada Batu Gajah. Saya difahamkan mengikut sejarah, semasa seekor gajah menyeberang sungai ini maka dia dah tak boleh keluar menyebabkan batu dia tertinggal, maka beradalah dalam sungai

ini dan sekarang batu ini besar, dua biji batu dan saya difahamkan batu ini kalau banjir pun tidak tenggelam. Inilah keunikan yang ada pada bahan sejarah ini dan mungkin ini juga boleh dijadikan sebagai satu lokasi pelancongan yang boleh diperbesarkan dan dimajukan. Tuan Pengerusi, saya minta melalui kemudahan ini minta kepada Kementerian Pelancongan supaya memberikan perhatian kepada pusat-pusat pelancongan di kawasan-kawasan seperti Maran yang merupakan daerah yang agak terkemudian dalam negeri Pahang ini. Kalau boleh peruntukkan disalurkan lebih lagi dan kita minta supaya tempat-tempat pelancongan disenaraikan bukan saja di peringkat negeri Pahang bahkan disenaraikan di dalam seluruh negara di negara kita ini. Jadi Tuan Pengerusi, itu sajalah. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Selangor.

4.33 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Oleh kerana sektor pelancongan hari ini menyumbang begitu besar kepada pertumbuhan ekonomi negara dan juga kurang kemampuan pihak berkuasa tempatan untuk mengurus dan membangunkan produk-produk pelancongan, sudah tiba masanya hari ini kerajaan dapat mewujudkan sebuah jabatan sama ada di peringkat negeri ataupun di peringkat daerah untuk tujuan yang berkenaan.

Saya ingin menyentuh Butiran 01900 – Pembangunan Ecotourism. Kelip-kelip Kampung Kuantan atau Firefly terkenal di serata dunia dan hari ini saya ucap terima kasih kepada MAS yang telah menggunakan jenama Firefly sebagai sebuah syarikat penerbangan di negara ini. Apa yang saya harapkan, hari ini TNB sudah menjadikan kelip-kelip Kampung Kuantan sebagai anak angkat.

Saya ingin mengucapkan terima kasih dan apa yang saya perlukan kelip-kelip Kampung Kuantan ini dapat dinaiktarafkan dengan membina chalet di kawasan yang berkenaan agar pelancong-pelancong tidak semata-mata datang melihat kelip-kelip tapi dapat duduk tinggal mendengar rintihan cengkerik di waktu malam dan sebagainya dan begitu juga Taman Alam yang hari ini dari segi infrastrukturnya perlu ditingkatkan dan promosi terhadap Taman Alam ini dapat diperhebat di peringkat antarabangsa. Oleh kerana hari ini Kuala Selangor dilihat sebagai satu kawasan yang amat berpotensi dari segi pelancongan bukan saja dalam *ecotourism* tetapi saya cukup berharap kepada kementerian agar dapat mengadakan kajian-kajian pelancongan.

Butiran 00800 yang menyentuh soal *Heritage Tourism (warisan)* yang mana sejarah Kesultanan dan juga Kerajaan Melayu Selangor yang pertama harus dibukukan dan di samping itu juga kita memperhebatkan *agro-tourism (pelancongan pertanian)* dengan menggalakkan pelancong-pelancong datang melihat pembangunan sektor pertanian umpamanya ternakan kerang dan sebagainya. Begitu juga dengan *sport tourism* yang saya kira Sungai Selangor dan

juga Pantai Remis Jerang amat berpotensi untuk sukan air. Dari segi pelancongan, kesenian dan kebudayaan yang saya kira di Kuala Selangor banyak adat dan budaya yang melibatkan pelbagai etnik termasuk membina atau mewujudkan *homestay* bagi kalangan orang Bugis, Jawa, Banjar dan sebagainya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Butiran 02800 – Program Peningkatan Kemudahan Homestay. Di Kuala Selangor, di Parlimen Kuala Selangor, kita telah menubuhkan Persatuan Pelancongan Daerah dan sebanyak 40 *homestay* telah pun kita kenal pasti. Cuma saya berharap kementerian dapat membantu membangunkan *homestay* ini secara lebih kemas kini dan membawa pelancong-pelancong daripada dalam dan juga luar negara.

Butiran 01100 – Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan. Sungai Selangor juga merupakan khazanah yang cukup penting, menjadi satu tarikan untuk orang datang memancing udang dan ikan dan saya harap peruntukan dapat disediakan untuk membina beberapa buah jeti di sepanjang Sungai Selangor ini.

Begitu juga tadi saya harap kementerian dapat mengadakan kajian kerana di Kuala Selangor ada beberapa buah pulau yang berpotensi untuk dimajukan dalam bidang pelancongan seperti Pulau Angsa, Pulau Jemu dan sebagainya termasuk menjalankan projek kelong seperti yang telah dibina di Sabak Bernam yang boleh menjadi satu tarikan kepada pelancong. Butiran 030000 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Promosi melalui media dan juga misi menarik pelancong di luar negara harus diperhebat dan saya harap wakil-wakil daripada penduduk ataupun daripada persatuan pelancongan dapat dibawa untuk turut mempromosikan produk pelancongan yang ada di Kuala Selangor.

Begitu juga program yang setiap tahun diadakan. Umpamanya di Taman Alam, Pesta Sayap di mana burung-burung daripada seluruh dunia datang dalam bulan Oktober. Kita harap ini dapat dijadikan satu program tetap dan membawa pelancong untuk turut sama memeriahkan sambutan Pesta Sayap ini. Begitu juga produk dan destinasi pelancongan yang saya sebutkan yang ada di Kuala Selangor juga dapat dimasukkan dalam peta pelancongan negara.

Yang akhir sekali Butiran 020800 – Bahagian Perkhidmatan Pelancongan. Pemberian Kepada NGO. Seperti yang saya sebutkan tadi, Persatuan Pelancongan Daerah Kuala Selangor sedang menjalankan kegiatan dan aktiviti untuk turut serta membangunkan industri pelancongan di Kuala Selangor. Saya harap kementerian dapat memberikan peruntukan sewajarnya kepada persatuan ini untuk bergiat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan.

4.39 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih. Saya menyentuh berkenaan dengan runtuh bangunan penginapan di Tasik Banding di Gerik. Sejumlah RM4.5 juta telah

diperuntukkan oleh Kementerian Pelancongan untuk membina bangunan ini dan ia telah runtuh dengan sekelip mata dan saya ingin bertanya, siapakah yang mereka bentuk atau *design* bangunan ini. Siapa mengendalikan tender kontrak, siapa mengawal selia kemajuan pembinaan dan selepas itu siapakah menerima bangunan ini selepas ia disiapkan dan sama ada bangunan ini masih ada di bawah perlindungan insurans dan kerana kalau tidak ada perlindungan insurans, maka RM4.5 juta lesap begitu sahaja.

■ 1640

Yang kedua, Eye on Malaysia. Sewaan Eye on Malaysia di Tasik Titiwangsa dari syarikat swasta semasa Tahun Melawat Malaysia dan ia akan tamat pada akhir tahun ini. Apa rancangan selepas ini?

Yang ketiga feri Pulau Pinang. Feri Pulau Pinang adalah satu tarikan industri pelancongan tetapi selama ini Kementerian Pelancongan tidak pernah menitikberatkan kemudahan feri ini dan saya ingin bertanyakan apa bantuan dan input-input yang pernah dicadangkan oleh Kementerian Pelancongan dalam meningkatkan perkhidmatan feri Pulau Pinang ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tangga Batu dan selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

4.41 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya menjadi pembahas terakhir dalam siri ini. Tuan Pengerusi, Tangga Batu turut bersama-sama rakan lain mengutuk sekeras-kerasnya perhimpunan haram demonstrasi jalanan yang telah menjejaskan industri pelancongan negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Butiran?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sekarang butirannya Tuan Pengerusi, 020000 di bawah Bahagian Sumber Manusia - 020700.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian supaya pelantikan pegawai-pegawai ini diberikan perhatian kepada pegawai-pegawai yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran yang mendalam tentang bagaimana kita untuk mempromosikan kegiatan pelancongan di peringkat negara dan juga negeri.

Suka saya mengambil satu contoh iaitu pegawai Majlis Tindakan Pelancongan di negeri Melaka. Yang Berhormat Timbalan Menteri, usaha-usaha kementerian di negeri Melaka amat menggalakkan dan tahniah diucapkan dan terima kasih kerana pada tahap ini Melaka telah pun menerima 4.2 juta pelancong dan dijangka mencapai sasaran 5.8 juta pelancong pada bulan Disember nanti. Tetapi sikap seorang pegawai Majlis Tindakan Pelancongan Negeri ini amat mendukacitakan. Apabila kita mempunyai satu acara besar di Melaka, sambutan Hari Belia

Negara peringkat negeri yang telah menyediakan berbagai-bagai acara yang menarik untuk dilihat oleh para pelancong. Jadi kami selaku jawatankuasa penganjur menawarkan *event* ini untuk dihidangkan kepada pelancong-pelancong tetapi pegawai tersebut menjawab “Kami perlu surat untuk memberitahu ada *event* besar ini di negeri Melaka”. Jadi jawapan ini menunjukkan sikap acuh tidak acuh pegawai tersebut. Jadi kami sebenarnya menyarankan supaya pegawai itu bersikap proaktif untuk membawa berbas-bas pelancong untuk melihat apakah kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan oleh para belia di negeri Melaka.

Jadi Tuan Pengerusi, saya minya supaya pihak kementerian menyiasat bahawa adakah pegawai ini kurang latihan ataupun kurang pendedahan dan menyarankan supaya pegawai ini diberikan latihan supaya bersikap lebih proaktif untuk bersama-sama menggalakkan pelancongan di peringkat negeri.

Tuan Pengerusi, oleh kerana Timbalan Menteri pun sudah tengok jam tadi dan saya cuma hendak beritahu di Melaka baru-baru ini, kita ada *Regata International*. Saya lihat sumbangan yang diberikan oleh pihak pelancongan, Jabatan Pelancongan Negeri adalah amat minima sekali. Ia lebih kepada usaha yang dijalankan oleh pihak syarikat yang terbabit. Jadi saya kira peluang-peluang seperti ini boleh diambil oleh pihak kementerian supaya penggalakan pelancongan itu dibuat secara kolektif bukannya hanya dibebankan kepada sesetengah pihak sahaja.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian supaya memberikan satu garis panduan. Adakah pelancong-pelancong ini terletak di atas undang-undang negara, apabila kelihatan ramai pelancong-pelancong yang bersiar-siar menggunakan motosikal di tempat-tempat pelancongan negara yang tidak menggunakan *safety* helmet dan mematuhi peraturan-peraturan keselamatan yang lain? Jika mereka ini boleh berada di atas undang-undang, ia akan menjadi satu *precedence* kepada masyarakat setempat yang mengatakan kenapa pelancong boleh dan kita tidak boleh. Sungguhnya untuk kita menggalakkan pelancongan negara tidak semestinya kita melampaui undang-undang negara kita. Jadi terima kasih Tuan Pengerusi saya mematuhi masa. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pelancongan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah bersama-sama membahaskan perkara-perkara mengenai kementerian serta memberikan pandangan dan cadangan yang amat berguna di dalam memajukan industri pelancongan negara. Saya percaya segala pandangan dan

cadangan yang diberikan oleh Ahli Dewan yang mulia ini dapat membantu kementerian di dalam melaksanakan Misi Nasional ke arah mencapai wawasan negara.

Yang Berhormat dari Beluran telah membangkitkan isu peruntukkan untuk Monsoon Cup. Untuk makluman Yang Berhormat tahun 2005, peruntukannya adalah sebanyak RM1 juta dan 2006 adalah sebanyak RM5 juta dan ini peruntukan dari Tourism Malaysia dan untuk tahun 2007 sebanyak RM10 juta telah diluluskan oleh Kabinet melalui Kementerian Belia dan Sukan dan dari pihak Kementerian Pelancongan kita hanya melibatkan promosi untuk menjayakan program ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan Monsoon Cup.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Ini di Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Moosoon Cup, ialah mengenai yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan. Bukankah Monsoon Cup wang yang dibelanjakan untuk Monsoon Cup sebenarnya satu simbol apa yang *what is wrong* mengenai negara kita di mana semua ini disalurkan untuk kepentingan segelintir orang, Patrick Abdullah sebagai contohnya dan bukan untuk kepentingan khasnya orang-orang tempatan atau orang-orang di negeri untuk masa depan? Bukankah ini *lop-sided development* yang tidak sangat... dalam pelancongan yang tidak patut terus digalakkan?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih saya akan sambung. Isu Formula One...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Setujulah ya, okey.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Bukan, itu bukan di bawah Kementerian Pelancongan. Itu program di bawah kementerian yang lain. Untuk Formula One, peruntukkan sejumlah RM2.173 juta diberikan untuk tahun 2007. Untuk Boat Race Malacca setakat ini belum ada peruntukkan yang diberikan dan juga Yang Berhormat telah bangkitkan isu Boat Race di Kota Kinabalu dan memang itu adalah program di bawah negeri Sabah dan kita akan bincangkan dengan mereka dengan isu-isu peruntukkan. Yang Berhormat dari...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Monsoon Cup juga program negeri, tetapi ianya ada elemen pelancongan.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Monsoon Cup itu...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Nanti. Saya beritahu bahawa Monsoon Cup juga program negeri tetapi ada unsur pelancongan kerana itu kementerian bagi sumbangan. Begitu juga *Power Boat Race* program negeri tetapi ada unsur pelancongan. Mengapa kementerian susah sangat hendak bantu program ini. Itu soalan saya.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat, Program Monsoon Cup itu adalah di kalender Kementerian Pelancongan dan Program *Power Boat Race* di Kota Kinabalu memang bukan satu program nasional yang kita masukkan dalam kalender kita dan dengan itu kita mesti bincang.

Yang Berhormat Sepanggar dan juga Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Kuala Selangor telah membangkitkan isu ekopelancongan di Sabah, di kawasan Jasin, Kuala Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan bagi ekopelancongan yang disediakan kononnya bagi negeri Sabah merupakan peruntukan yang dimohon oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah secara terus daripada Kementerian Kewangan.

Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut adalah di bawah bajet Kementerian Pelancongan. Peruntukan tersebut disalurkan secara terus kepada Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah. Yang Berhormat ada bangkitkan isu...

■1650

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh tanya sikit Yang Berhormat? Dalam mempromosikan pelancongan ini saya lihat Yang Berhormat, macam gasing. Baru-baru ini Dr. Muszaphar ketika berada di angkasawan dia bawa gasing dalam kapal angkasa itu. Saya hendak tahu adakah ini juga telah diinisiatif oleh kementerian Yang Berhormat. Kalau begitu kenapa tidak produk ini sebagai salah satu daripada mempromosikan pelancongan sebab saya difahamkan Yang Berhormat bagi Bera adalah presiden gasing Malaysia.

Jadi Tuan Pengerusi, ini satu peranan wakil rakyat yang begitu bernas yang mempunyai satu kreativiti. Saya minta pada kementerian jika ini tidak masuk dalam agenda kementerian boleh tak Yang Berhormat masukkan gasing yang telah pergi ke angkasa ditunjuk secara *live*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin Bera boleh buat cadangan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebab itu saya minta kepada kementerian dimasukkan program ini. Mungkin salah satu, tetapi banyak lagi Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Kita akan ambil apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Larut dan kita akan bincang dengan pihak yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Minta penjelasan, penjelasan mengenai apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Larut mengenai angkasawan. Mengapa angkasawan bukan di bawah Kementerian Pelancongan kerana ia adalah *space tourist* sebenarnya *tourist* bukan sebagai satu saintis. Kenapa bukan di bawah Kementerian Pelancongan tetapi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Patutnya *proper allocation*, *tourist* adalah pelancongan sama ada pergi angkasawan atau di bumi. *Space tourist* atau *earth tourist* sepatutnya di bawah *Ministry of Tourism*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Yang Berhormat Timbalan Menteri ini perkara dasar, ini perkara dasar. Sekarang peringkat Jawatankuasa.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, saya akan teruskan. Yang Berhormat bagi Sepanggar dan Kuala Pilah telah membangkitkan *Malaysia Welcome Tour*, objektif dan juga kempen Tahun Melawat Malaysia 2007. Untuk makluman Yang Berhormat, sasaran kita untuk tahun 2007 ialah kita ingin mendapat 20.1 juta pelancong asing yang akan berkunjung ke negara kita dan harap dapat menjana pertukaran wang asing sebanyak RM44.5 bilion. Kempen *Malaysia Welcome Tour* disambung ke tahun 2008 dari segi latihan kepada *front liner* dan Kementerian Pelancongan akan menggunakan MTPN dan NGO untuk melatih *front liner*. Peruntukan bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM5 juta. Sehingga 20 November tahun 2007 seramai 20,800 *front liner* telah dilantik. Antara *front liner* itu ialah hotel *receptionist*, *taxi driver*, pengusaha *homestay*, pemandu pelancong dan sebagainya.

Yang Berhormat dari Sri Gading, Seputeh ada membangkitkan mengenai kejayaan atau pencapaian yang kita dapat untuk tahun ini. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat Ogos tahun 2007 iaitu dari tempoh Januari hingga Ogos kita mencatat seramai 14,472,076 orang pelancong asing. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 22% berbanding dengan 11,518,288 juta pelancong asing bagi tempoh yang sama untuk tahun 2006.

Ramai Yang Berhormat yang telah bangkit mengenai isu-isu *homestay*. Yang Berhormat dari Sri Gading, Rembau, Rantau Panjang, Kuala Langat, Sabak Bernam, Pensiangan, Pendang, Pasir Puteh, Kuala Krau, Kuala Selangor yang telah membangkitkan mengenai isu-isu *homestay*. Memang saya telah memberi jawapan pada pagi ini dan jumlah *homestay participant* yang telah daftar pada masa ini dengan Kementerian Pelancongan ialah 1,563 *participants* yang terlibat dengan 105 buah kampung.

Peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan adalah sebanyak RM40 juta. Dalam fasa satu RM17.4 juta telah diluluskan melibatkan 39 kampung untuk menaik taraf infrastruktur *homestay*, jalan masuk, dewan-dewan, tandas awam, *signage*, untuk *public use* tanah kerajaan. Ada yang telah bangkit mengenai kebersihan *homestay*.

Memang ini adalah tanggungjawab pengusaha dan juga Kerajaan Tempatan dan juga Kementerian Kesihatan akan bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan supaya kita akan buat pemeriksaan rumah *homestay* yang ada. Di bawah Kementerian Pelancongan melalui satu jawatankuasa penyelarasa *homestay* telah melaksanakan usaha-usaha untuk menggalakkan penyertaan *homestay*.

Selain itu Kementerian Pelancongan juga turut memberi taklimat kesedaran *homestay* kepada pemohon baru. Manakala pengusaha-pengusaha *homestay* yang telah beroperasi diberikan kursus latihan lanjutan mengenai cara-cara pengurusan *homestay* yang berbentuk motivasi untuk menolong lagi komitmen para pengusaha *homestay* untuk terus memajukan perniagaan *homestay* mereka.

Ada juga ramai Yang Berhormat telah bangkitkan isu-isu papan tanda tunjuk arah produk ke destinasi-destinasi pelancongan. Antaranya ialah Yang Berhormat dari Rembau, Yang

Berhormat dari Bukit Mertajam, Kuala Pilah, Bera, dan Bukit Bintang. Untuk makluman Yang Berhormat, papan tanda tunjuk arah memang bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian Pelancongan. Kita memang akan bincang dengan pihak Kerajaan Tempatan dan juga pihak Kerja Raya supaya papan tanda yang perlu di kawasan-kawasan menunjukkan kawasan pelancongan akan didirikan dalam pelbagai bahasa.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Bintang.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tidak kasi jalanlah. Untuk makluman Yang Berhormat, memang ada satu jawatankuasa yang telah di...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tak bagi laluan?

Dato' Donald Lim Siang Chai:satu Jawatankuasa untuk membincangkan isu-isu pelancongan ditubuhkan di atas arahan Jemaah Menteri. Jawatankuasa ini diketuai oleh Kementerian Pelancongan dan disertai oleh agensi-agensi kerajaan yang lain seperti polis, kastam, JPJ, DBKL, LPKP, pihak swasta dan industri pelancongan seperti MAS, AirAsia, Matta, hotel operator.

Kita akan bincangkan isu ini sebab hari ini nampaknya semua Yang Berhormat pun minat mengenai papan tanda ini. Kita akan cari lebih peruntukan untuk isu ini. Oleh itu, Yang Berhormat jangan bimbang. Okey, Bukit Bintang ada lagi?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebab ada peruntukan sebanyak RM5 juta untuk khusus ini butiran papan tanda. Jika pihak kementerian tidak berkuasa untuk mendirikan papan tanda di tempat-tempat destinasi pelancongan mendapat peruntukan. Ini bukan sahaja PBT yang bertanggungjawab, seharusnya Kementerian Pelancongan pun harus bertanggungjawab. Saya minta penjelasan RM5 juta untuk di mana-mana tempat destinasi yang digunakan.

■1700

Dato' Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat, hendak tahu memang itu saya perlu bagi notis. Saya akan memberi kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti saya katakan tadi, memang kita *big issue* dalam Jawatankuasa yang saya katakan tadi. Kita bincang mengenai isu-isu papan tanda dan kita akan ambil berat dengan isu ini. Juga kita bincang berkenaan dengan isu-isu lain seperti teksi *driver*, seperti keselamatan, seperti tambang yang tinggi, seperti isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bera iaitu harga tinggi domestik di hotel-hotel, kita akan bincang isu itu. Oleh itu Yang Berhormat kalau ada isu yang spesifik boleh merujuk kepada saya.

Yang Berhormat bukit Mertajam ada bangkit mengenai isu papan penerangan pelancongan yang ada dalam pelbagai bahasa, isu ini juga akan bincang dalam jawatankuasa kita. Buat masa ini memang ada tempat-tempat kawasan pelancongan yang ada bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan juga ada bahasa yang lain. Yang Berhormat Rantau Panjang ada

membangkitkan isu Expo Zaragoza. Untuk makluman Yang Berhormat, Expo Zaragoza 2008 akan berlangsung selama tiga bulan bermula 13 Jun sehingga 14 September 2007 dengan tema *Factor and Sustainable Development*. Peruntukan yang disediakan untuk Kementerian Pelancongan bagi menyertai ekspo ini ialah sebanyak RM20 juta.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagikah?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Banyak lagi. Delegasi dari Kementerian Pelancongan akan menghadiri *Walking Section on Operating Issue* pada 4 Disember 2007 di Expo Zaragoza, Sepanyol bagi menyelaraskan penyertaan Malaysia ke ekspo berkenaan. Yang Berhormat Rantau Panjang ada bangkit mengenai isu memasukkan kesedaran agama Kursus Asas Pemandu Pelancong. Untuk makluman Yang Berhormat, Kursus Asas Pemandu Pelancong mempunyai 28 modul. Salah satu modul yang diajar adalah *culture of Malaysia*. Dalam modul ini, kesedaran agama kaum Melayu, Cina, India, Orang Asli, Dayak, Kadazan dan sebagainya memang diajar kepada pemandu-pemandu pelancong supaya mereka tahu kebudayaan di negara kita.

Yang Berhormat bagi Sungai Petani, Bukit Mertajam, Santubong, Pasir Puteh, Pensiangan, Bera, Kuala Pilah, Maran, Kuala Selangor semua telah membangkitkan isu bantuan atau kerjasama antara Kementerian Pelancongan dengan kerajaan negeri-kerajaan negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan telah menubuhkan satu majlis iaitu Majlis Tindakan Pelancongan Negeri di semua negeri dan kita telah memberi peruntukan kepada majlis ini mengikut negeri masing-masing. Peruntukan ini adalah sebanyak RM2 juta untuk menjalankan pengurusan setiap tahun di semua negeri.

Isu-isu atau tempat Yang Berhormat telah bangkitkan iaitu ada kawasan yang baik, kawasan yang boleh menjadi tempat menarik atau destinasi pelancongan, bolehlah Yang Berhormat berbincang dengan EXCO-EXCO kerajaan negeri dan juga pegawai yang kita di Majlis Tindakan Pelancongan Negeri, supaya kita boleh membawa kepada kementerian dan kita akan bincang macam mana kita boleh membangunkan kawasan yang berkenaan. Saya harap Yang Berhormat boleh membantu dalam isu ini. Memang ada Yang Berhormat telah membangkitkan isu di Pulau Pinang dan masalah tertentu, masalah pencemaran, memang ini tanggungjawab kerajaan negeri dan mereka mesti minta duit dari EPU.

Untuk makluman Yang Berhormat, tahun ini peruntukan untuk Kementerian Pelancongan berjumlah RM857 juta. Kalau dibandingkan dengan tahun lalu, 2007 iaitu RM988 juta, nampak kekurangan sebanyak RM130 juta. Saya telah memberi angka kepada Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Kita menerima pelancong asing hampir 20 juta untuk tahun ini dan kita hanya ada sebanyak RM857 juta. Antaranya RM231 juta untuk projek-projek atau pembangunan infrastruktur di setiap negeri. Oleh itu memanglah ada peruntukan untuk dapat membantu semua ini.

Yang Berhormat Sungai Petani ada bangkit dengan penggunaan bahasa asing dalam laman web Kementerian Pelancongan. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat tiga laman web yang berkaitan di Kementerian Pelancongan iaitu www.motour.gov.my ini dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan di laman web Tourism Malaysia, www.tourismMalaysia.gov.my juga dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Di laman web mm2h iaitu www.mm2h.gov.my ini dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Jepun, bahasa Korea, bahasa Jerman, bahasa Itali dan Arab. Yang Berhormat dari Sabak Bernam ada membangkitkan isu....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, tadi ada dalam banyak bahasa itu adalah perlu kerana kita hendak menarik pelancong dari semua dunia. Tetapi kita tidak dengar Bahasa Mandarin. Bukankah ini Taiwan, Negara China dan Hong Kong ia merupakan satu pasaran yang begitu besar. Tidakkah kita mahu menarik mereka. Saya rasa mereka lebih fasih dalam Bahasa Mandarin.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasihlah, yang itu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat akan datang. Yang Berhormat dari Sabak Bernam...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam dan Bukit Bintang.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Cukuplah, cukuplah. Saya ada lagi dualah. Pembinaan Hotel Seri Malaysia di Sabak Bernam. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah mengambil maklum dengan perkara tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat sebuah Hotel Seri Malaysia di kawasan Bagan Lalang, Kuala Selangor disediakan bagi kemudahan penginapan murah dan sederhana.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya boleh Timbalan Menteri, terima kasih Timbalan Menteri.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Belum, belum. *You* punya belum sampai.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Belum sampai?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Belum.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tetapi bolehlah.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Orang lain tidak boleh, Yang Berhormat...

Dato' Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat Pendang ada membangkitkan isu penerbangan solo mengelilingi tujuh benua dunia. Untuk makluman Yang Berhormat, projek penerbangan solo bukanlah projek di bawah Kementerian Pelancongan. Walau bagaimanapun, memandangkan tahun ini Tahun Melawat Malaysia, kementerian telah memberi sokongan kepada badan swasta yang menganjurkan projek ini. Yang Berhormat Santubong ada cadangan iaitu permohonan lesen bas persiaran dan kereta sewa pandu diserahkan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi atau syarat-syarat permohonan lesen bas persiaran dan

kereta sewa pandu supaya mempunyai lesen syarikat pengendalian pelancongan atau *travel agency* terlebih dahulu digugurkan.

■1710

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam Akta Industri Pelancongan 1992 dan Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999, telah dinyatakan berhubung kait mengenai permohonan lesen bas persiaran dan kereta sewa pandu agar memohon lesen sebagai pengendali pelancong, *travel agent* terlebih dahulu. Oleh yang demikian, adalah menjadi syarat supaya sebelum memiliki lesen bas persiaran dan kereta sewa pandu syarikat perlu ada *travel agent* terlebih dahulu sekurang-kurangnya bidang ‘...’ menurut statistik yang kita ada, sehingga 31 Disember 2006, adalah sejumlah 2,760 buah syarikat telah diluluskan oleh Kementerian Pelancong dapat lesen untuk menjadi sebagai *travel agency*. Di antaranya pemilikan bumiputera 100% sebagai *travel agent* ialah 40% dan lebih 20% ialah pemilikan bumiputera antara 51% sehingga 99%. Saya anggap ini adalah maklumat untuk makluman Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memang tahu. Ini saya sudah tahu Dato’. Apa yang saya minta, ialah oleh sebab syarat hendak dapat kereta sewa ataupun kereta sewa macam yang bawa 11 orang *passenger* ini, mesti ada *travel agency* juga. Jadi inilah masalah dia. Bumiputera yang terlibat dengan *homestay* umpamanya, hendak bawa orang diami dekat rumah dia, melawat ke tempat-tempat itu terpaksa mengadakan lesen *travel agency* juga.

Jadi, maknanya sedikit sahaja kita bagi, tetapi kita tarik yang banyak. Ini membataskan penglibatan bumiputera dalam industri pelancongan. Prasarana *homestay* tidak mencukupi kalau tidak ada kereta. Kalau hendak panggil teksi dia mahal, kalau panggil kereta sewa syarat dia berlainan. Ini yang saya mohonkan supaya diubahkan sedikit. Jangan *travel agency* sahaja, *homestay* pun boleh.

Dato’ Donald Lim Siang Chai: Okeylah. Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Memang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu adalah asasnya. Kita akan bincangkan di kementerian supaya kita boleh membantu pengusaha-pengusaha *homestay* yang ramai Yang Berhormat berminat di dalam isu ini.

Yang Berhormat dari Kuala Pilah, Pendang dan juga Bera ada membangkitkan dengan program. Apakah objektif bagi Program *Malaysia Kitchen*?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sikit, sikit Yang Berhormat, minta maaf Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa sikit, sikit?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sikit sahaja tanya. Soalan yang saya tanya tadi, saya hendak memindahkan orang nelayan dan petani ini daripada industri nelayan dan menjadi petani oleh sebab mungkin kekurangan ikan, kurang tanah untuk

ditanikan dan sebagainya kepada industri pelancongan yang mungkin ada berlebihan potensi khususnya di kawasan saya.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Okey, boleh.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Apakah bantuan yang boleh diberi supaya melaksanakan pemindahan ini dan menyediakan kemudahan-kemudahan untuk mereka ini. Adakah sumber kewangan disediakan oleh Kementerian Pelancongan? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat, memang isu ini bukanlah senang saya hendak jawab di sini. Ini isu kita mesti bincang dengan kerajaan negeri, sebab kalau hendak bangkitkan dalam masa satu perindustrian, kita mesti ada *knowledge* dan itu bukan senang untuk cakap hendak masuk satu industri kita boleh masuk.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Yang Berhormat, saya mengetahui kawasan saya. Umpamanya, bot nelayan tidak boleh ditukar menjadi bot pelancong.

Jadi kita kena ubah bot nelayan menjadi bot pelancong berkehendakkan sumber kewangan. Daripada menangkap ikan sebagai menangkap ikan untuk dijual, kita bawa pelancong untuk mengail ikan ke laut. Ditukarkan bot ini menjadi untuk melihat batu karang dan bot ini boleh ditukarkan juga untuk orang melihat buaya. Bot ini juga boleh juga ditukar untuk melihat kelip-kelip ini tadi, yang dikatakan orang Sarawak 'perpat'. Untuk melihat Monyet Belanda ataupun orang Belanda ataupun *Proboscis Monkey* yang banyak di kawasan saya yang lebih menarik pelancong lagi. Australia, semua orang hendak tengok orang dia sendiri. Sama orang putih ini hendak tengok orang putih juga. Putih yang itu dia di bandar, yang putih ini dekat hutan. Ini yang menarik.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Okey. Terima kasihlah Yang Berhormat. Saya akan bincangkan isu ini dengan *Tourism Board of Sarawak*. Yang Berhormat dari Kuala Pilah, Pendang dan juga Bera membangkitkan apakah itu objektif bagi Program *MalaysianKitchen* dan apakah jenis-jenis masakan yang dihidangkan? Adakah hanya memasak tradisional Malaysia atau ada juga campuran masakan lain.

Untuk maklumat Yang Berhormat, Program *MalaysiaKitchen* merupakan program di bawah penyelarasan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Kementerian Pelancongan menerusi PEMPENA Sdn. Bhd. bertanggung jawab untuk mempromosikan makanan Malaysia, manakala MECD pula memfokuskan kepada pembukaan restoran-restoran Malaysia di luar negara melalui konsep *franchise*. Objektifnya:

- (i) mempromosikan makanan tradisional Malaysia; dan
- (ii) memberi peluang kepada usahawan untuk membuka perniagaan restoran di negara luar melalui konsep *franchise*.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, buat masa ini ada sejumlah 350 buah restoran Malaysia dimiliki oleh Malaysia di seluruh dunia. Saya diberitahu sasarannya ialah pada tahun 2010, kita harap boleh ada 3,000 buah restoran di seluruh dunia.

Yang Berhormat bagi Jasin ada bangkitkan isu akademi pelancongan bagi melahirkan modal insan dan bidang pelancongan. Untuk maklumat Yang Berhormat, sehingga hari ini kementerian telah melesenkan sebanyak 67 institut latihan pelancong di seluruh Malaysia. Institut ini menawarkan pelbagai kursus dalam bidang pelancongan yang berbentuk kemahiran etika, contohnya kursus asas pemandu pelancong, kursus *front liner* dan sebagainya. *Syllabus* dan modul-modul kursus ini telah mendapat pengiktirafan daripada institut pengajian tinggi swasta dan telah mendapat kelulusan daripada jabatan pembangunan kemahiran. Dengan ini, kualiti *syllabus* modul-modul kursus adalah bersesuaian dengan keperluan industri pada masa ini.

Yang Berhormat dari Bagan telah membangkitkan isu kejadian bangunan milik Perbadanan Taman Negeri Perak atau PNKPK yang runtuh. Untuk maklumat Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan Malaysia telah meluluskan peruntukan berjumlah RM5 juta bagi projek pembangunan kemudahan pelancongan Hutan Belum di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Daripada peruntukan tersebut, kerajaan negeri telah memutuskan untuk membina Kompleks Perbadanan Taman Negeri Perak yang merupakan pusat pentadbiran dan juga pintu masuk kepada Taman Negeri Royal Belum. Kerajaan negeri telah melantik *Design Dimension Architect* yang beralamat di No. 13A, Jalan Beringin Kuning, Taman Miri, Ipoh Perak Darul Ridzuan selaku...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Sekejap. Selaku *consulting architect* perunding utama bagi membantu pihak perbadanan Taman Negeri Perak selaku agensi pelaksanaan projek pada 23 April 2003.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, apa yang dibangkitkan pun telah dijawab.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Syarikat Design Dimension Architect telah melantik...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Timbalan menteri...

Dato' Donald Lim Siang Chai: ...ahli pasukan konsultan beliau yang terdiri daripada Syarikat City Perunding Sdn. Berhad sebagai perunding struktur dan bangunan atau C&S, Syarikat K.H Jan Engineers Sdn. Berhad, Perunding Mechanical dan Electrical (M&E) dan Syarikat JB Consult, Perunding Ukur Bahan atau QS, Syarikat Ribuan Laksana Sdn. Berhad kontraktor kelas B yang beralamat di No. 82-B, Jalan Long Boon Sooi, Ipoh Perak Darul Ridzuan pula dilantik sebagai kontraktor utama bagi projek tersebut pada 30 Ogos 2004.

■1720

Nilai tender bagi projek tersebut adalah RM3,698,989 dan tempoh pembinaan adalah 52 minggu dan projek dijangka siap pada 28 Ogos 2005. Kontraktor telah memasuki tapak dan memulakan kerja pada 30 Ogos 2004 dan projek hanya siap sepenuhnya pada Mac 2006 selepas kontraktor dikenakan dua kali LAD. Nilai sebenar projek adalah RM4.928 juta. Projek telah diserahkan kepada Perbadanan Taman Negeri Perak pada 21 Jun 2006. Panjang lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya boleh pendekkan.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Okey. Buat masa ini memang UPEN dan juga JKR negeri telah dipanggil dan telah melantik badan penyiasat bebas atau *independent board of enquiry* untuk menjalankan siasatan terperinci dan kita masih tunggu laporan daripada mereka.

Yang Berhormat, itulah sahaja. Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah bangkit. *[Disampuk]* Apa yang saya tidak dapat jawab saya akan jawab secara bertulis.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya punya belum jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baik, baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya punya senang sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada jawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Sri Gading, oleh Seputeh...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak ada Seputeh.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Ada, dua kali.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sama ada soalan berkaitan, tidak tahulah tetapi sebenarnya masa itu Yang Berhormat pun tidak ada.

Seorang Ahli: Dia dipaksa oleh Speaker.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak paksa dia.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yalah. Kenapa Tuan Pengerusi selalu panggil dia, suruh dia cepatkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, tidak.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Seputeh, duduklah Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Memang ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Anggapan saya jawapan begitu lengkap.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Aiyo!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa aiyo, Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Aiyo, aiyo pun tidak boleh ke? *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM626,554,000 untuk Maksud B.31 di bawah Kementerian Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM626,554,000 untuk Maksud B.31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM231,161,000 untuk Maksud P.31 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2008 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM231,161,000 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2008.

**Maksud B.32 [Jadual] –
Maksud P.32 [Anggaran Pembangunan 2008] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.32 dan Kepala Pembangunan P.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas. Bukit Bintang.

5.23 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Butiran 010000 – Pengurusan, Kemajuan dan Pembangunan Wilayah Persekutuan. Tuan Pengerusi, berhubung dengan projek terbengkalai Plaza Rakyat yang mana saya sering bangkitkan sejak menjadi Ahli Parlimen Bukit Bintang, saya ingin bertanya mengenai kedudukan mutakhir projek tersebut di mana kementerian selalu menjawab bahawa ia akan dipulihkan tetapi sehingga sekarang tidak ada tanda-tanda ia akan dimulakan.

Soalan saya, adakah pemaju baru telah dilantik bagi menggantikan pemaju lama yang tidak berupaya dan apakah nama pemaju itu dan bagaimanakah kemampuannya untuk menyiapkan projek terbengkalai ini? Apakah syarat-syarat baru yang dikenakan? Yang terpenting sekali ialah bagaimanakah kedudukan para pembeli unit Plaza Rakyat yang telah membeli unit-unit yang telah mengeluarkan wang simpanan sendiri atau membuat pinjaman berjumlah ratusan juta ringgit yang sehingga hari ini masih menunggu projek ini siap dengan harapan. Oleh kerana DBKL adalah satu usaha sama dengan pemaju swasta, saya ingin minta kementerian harus...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Peraturan Mesyuarat, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ipoh Timur membelakangkan Tuan Pengerusi, berdiri. Apa ini? Kena adablah. Dia ada bincang-bincang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Peraturan apa itu?

- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Yang Berhormat.
- Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Peraturan...
Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*
- Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Sudah bangun, tunduk.
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada berkaitan. Ganggu Bukit Bintang berucap.
- Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Ipoh Timur tidak duduk, Tuan Pengerusi.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Saya hendak keluar, hendak balik.
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau hendak keluar, boleh keluar, Yang Berhormat. Saya boleh jemput Yang Berhormat keluar sekarang.
- Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Mahu balik, baliklah, Ipoh Timur. Apa mahu *act* sana lagi?
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Menyampuk]*
- Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Buang masa.
- Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tutup telinga, tutup telinga.
- Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Buang masa lah *you*. Baliklah, Ipoh Timur, baliklah.
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Menyampuk]*
- Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Tuan Pengerusi, saya teruskan ucapan saya. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah jaminan kerajaan bahawa para pembeli ini akan dibantu dan mendapatkan balik unit yang mereka beli...
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Bangun]*
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ipoh Timur hendak minta penjelasan? *[Ketawa]*
- Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** ...setelah siap kelak kerana...
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ipoh Timur, baliklah.
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Bintang sila duduk, sila duduk. Ipoh Timur hendak tanya.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Menyampuk]*
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa hendak tanya, Yang Berhormat?
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Menyampuk]*
- Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Bukan, bukan, saya teruskan.
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila duduk. Beri peluang kepada Bukit Bintang.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini halang penglihatan saya. Sila duduk, sila duduk. Saya hendak tengok Bukit Bintang. Sila duduk, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Saya teruskan, Tuan Pengerusi. Apakah jaminan kerajaan bahawa para pembeli ini akan dibantu dan mendapat balik unit yang mereka beli setelah siap kelak kerana sehingga sekarang nasib mereka...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ipoh Timur sudah jadi GRO Parlimenlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apa ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Tuan Pengerusi, saya merujuk 010000...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: ...juga mengenai cadangan kementerian untuk menjual unit PPR kepada para penyewa...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Timur tidak ada kasihan Bukit Bintanglah.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: ...ke atas mana-mana PPR....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Timur tidak hormat Bukit Bintanglah.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: ...yang ditentukan oleh DBKL.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hormatlah itu Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Bagaimanakah kedudukan seperti lokasi PPR, jumlah unit dan harga jualan dan kelayakan mereka? Bagaimanakah pula cadangan saya dahulu bahawa apakah para penyewa yang sudah lama...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini macam bolehkah, Tuan Pengerusi, boleh itu macam?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: ...mendiami atau menyewa rumah pangsa DBKL...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh hendak cakap, bangun. Sila bangun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: ... atau PPR lama. Adakah mereka pun diberikan peluang yang sama?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Malaysia boleh!

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Usaha untuk membolehkan mereka membeli dan memiliki rumah sendiri. Tuan Pengerusi, 010100 – Pengurusan Am.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ganggu Bukit Bintanglah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Bintang, saya hairan mengapa rakan-rakan Yang Berhormat dari DAP hendak ganggu semasa Yang Berhormat berucap.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Biar saya teruskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sri Gading...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini ada masalah dalaman ini. Ipoh Timur tidak suka Bukit Bintang.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Timur, Ipoh Barat sudah kacau Bukit Bintang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, Yang Berhormat sila gulung, sila gulung.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Ya, saya akan gulung.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gulung.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Saya ingin bangkitkan satu persoalan mengenai setingan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa pasal Ipoh Timur, Ipoh Barat kacau Bukit Bintang?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: ...ditawarkan penyewa rumah PPR, biasanya ketua penyewa ialah bapa atau ibu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak sukakah? Dengarlah dia cakap.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Jika berlaku kematian ke atas mereka, menurut dasar baru DBKL, anak-anak mereka tidak boleh mewarisi atau meneruskan menyewa rumah tersebut. Mereka dikehendaki membuat permohonan baru dan rumah yang diduduki akan ditarik balik dan anak-anak si mati akan ditawarkan unit baru yang barangkali jauh dari unit sekarang. Dasar ini tidak praktikal dan menyusahkan. Memanglah benar anak tidak boleh mewarisi penyewa tetapi DBKL harus bimbang bahawa kebanyakan mereka adalah bekas setingan yang tidak ada memiliki tempat tinggal lain kecuali rumah yang disewa. Saya harap dasar ini diubah supaya anak-anak kedua penyewa pun layak memohon dan meneruskan menyewa jika ibu bapa mereka meninggal.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada 02000 – Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan, peruntukan sebanyak RM250 juta. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah Yang Berhormat beritahu di Dewan yang mulia ini bahawa peruntukan sebanyak RM250 juta untuk apa-apa projek. Saya minta satu senarai yang mana RM250 juta bagaimana digunakan dan untuk projek di mana? Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baiklah kita sambung besoklah. Dewan bersidang semula. Esok saya tentukan siapa hendak ucap.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.